

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.,DPMT.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Osman bin Muda, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah. ....[Al-Fatihah dibaca]....

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

### **DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YANG BERTITAH DATO' YANG DIPERTUA DEWAN KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMOHON PERKENAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU UNTUK BERANGKAT KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

### **TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wabihi Nastain. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu sekalian. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat Beta dan Sultanah hadir pada pagi ini, dan seterusnya bertitah di Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Ketiga Belas.

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Solallahu 'Alaihi Wasallam, dan limpahan keberkatan kepada seisi keluarga dan para sahabat Baginda serta seluruh umat-Nya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta ingin menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat agar memperbaharui tekad dan menjadikan Penggal Persidangan Keempat, Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Ketiga Belas satu lembaran baharu untuk kita sama-sama memberikan yang terbaik demi agama, bangsa dan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

Beta berharap agar semua pihak sentiasa bersatu padu dalam menghadapi tahun 2016 yang dilihat sebagai satu lagi tahun yang sangat mencabar buat negara kita. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia tidak dapat mengelak daripada menerima kesan akibat persekitaran ekonomi global yang sangat tidak menentu. Hal ini disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi dunia, terutamanya minyak mentah, ketidaktentuan pasaran tukaran asing, kelembapan ekonomi negara China yang menjadi rakan dagang terbesar negara, serta ketegangan geopolitik.

Namun, kepelbagaian sumber pendapatan dan pasaran eksport telah membantu negara untuk mengimbangi kesan ketidaktentuan ekonomi global, sehingga terus mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu pada kadar 5% dalam tahun 2015, mengikut laporan Bank Negara Malaysia.

Tindakan Kerajaan Pusat memperkenalkan langkah-langkah Pengubahsuaian Bajet 2016 adalah satu tindakan proaktif demi menjamin kelestarian dan kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.

Beta percaya, Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan Memanda Menteri Besar, Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman, akan turut sama mengambil langkah-langkah yang proaktif di peringkat negeri, selaras dengan Pengubahsuaian Bajet 2016 sepertimana yang diumumkan oleh Memanda Perdana Menteri.

Beta difahamkan bahawa pendapatan negeri akan terjejas berikutan kejatuhan harga minyak di pasaran dunia iaitu daripada 145 Dolar Amerika setong kepada 30 Dolar Amerika setong. Namun Beta yakin dan percaya bahawa kita masih boleh

mengekalkan kecekapan pentadbiran dan tetap menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat sungguhpun keadaan ini agak mencabar.

Bagi perbelanjaan pembangunan, Beta berharap Kerajaan Negeri dapat memastikan pelaksanaan secara sempurna akan projek-projek fizikal yang telah dirancang, khasnya projek-projek berimpak tinggi untuk rakyat. Pelaksanaan projek hendaklah dipantau secara berterusan dan teliti bagi memastikan projek disiapkan mengikut tempoh, sekaligus penggunaan peruntukan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Beta berkeyakinan Negeri Terengganu mampu untuk mencatat lebih banyak kejayaan terutamanya dalam bidang pembangunan berdasarkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan pada tahun 2015. Beta difahamkan ekonomi Negeri Terengganu pada tahun 2015 dianggarkan mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 5.5 peratus.

Sektor perkhidmatan dijangka akan terus menjadi pemacu ekonomi Negeri Terengganu dengan aktiviti berkaitan perdagangan serta pengukuhan kemasukan pelaburan, teknologi dan pelancongan bakal meningkatkan sumbangan kepada KDNK Negeri. Selain daripada itu, kadar inflasi yang sederhana dan terkawal iaitu 2.6 peratus pada November 2015 membolehkan ekonomi negeri kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil pada tahun ini.

Beta menyambut baik usaha Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Memanda Menteri Besar untuk melakukan transformasi ekonomi dengan menubuhkan Majlis Ekonomi Negeri Terengganu atau MEN-T. Sasaran pertumbuhan ekonomi sehingga 8 peratus, peningkatan pendapatan isirumah kepada RM8,000 serta penghasilan 41,000 peluang pekerjaan pada tahun 2020 adalah satu sasaran yang besar tetapi realistik. Pelaksanaan semua projek-projek di bawah MEN-T di harap dapat diberi tumpuan demi faedah dan kebaikan rakyat jelata.

Beta dimaklumkan bahwa Kerajaan Negeri telah menerima dua pelaburan berskala besar yang akan ditempatkan di Kerteh Biopolymer Park (KBP). Pertama, ialah projek pembuatan sarung tangan getah sintetik dengan nilai pelaburan sebanyak RM920 juta. Kedua, ialah projek penghasilan bahanapi daripada kelapa sawit dengan nilai pelaburan sebanyak RM800 juta. Kedua-dua projek ini dijangka akan memberi peluang pekerjaan kepada 4,200 orang. Tahniah Beta ucapkan.

Inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Kuala Terengganu Special Economic Zone (KTSEZ) adalah satu usaha berkesan bagi menseimbangkan pembangunan ekonomi di seluruh Negeri Terengganu. Kawasan KTSEZ ini adalah seluas 729,000 hektar dan didiami hampir 54 peratus rakyat Negeri Terengganu. Beta berharap dengan perancangan yang teliti dan pelaksanaan projek-projek pelaburan yang berimpak tinggi, inisiatif KTSEZ ini dapat meningkatkan tahap sosio-ekonomi rakyat serta menjadikan Bandaraya Kuala Terengganu sebagai sebuah *vibrant city* sekaligus menjadi satu daya tarikan pelancong.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Beta juga amat memandang serius permasalahan kenaikan kos sara hidup di kalangan rakyat. Beta sedia maklum akan usaha Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan program-program Ekonomi Keperluan Rakyat (EKR) sepertimana yang diumumkan oleh Memanda Menteri Besar dalam Bajet Negeri 2015, Bajet Negeri 2016 dan Majlis Ucap Negeri baru-baru ini. Program-program EKR ini diharap bukan sahaja dapat meringankan beban rakyat dalam menangani peningkatan kos sara hidup, malah memberi peluang baharu bagi rakyat menambah pendapatan sampingan melalui penglibatan langsung rakyat dalam bidang keusahawanan.

Antara program EKR yang kreatif dan dilihat mampu memberi impak positif kepada rakyat ialah program Kedai Koperasi, program berniaga dalam kawasan rumah, program 1 Keluarga 1 Usahawan, program Digital Mall, program hadiah SSPN-i untuk bayi yang baru lahir dan Tabung Darul Iman.

Bagi mengawal peningkatan harga barang, Beta turut berharap para pengguna dan agensi penguatkuasa dapat sama-sama berganding bahu dalam menangani masalah penyelewengan harga dan kesalahan mengambil keuntungan secara yang tidak munasabah. Ini adalah kerana, insiatif dan langkah-langkah Kerajaan membantu meringankan beban rakyat tidak memadai. Para peniaga dan usahawan juga diharap dapat memberi kerjasama dengan tidak mengambil peluang menaikkan harga barang secara yang tidak munasabah.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kerana atas berkat usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak, bilangan mereka yang dikategorikan sebagai miskin tegar telah turun dengan mendadak. Mengikut maklumat daripada Pejabat Pembangunan Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, sehingga 14 Januari, 2016, bilangan



mereka yang dikategorikan sebagai miskin tegar telah menurun mendadak kepada 180 orang berbanding 847 dalam tahun 2013. Ini adalah satu cerita kejayaan.

Di samping itu, Beta juga dimaklumkan seramai 40,141 orang rakyat Negeri Terengganu telah terkeluar daripada senarai Pendapatan Garis Kemiskinan. Ini meletakkan Negeri Terengganu di kedudukan pertama dalam senarai seluruh Malaysia kerana mencatatkan jumlah tertinggi penama yang telah terkeluar daripada senarai Pendapatan Garis Kemiskinan berbanding negeri-negeri lain. Di harap usaha-usaha baik ini akan dibuat secara berterusan oleh semua agensi kerajaan demi faedah rakyat jelata.

Isu perumahan ialah isu yang turut menarik perhatian Beta kerana permintaan terhadap perumahan di kalangan rakyat semakin meningkat. Beta sedia maklum bahawa dari tahun 2008 sehingga 2015, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM268.6 juta bagi pelaksanaan Program Bina Baru dan Baikpulih Rumah yang telah memberi manfaat kepada 21,134 orang rakyat di seluruh Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri juga telah mencapai sasaran pengagihan Rumah Mampu Milik di seluruh Negeri Terengganu pada tahun 2015 di mana sebanyak 3,226 unit Rumah Mampu Milik telah ditawarkan kepada mereka yang layak. Beta berharap pada tahun ini, keseluruhan Rumah Mampu Milik yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dapat diagihkan sepenuhnya.

Selain daripada itu, Beta sedia maklum bahawa permintaan perumahan daripada rakyat yang berpendapatan sederhana juga meningkat. Oleh itu, Beta berharap rundingan dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA) bagi membina pembinaan perumahan kos sederhana di Negeri Terengganu dapat mencapai penyelesaian yang terbaik untuk rakyat. Setakat ini, tiga (3) kawasan telah dikenalpasti bagi pembangunan perumahan di bawah SPNB dan lima (5) kawasan telah dicadangkan bagi pembangunan perumahan di bawah Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PR1MA.

Penyediaan perumahan yang selesa untuk golongan penjawat awam juga perlulah dipertingkatkan dari masa ke semasa. Dalam hal ini, Beta berharap agar rundingan di antara Kerajaan Negeri dengan Unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bagi pembinaan perumahan khusus untuk ditawarkan kepada penjawat

awam akan membuahkan hasil. Kebajikan penjawat awam sangat penting diberi perhatian. Dengan kebajikan yang terpelihara, produktiviti dan prestasi kerja juga dapat dipertingkatkan.

Dalam usaha memacu pembangunan negeri, usaha memakmurkan alam serta memelihara ekosistem perlu turut diberi perhatian. Beta menyeru agar segala projek pembangunan hendaklah mengambil kira faktor alam sekitar bagi memastikan pembangunan yang lestari. Beta ingin menzahirkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan yang telah menyalurkan peruntukan untuk pembinaan infrastruktur iaitu sekatan air, telaga tiub dan kolam takungan air bagi tujuan membekalkan sumber air untuk pencegahan kebakaran dan pengurusan tanah gambut yang sering terbakar khususnya di kawasan yang sumber airnya amat terhad. Beta difahamkan kos pembinaan infrastruktur di Tok Kah, Dungun serta di Lembah Bidong, Setiu dan Baruh Keranji, Besut menelan belanja sebanyak RM1.25 juta.

Dalam menghadapi fenomena El-Nino yang sedang melanda ketika ini, Beta menyeru semua pihak agar tidak melakukan aktiviti pembakaran secara terbuka serta bekerjasama dalam usaha memadam kebakaran-kebakaran kecil serta melaporkan kes-kes pembakaran terbuka kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Rakyat turut dinasihatkan agar berjimat dalam penggunaan air dan melindungi diri daripada panas terik yang mungkin boleh menjejaskan kesihatan.

Beta ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan pelaksanaan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, Projek Rancangan Tebatan Banjir Kemasik, dan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Besut dengan kos sebanyak RM375 juta dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK 11). Beta berharap projek ini dapat dilaksanakan dengan kadar segera supaya bencana banjir dapat dielakkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Tahun 2017 telah diumumkan sebagai Tahun Melawat Terengganu. Beta berharap agar Kerajaan Negeri terus memperkasa produk-produk pelancongan dan meningkatkan promosi galakan pelancongan khasnya pelancongan di kalangan rakyat tempatan, agar Negeri Terengganu menjadi destinasi pelancongan utama

di negara ini. Sumbangan sektor pelancongan terhadap KDNK negeri mampu dipertingkatkan kerana ianya mempunyai potensi yang sangat besar bukan sahaja sebagai pemangkin ekonomi negeri malah mampu menjana pendapatan di kalangan rakyat jelata.

Pengisytiharan Setiu Wetlands sebagai Taman Negeri pertama di negeri ini adalah usaha positif ke arah memperkenalkan produk ekopelancongan sebagai salah satu produk yang utama dalam industri pelancongan negeri. Setiu Wetlands mempunyai keunikan tersendiri dengan 9 ekosistem yang melibatkan tiga (3) kawasan iaitu Kampung Mangkuk, Kampung Pengkalan Gelap dan Kampung Gong Batu di Setiu. Beta yakin, Pembangunan Setiu Wetlands bakal memberi impak positif kepada kesedaran memelihara khazanah ekologi yang amat berharga di samping menjana peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada rakyat Beta.

Beta juga ingin menyeru agar pelancongan di pulau-pulau diberi perhatian bagi menjamin kesejahteraan rakyat tempatan dan para pelancong. Aktiviti pelancongan perlu dikawal supaya keindahan dan kelestarian pulau-pulau dapat dipertahankan sebagai satu warisan bangsa. Usaha-usaha mengawal, memelihara dan menjaga harta yang tidak ternilai ini haruslah dipertingkatkan agar manfaatnya dapat dinikmati sehingga ke generasi akan datang. Beta turut sukacita kerana Kerajaan Negeri dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) akan membangunkan sistem bekalan elektrik yang lebih efisien di Pulau Perhentian dengan kos sebanyak RM50 juta. Ini adalah faedah besar untuk rakyat.

Di kesempatan ini, Beta ingin menyeru semua pihak agar dapat sama-sama berganding bahu dalam menjayakan Tahun Melawat Terengganu 2017. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mencapai agenda Terengganu Terbersih hendaklah diteruskan, dengan peruntukan bajet untuk kerja-kerja kebersihan ditambah daripada RM40 juta pada tahun 2015 kepada RM71 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan Kerajaan Beta tidak memandang remeh isu kebersihan kerana kebersihan itu cerminan iman dan gambaran budaya rakyat Terengganu.

Antara elemen penting dalam mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negeri ialah dengan menawarkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat. Beta bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan telah meluluskan cadangan pembinaan sebuah hospital baharu di Negeri Terengganu

iaitu Hospital Kemaman di dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK 11), sekaligus dapat menyelesaikan kesesakan di hospital sedia ada.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan membina atau menaiktaraf Pusat-Pusat Rehabilitasi dan Hemodialisis di setiap Parlimen. Ianya merupakan satu program EKR dalam sektor kesihatan bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Beta juga sukacita apabila dimaklumkan akan usaha Kerajaan Negeri yang akan melaksanakan satu Program Perintis iaitu 'Healthy Walkable City', yakni program yang pertama seumpamanya di negara. Program dengan kerjasama Kerajaan Pusat ini akan memudahkan rakyat berjalan kaki dalam Bandar melalui pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung sepanjang 400 meter dari Pasar Payang ke Stesen Bas Kuala Terengganu. Ianya secara tidak langsung dapat menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat serta mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Beta turut bimbang dengan peningkatan Wabak Denggi yang melanda negeri ini. Beta difahamkan, sejumlah 662 kes telah dicatatkan dalam tempoh sebulan bermulanya tahun baru 2016. Beta ingin menyeru semua pihak khususnya rakyat jelata dan para penduduk agar menjaga kebersihan persekitaran rumah, mengelakkan dari membuang sampah merata-rata serta sentiasa ambil peduli dalam kehidupan berjiran.

Beta dimaklumkan bahawa pelbagai usaha kawalan dan pencegahan telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Kesihatan dalam memerangi wabak ini. Malangnya dalam tempoh bulan Januari 2016 sahaja, sudah 6 kematian direkodkan. Beta dan Sultanah amat sedih dan bersimpati dengan keluarga semua mangsa tersebut.

Menyedari hakikat bahawa langkah-langkah pencegahan dan kawalan telahpun diambil oleh Kerajaan Negeri dengan Jabatan Kesihatan, Beta ingin menyeru semua pihak agar bergerak semaksima mungkin dalam mengekang Wabak Denggi ini. Kita tidak boleh mengambil mudah atau memandang ringan satu jenis wabak yang walaupun disebabkan oleh gigitan seekor nyamuk yang kecil, tetapi gigitan tersebut sebenarnya mampu membawa maut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebahagian besar rakyat negeri ini adalah petani. Nasib dan kebajikan mereka perlu terus dibela. Beta berharap Kerajaan Negeri dapat memperkasa sektor pertanian dan secara tidak langsung meningkatkan taraf kehidupan golongan petani. Beta merasa bangga dengan adanya projek-projek *flagship* dalam bidang pertanian contohnya Projek Melon Manis Terengganu yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian.

Usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan penghasilan dan bekalan beras adalah baik. Projek Infrastruktur Tanaman Padi Kampung Jelapang, Setiu yang berkeluasan 735 hektar bakal menjadi satu kawasan tanaman padi berskala besar yang baru di negeri ini.

Dalam bidang pendidikan, Beta merasa sukacita dengan beberapa cerita kejayaan atau *success stories* yang membuktikan bahawa anak Negeri Terengganu boleh. Beta bangga dengan pencapaian anak-anak Terengganu yang telah mencatatkan keputusan Peperiksaan UPSR 2015 terbaik dalam negara buat kali ke-15. Pencapaian pada kali ini lebih istimewa kerana Negeri Terengganu telah mengungguli kejayaan dalam tiga kategori iaitu Peratus Tertinggi Pencapaian Semua A, Gred Purata Negeri (GPN) dan Peratusan Tertinggi Minimum C dalam semua matapelajaran.

Negeri Terengganu juga turut mencatat peningkatan mendadak dalam Pentaksiran Tingkatan 3 atau PT3 tahun 2015. Pada tahun 2014, 233 orang calon mendapat semua A. Pada tahun 2015, angka itu mengalami lompatan saujana, meningkat kepada 699 orang. Peningkatan sebanyak 200%! Syabas anak-anak Terengganu.

Beta juga tertarik dengan kejayaan anak-anak Terengganu di peringkat pengajian tinggi. Peningkatan besar bilangan pelajar universiti anak Terengganu yang mendapat Ijazah Kelas Pertama iaitu CGPA 3.75 ke atas, telah meningkat mendadak iaitu daripada 98 orang pada tahun 2014 kepada 313 orang pada tahun 2015. Tahniah Terengganu.

Ini adalah cerita-cerita kejayaan rakyat Terengganu yang telah mengharumkan nama Negeri Terengganu hasil dari sikap mereka yang sentiasa berani mencabar kelaziman. Transformasi Terengganu Baharu atau TTB hendaklah dijadikan dorongan dan inspirasi agar potensi rakyat Negeri Terengganu dapat diserlahkan

untuk kemajuan negeri, negara dan seluruh dunia. Justeru Beta ingin menyeru semua pihak agar dapat mempertingkatkan usaha mencatatkan lebih banyak cerita kejayaan dalam pelbagai bidang supaya Negeri Terengganu Darul Iman terus cemerlang di persada antarabangsa.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Beta menaruh harapan agar kerjasama sebagai satu pasukan sentiasa diamalkan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik demi kebajikan rakyat dan Negeri Terengganu Darul Iman yang kita sayangi. Sentiasalah patuhi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri semasa bersidang supaya perjalanan sidang dapat berjalan dengan teratur dan sempurna. Laksanakanlah urusan dengan penuh rasa hormat-menghormati antara satu dengan lain dan gunakanlah tutur kata yang baik-baik. Peliharalah akhlak agar sentiasa terpuji kerana Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam diutus untuk menyempurnakan akhlak di kalangan kita semua.

Beta juga menyeru agar semua pihak sentiasa mengangkat martabat Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri ke tahap yang dihormati mengatasi segala kepentingan peribadi dan kecenderungan ideologi. Beta yakin negeri dan rakyat akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup sekiranya sikap hormat-menghormati dan mematuhi undang-undang dijadikan landasan utama.

Akhirnya, Beta berharap Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Memanda Menteri Besar, Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh jentera pentadbiran awam, sentiasa diberi petunjuk dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam menyempurnakan tanggungjawab dengan penuh adil lagi saksama, ikhlas lagi beramanah.

Beta turut berharap semua perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam memastikan matlamat Terengganu sebagai Negeri Maju, Makmur dan Progresif tercapai. Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan lafaz yang mulia, "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas. Selamat Bersidang.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi memberi ruang dan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti Titah Diraja bagi membuat perbahasan untuk esok dan lusa, maka saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga esok hari, Selasa, 8 Mac 2016, pukul 9.30 pagi.

Sebelum kita bersurai marilah sama-sama kita membaca dengan ikhlas Surah Al-'Asr. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.02 PAGI.

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.,DPMT.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI



Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Osman bin Muda, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

## PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi yang mulia ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. ....[Al-Fatihah dibaca]... Amin... Amin... Amin. Ya Rabbal `Alamin.

### **UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil `Alamin. Wassalatu wassalamu'ala Sayyidina Muhammadin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. Rabbish rahli sadri wa yassirli amri wahlul ukhdatan min lisaani yaf kahu kauli. Rabbi yassir wala tu'assir. Ya karim. Ya karim. Ya karim. Ya latif.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, saudara-saudari yang saya hormati sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama semua memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan petunjuk, kerana dengan kekuasaan, kekuatan serta limpah kurnia-Nya maka dapatlah kita sekali lagi di hari yang mulia ini bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat yang Pertama Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas yang diadakan selama tiga hari yakni bermula pada hari kelmarin 7hb Mac, hari ini 8hb Mac dan insyaAllah esok 9hb Mac 2016.

Ribuan jutaan terima kasih saya ungkapkan, ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kerana telah menunjukkan muafakat yang hebat lagi berdarjat yang telah ditunjukkan selama ini dalam memastikan semua urusan perjalanan Dewan Undangan Negeri dilaksanakan dengan keadaan yang baik, molek mawaddah warahmah.

Saya cukup yakin kesatuan matlamat untuk menyuburkan bumi Allah ini ke arah Terengganu bumi bertuah bagi mencapai *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*. Yak inilah, peganglah dan simpullah dengan kalimah syahadat yang kita sama-sama sebut, kita ratib setiap hari terutamanya dalam solat kita agar kita sama-sama dapat memacu Terengganu menjadi negeri yang lebih molek, muluk dan baik.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telahpun selesai Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas semalam, yakni pada 7hb Mac 2016 yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Dan pada hari ini 8hb Mac 2016 sebaik sahaja selesai pembentangan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-Laporan, Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya adalah Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 92 soalan-soalan secara keseluruhannya. Di mana 43 soalan-soalan bertulis dan 49 soalan secara lisan.

Seperti biasa sesi untuk Soalan-soalan Lisan akan diberikan peruntukan masa selama satu jam dan insyaAllah tiga soalan tambahan akan dibenarkan bagi setiap satu Soalan Lisan yang dikemukakan. Soalan-soalan Lisan yang dikemukakan dan soalan-soalan tambahan hendaklah menjurus kepada soalan-soalan asal. Jikalau ada soalan-soalan tambahan yang tidak menjurus kepada soalan-soalan asal akan ditolak mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan.

Tertib Pekerjaan seterusnya ialah Usul Menjunjung Kasih. Setelah usul ini dibentangkan dan mendapat sokongan maka saya akan memberikan peluang insyaAllah kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk berucap selama 15 minit setiap seorang. Dan kepada penyokong usul akan diberikan masa yang lebih panjang 5 minit, kita tambah 5 minit jadi 20 minit. Kita mempunyai masa selama dua hari untuk membahas Usul Menjunjung Kasih ini.

Saya cukup berharap agar Ahli Yang Berhormat sekalian sudah bersedia, saya berikan ruang semalam membaca Titah Ucapan. Sama-samalah kita bermuafakat untuk menentukan giliran masing-masing dan minta berucap dengan penuh berkualiti tinggi. Saya juga berharap agar semua Ahli Yang Berhormat sekalian dapat memainkan peranan dan dapat memberikan sumbangan bermakna untuk agama, bangsa dan negara.

Kita dipilih sebagai Yang Berhormat ialah untuk berkhidmat untuk rakyat, insyaAllah. Jadi nasihat saya kepada semua Ahli Yang Berhormat pastikan tertib peraturan Dewan Undangan Negeri Terengganu dipatuhi dan semasa ucapan perbincangan ungkaplah perkataan yang muluk-muluk, yang baik-baik. Dan jagalah tatasusila kita agar Allah sentiasa merahmati kita.

Jadikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu sebagai panduan kita untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Marilah kita sama-sama mengamalkan peringatan Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Kalam ayat keempat yang bermaksud: "*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia*". Juga sebagaimana sabda Rasulullah Sallahu'alaihi Wassalam yang bermaksud: "*Sesungguhnya orang yang paling dekat kedudukan antara*

*kamu denganKu adalah orang yang paling baik akhlaknya dan yang berperilaku lemah lembut di mana mereka mengasihani hati orang lain dan orang lain juga mengasihani mereka".* Hadis riwayat At-Tabrani.

Marilah kita sama-sama mengelakkan diri kita daripada segala yang boleh menyakitkan hati rakan-rakan taulan kita dan marilah kita pastikan sumbangan kita yang terbaik untuk rakyat yang telah memilih kita. Saya juga memohon kepada Ahli Yang Berhormat sekalian patuhlah peraturan-peraturan perbahasan yang ada dalam Peraturan Tetap khususnya dalam berbahas dalam Fasal 46. Marilah kita sama-sama sepertimana yang kita selalu buat, kita tak pernah buat dan selama ini kita telah buat, maka kita menjaga setia kawan kita semua.

Marilah kita wujudkan suasana aman dan tenteram yang berpaksikan kepada ukhuwah Islamiah ini. Sebagaimana sabda junjungan kita Nabi Muhammad Sallahu'alaihi Wassalam: "*Sesiapa yang mencegah lidahnya nescaya Allah akan menutup aib-aibnya. Sesiapa yang dapat mengendalikan amarahnya nescaya Allah akan memelihara dari azab-Nya. Sesiapa yang memohon keuzuran kepada Allah, maka Allah akan menerima permohonannya*". Riwayat Ibnu Mas'ud.

Dan seperti biasa Persidangan pada hari ini disaksikan oleh Pemerhati-Pemerhati yang datang daripada segenap lapisan. Saya mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-Pemerhati yang terdiri.... Ramai hari ni, seramai 180 orang daripada:-

- Majlis Tindakan DUN Sura
- MAYC
- KEMAS
- Pemuda UMNO Bahagian Kuala Nerus
- DUN Bandar
- Terengganu Strategik Integriti Institut (T-ISSI)
- Jabatan Audit Negara
- Pejabat ADUN Pengkalan Berangan
- Perisikan Tentera Terengganu
- DUN Kemasik
- DUN Rhu Rendang
- PERMATA (paling ramai 40 orang)
- Puteri UMNO Negeri Terengganu
- DUN Ajil
- DUN Jabi
- SERIKANDI
- DUN Manir
- DUN Kota Putera

Selamat menjadi Pemerhati.

Sebagaimana telah saya perkatakan sebentar tadi bahawa apa yang kita lakukan dalam Dewan yang mulia ini akan menjadi ikutan, turutan, peringatan kepada semua yang hadir terutamanya kepada Pemerhati-pemerhati yang berada di atas sana. Dan yang paling utama kita sebagai Wakil Rakyat yang diberi amanah yang cukup besar kepada Allah Subhanahu Wata'ala, marilah kita laksanakan *ahsanu* amalan kita agar kita semua dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala.

Ingin saya ingatkan sekali lagi bahawa Dewan tidak membenarkan sebarang rakaman yang tidak rasmi dilakukan dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya minta semua warga Dewan mematuhi peraturan-peraturan berpakaian dan saya mohon mulai daripada sekarang sekiranya masih ada telefon yang tidak diletakkan dalam *mode* senyap agar berbuat demikian mulai sekarang supaya tidak mengganggu sidang Dewan pada kali ini.

Akhir kata, selamat bersidang. Mudah-mudahan persidangan kita pada kali ini lebih aman, lebih tenang, lebih tenteram, lebih cemerlang sehingga diberkati Allah Subhanahu Wata'ala duniawi dan ukhrawi.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

## **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-Laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Tahun 2014 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.  
(D.U.N. Bil.1/2016)
2. Penyata Kewangan Tahun 2014 Yayasan Terengganu.  
(D.U.N. Bil.2/2016)
3. Penyata Kewangan Tahun 2014 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.  
(D.U.N. Bil.3/2016)
4. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2014 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.  
(D.U.N. Bil.4/2016)
5. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu (Siri 3).  
(D.U.N. Bil.5/2016)
6. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu.  
(D.U.N. Bil.6/2016)



## **SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

YANG BERTITAHU DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-Ahli Yang Bertitahu sekalian ialah soalan-soalan daripada:-

1. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
2. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
3. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
4. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggai)
6. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
7. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)
8. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
9. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
10. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
11. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
12. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)

13. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
14. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
15. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sekarang kita masuk kepada Soalan-Soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
3. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor  
(Wakil Langkap)
4. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa  
(Wakil Kota Putera)
6. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
7. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman  
(Wakil Batu Rakit)
8. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
9. Y.B. Mohd Iskandar bin Jaafar  
(Wakil Jabi)
10. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggal)
11. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
12. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
13. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)

14. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
15. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
16. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
17. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
18. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)
19. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
20. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
21. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

Sekarang saya mempersilakan Wakil Air Putih untuk mengemukakan Soalan Lisan yang pertama. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

*Apakah langkah-langkah utama yang diambil oleh Kerajaan tahun ini untuk berhadapan dengan penurunan mendadak pendapatan Kerajaan sekiranya harga minyak masih berkisar sekitar USD30 setong?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, wakil-wakil media, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari yang dikasihi sekalian.

Pertamanya, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Air Putih ini ada persamaan dengan lima lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Rhu Rendang, Yang Berhormat Batu Burok, Yang Berhormat Batu Rakit, Yang Berhormat Jabi dan juga Yang Berhormat Bandar iaitu berkait dengan soalan: Apakah langkah-langkah utama yang diambil oleh Kerajaan tahun ini untuk berhadapan dengan penurunan mendadak pendapatan Kerajaan sekiranya harga minyak masih berkisar sekitar USD30 setong?

Jadi nampaknya Yang Berhormat-Yang Berhormat ramai berminat berkait dengan soalan dan dengan isu yang kita hadapi sekarang. Saya ucapkan setinggi ucapan terima kasih kerana ini adalah peluang yang terbaik untuk Kerajaan menerangkan kepada rakyat tentang isu begini dan bagaimana kita menangani untuk menyelesaikan permasalahan yang tersebut.

Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat Air Putih dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Langkah utama Kerajaan Negeri untuk berhadapan dengan penurunan mendadak pendapatan Kerajaan ialah kita telah membuat penilaian semula serta pengubahsuaian Bajet Tahun 2016 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 20 Januari 2016 iaitu lebih awal daripada apa yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 28 Januari 2016. Sekian terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila, soalan tambahan pertama daripada Air Putih.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):** Nak tahu daripada pihak Kerajaan dengan kekangan yang kita hadapi sekarang ini bagaimana Tabung-Tabung Kronik, Dana Hari Raya, Sara Hidup JKM dan sebagainya. Adakah benda ini akan kita dipotong, dikurangkan atau masih dalam keadaan yang sama atau ada apa strategi Kerajaan? Terima kasih.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih. Jadi sebelum itu saya juga nak pohonlah, pohon daripada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk saya dapat membuat penjelasan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh wakil-wakil yang lain. Seperti yang saya *duk* umumkan sebelum ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, harga minyak di pasaran dunia ini kita sedia maklum telah jatuh dengan begitu teruk sekali dan telah menyebabkan pendapatan tahunan Kerajaan Negeri telah berkurangan. Untuk itu kita juga telah membuat pengubahsuaian Bajet 2016 sepertimana yang dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Kerajaan Negeri akan mengutamakan perkara-perkara yang wajib, yang diberi keutamaan seperti gaji kakitangan Kerajaan dan bantuan serta peruntukan untuk kebajikan rakyat termasuklah bantuan untuk pesakit kronik seperti Tabung Darul Iman, Dana Raya dan Dana Remaja.

Dan dalam keadaan yang begitu, Kerajaan Negeri juga telah merangka beberapa kaedah dan cara-cara tertentu yang boleh kita transformasikan kerana kita juga tidak boleh mengharapkan 100% daripada bantuan Kerajaan. Jadi kerana itu, dalam situasi yang sebegini maka Kerajaan telah bertindak untuk kita membuka peluang-peluang kepada orang perseorangan, GLC atau badan-badan korporat terutama korporat negeri untuk membantu dalam situasi yang sebegini. Kerana itu maka kita telah mewujudkan beberapa tabung. Sepertimana sebelum ini kita telah ada Tabung Pembangunan Sukan Negeri. Apabila kita telah buka tabung ini dan memberi peluang kepada mana-mana pihak yang nak memberi sumbangan, alhamdulillah. Maka tabung kita baru-baru ini telah kita perolehi kutipan tidak kurang daripada RM22.25 juta. Dan begitu juga dengan Tabung Darul Iman ini, insyaAllah, kerana kita bercadang untuk membuka peluang kepada mana-mana pihak yang nak memberi sumbangan kepada Tabung Darul Iman kerana hari ini apabila kita dah membuka satu pejabat atau Sekretariat Tabung Darul Iman di Jalan Sultan Ismail. Sambutan ini amat menggalakkan dan saya difahamkan setakat ini kita baru buka dalam sebulan lebih, perbelanjaannya sudah menjangkau kepada RM800 ribu. Jadi kerana itulah, maka kita Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka peluang kepada korporat, GLC, pihak-pihak tertentu untuk memberi sumbangan. Dan boleh juga dibuat melalui potongan gaji. Jadi InsyaAllah, tentang perkara ini akan kita kemukakan selepas ini di mana kita memberi peluang untuk mana-mana pihak untuk memberi sumbangan dengan tidak secara langsung dalam situasi begini akan berlakunya permuafakatan dan solidariti.

Jadi berkait dengan tabung-tabung seperti yang Tabung Darul Iman, Dana Raya dan juga Dana Bakti Remaja dan juga Dana Pakaian Sekolah. Peruntukan ini, ketiga-tiga peruntukan untuk tabung-tabung dan dana ini kita memang tidak ada masalah dan kita telah menyediakan peruntukan. Ini akan diberi keutamaan dan kita faham dan kita sedar bahawa dana-dana ini akan meningkat daripada tahun ke tahun dia meningkat. Kita jangka pada tahun ini pun bilangan penerima juga akan bertambah. Kalau Dana Tabung Darul Iman untuk Tahun 2015 kita telah mengagihkan sebanyak RM5.3 juta kepada 3,000 orang penerima. Tetapi sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan kita nak memastikan bahawa perkhidmatan kita kepada rakyat adalah yang terbaik. Dalam soal ini insyaAllah, Kerajaan Negeri memberi komitmen bahawa perkara ini akan menjadi keutamaan dan bantuan ini akan kita pastikan akan disalurkan kepada mereka-mereka yang

sepatutnya ataupun yang terlibat kerana kita menggunakan konsep “Mungkin kecil bagi kita tapi sangat besar bagi rakyat”. Inilah komitmen kita. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Saya bagi semua, insyaAllah saya bagi sebab soalan ini merangkumi lima soalan, ya. Sila Langkap.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagaimana bantuan atau pinjaman ke universiti ataupun bantuan-bantuan ke kolej-kolej, ke universiti ataupun sebagainya? Terima kasih.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Langkap dengan persoalan yang ditimbulkan. Dan kita faham dan kita ketahui bahawa Negeri Terengganu kita ini memang adalah yang terbaik dalam bidang pendidikan. Sehingga baru-baru ini apabila Menteri Pendidikan Malaysia datang berkunjung ke Terengganu dia menyatakan kepada saya secara peribadi menyatakan dia rasa kagum dengan keputusan-keputusan peperiksaan dan juga pendidikan yang telah dihasilkan oleh anak-anak Terengganu dan dia merasakan bahawa perlunya Negeri Terengganu untuk membuat hebahan dan juga membantu negeri-negeri yang lain.

Ini adalah satu pengiktirafan yang besar kepada Negeri Terengganu dan tidak secara langsung ini juga akan dapat memastikan Terengganu kita akan berada di persada bukan hanya di peringkat negara malah di peringkat antarabangsa. Kerajaan Negeri adalah sebuah Kerajaan yang amat cakna kepada rakyat. Kita juga sebuah Kerajaan yang amat memberi perhatian yang sangat besar kepada bidang pendidikan. Dan kita tahu bahawa pelaburan dalam bidang pendidikan ini adalah pelaburan yang sangat tinggi. Tetapi sudah pasti pelaburannya adalah yang terjamin keuntungannya. Kerana itu kita melihat baru-baru ini bahawa dalam peperiksaan 2015, Peperiksaan Awam ada lima Peperiksaan Awam 2015 iaitu UPSR, PT3, STAM, STPM dan SPM. Jadi daripada kelima-lima peperiksaan ini alhamdulillah, kita dapati bahawa empat daripada lima peperiksaan ini kita menjadi Juara Kebangsaan. ...[Tepukan sokongan]... Cuma SPM sahaja kita masih lagi belum dapat lagi mencapai kejuaraan tetapi walau bagaimanapun saya nak mengucapkan setinggi tahniah terutama kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, kepada PPD, kepada Pengetua-Pengetua, Guru Besar-Guru Besar, para ibu bapa dan juga guru-guru serta pelajar-pelajar kita kerana dalam keadaan yang sebegitu kita mencipta kejuaraan UPSR. Kita mengungguli tiga kategori dalam kejuaraan. Kemudian, dan satu lagi STPM baru-baru ini kita juga mengungguli tiga kejuaraan. Ini adalah satu pencapaian yang amat tertinggi dalam sejarah Negeri Terengganu. Dan walaupun kita baru-baru ini SPM kita tidak mendapat yang terbaik di peringkat kebangsaan tapi pencapaian yang baru ini adalah merupakan

yang terbaik dalam sejarah Negeri Terengganu. Tahniah sekali lagi kepada semua guru-guru, ibu bapa dan para pelajar.

Jadi Kerajaan Negeri Terengganu dalam bidang pendidikan ini adalah natijah dari kecaknaan dan keprihatinan Kerajaan negeri juga. Memang dari dulu lagi Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu sangat mengutamakan tentang pendidikan. Setiap tahun kita menyediakan malah dalam Bajet 2016 ini juga kita telah memperuntukkan satu bajet yang besar kepada pendidikan. Jadi, walaupun kita menghadapi cabaran yang menyebabkan pendapatan kita berkurangan memang dalam bila kita buat rasionalisasi atau pengubahsuaian bajet kita ada berlaku pengurangan.

Tetapi walau bagaimanapun, kita akan mengguna mekanisme yang lain, kaedah yang lain. Antara mekanisme yang akan kita gunakan nanti ada beberapa program pendidikan ini akan ditaja oleh pihak-pihak yang lain termasuk GLC, termasuk korporat. Jadi maknanya di sini bahawa dalam hakikat sebenarnya tidak akan berlaku pengurangan bajet tersebut. Tetapi cuma mekanisme dan kaedah sahaja yang berbeza. Dalam soal ini kita akan mengajak semua pihak untuk membantu bagi kita merealisasikan kejayaan dan kecemerlangan pendidikan kita ini tidak terjejas walaupun dalam keadaan ekonomi ataupun krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang ini. InsyaAllah inilah komitmen Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan pokok dia sekarang ialah, Belanjawan Negeri Terengganu yang kita luluskan pada bulan 12 yang lalu adalah berjumlah RM2.2 bilion. Pengumuman oleh Petronas kejatuhan besar dalam keuntungan bersih dia sehingga 51% juga membawa maksud yang Kerajaan Negeri Terengganu akan menerima terimaan daripada hasil tersebut kurang daripada jumlah yang sepatutnya. Kalau mengambil kira pengumuman Petronas, ini juga membawa maksud kemungkinan besar kita menerima pengurangan sebanyak 51%.

Jadi bagaimanakah pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak menguruskan Belanjawan yang telah berkurang sebanyak 51% mengikut kepada *quotation* tersebut. Dan langkah yang kita nak tahu sekarang sepatutnya Dewan ini diberitahu *reconciliation* yang telah dibuat tu adalah mengambil kira jumlah yang telah berkurangan lebih daripada separuh ini. Itu yang kita nak dengar pada hari ini. Terima kasih.



YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Bandar. Memang kita sebenarnya sebelum ini dah ada beberapa siri perbincangan di antara Perbendaharaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan Unit Perancang Ekonomi termasuk juga pertemuan dan perjumpaan kita dengan wakil-wakil Petronas dan juga daripada MOF untuk kita mendapatkan makluman-makluman dan juga untuk kita nak membina satu cadangan pengubahsuaian dan tindakan-tindakan kawalan Bajet 2016.

Jadi antara perkara yang telah kita laksanakan yang pertama ialah mengawal peruntukan untuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada RM700 juta kepada RM400 juta sahaja. Manakala perbelanjaan Pembangunan dibenarkan sebanyak RM500 juta sahaja berbanding jumlah peruntukan asal RM1.138 bilion.

Yang kedua, menilai semula pemberian caruman kepada Jabatan atau Agensi, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu dijangka peruntukan asal berjumlah RM334 juta kepada hanya RM151.5 juta sahaja.

Yang ketiga, menilai semula peruntukan di bawah Vot B.32 - Pelbagai Perkhidmatan daripada jumlah peruntukan RM450 juta kepada RM350 juta sahaja.

Yang keempat, membuat penilaian semula ke atas Bajet Mengurus dan Pembangunan semua Jabatan Negeri termasuk mengeluarkan waran sekatan mengikut Osol yang difikirkan perlu berdasarkan aliran tunai semasa dengan kelulusan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.

Yang kelima, mengeluarkan Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri Bilangan 2 Tahun 2016 berkait langkah-langkah penjimatan kepada semua Jabatan, Agensi-agensi, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri supaya mengawal perbelanjaan jabatan atau agensi masing-masing.

Yang keenam, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2016 bagi mengemaskini kadar harga makanan atau jamuan yang dianjurkan oleh Ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Surat Pekeliling Langkah Penjimatan Penggunaan Utiliti, Elektrik, Air, Telefon di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Terengganu mengikut surat SUK.TR.1140/16 Bhg. 11 Ska. (44).

Ketujuh, taklimat mengenai Pengubahsuaian Bajet 2016 serta langkah-langkah penjimatan kepada semua Ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak

Berkuasa Tempatan dan Anak Syarikat Negeri telah diadakan pada 14 Februari 2016 di Wisma Darul Iman.

Pengubahsuaian Bajet adalah seperti berikut :-

Bajet asal 2016 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 3 Disember 2015 adalah berjumlah RM2.103 bilion. Bajet 2016 telah diubahsuai pada 20 Januari 2016 iaitu sebanyak RM1.473 bilion. Pengurangan sebanyak RM630 juta.

Kita anggarkan hasil 2016 asalnya RM2.02 bilion. Tetapi anggaran hasil yang diubahsuai adalah sebanyak RM1.473 bilion. Seperti Hasil Cukai sebanyak RM58,380,300. Hasil Bukan Cukai RM201,619,700. Terimaan Bukan Hasil RM1,213,000,000. Dana daripada Terimaan Bukan Hasil (Dana Khas Kerajaan Persekutuan) kita jangka tahun ini kita akan terima sebanyak RM850 juta.

Tunggakan DKKP sebanyak RM220 juta yang telah diberi komitmen dan duit ini telah kita terima pada awal tahun baru ini. Geran Kerajaan Persekutuan sebanyak RM113 juta, terimaan dari Jabatan lain Pulang Balik Perbelanjaan sebanyak RM30 juta. Jadi Anggaran Hasil diubahsuai adalah sebanyak RM1,473,000,000. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila Batu Burok soalan tambahan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya adalah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Bandar tadi tentang pengurangan bajet asal kita yang berjumlah RM630 juta iaitu 30% daripada bajet asal yang kita sama-sama luluskan di Dewan yang mulia ini pada akhir tahun lepas. Saya masih tidak nampak dalam penjelasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat dalam Dewan ini tentang bagaimana untuk kita melihat dan mengkaji balik ataupun menstrukturkan balik syarikat-syarikat ataupun GLC kita yang besar, anak-anak syarikat yang begitu banyak di bawah Kerajaan Negeri Terengganu ini yang perlu kepada suatu *overhaul* dengan izin, dan juga penstrukturan yang begitu besar khususnya sebagai contoh Syarikat EPIC yang merupakan dengan izin *cash cow* yang begitu membantu Kerajaan Negeri Terengganu perlu kepada suatu *overhaul* yang begitu besar. Begitu juga dengan projek-projek mega yang masih berjalan khususnya Bebas Cukai di Kenyir.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Soalan Dato' Yang Dipertua. Pergi kepada soalan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, soalan dia. Perlu kepada penjelasan di dalam Dewan ini dan suatu contoh yang paling *simple* yang boleh dilakukan dengan segera oleh Kerajaan di Negeri Terengganu adalah Pasukan Bola Sepak T-Team Negeri Terengganu. Kita boleh terus tanpa sebarang perasaan yang malu ataupun segan membubarkan Pasukan T-Team ini. Perlu apa kita ada dua pasukan premium yang bajetnya saya rasakan tak kurang daripada RM5 juta atau RM6 juta ataupun lebih untuk berada dalam pasukan yang begitu besar.

Jadi ini perlu kepada suatu tindakan yang berani oleh Kerajaan Negeri untuk kita melihat bahawa bajet ini ataupun pengubahsuaian ini dapat menjurus kepada kepentingan rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah Batu Burok soalan tu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih banyak-banyak kepada Batu Burok. Jadi apa semua perkara yang Batu Burok sebut tadi semuanya dalam perhatian Kerajaan. Jadi perkara ini sedang disemak dan dilihat semula dan insyaAllah ada lagi beberapa perubahan yang akan dilakukan dari masa ke semasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Se lagi boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Satu kepentingan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup panjang dah. Terima kasih. Lagipun Y.B. tidak ada tersenarai bertanya soalan yang sama, ya? Kita bagi keutamaan kepada Y.B. yang bertanya soalan yang sama.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan sama, dekat yang bertulis Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seterusnya saya mempersilakan Y.B. Paka. Sila mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Soalan nombor satu -

*Mohon penjelasan tentang status Perumahan Generasi Kedua Anak Peneroka di Tanah Rancangan FELDA Kerteh Dua, Paka?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Jadi terima kasih kepada Wakil Paka yang mohon penjelasan tentang status Perumahan Generasi Kedua Anak Peneroka di Tanah Rancangan FELDA Kerteh Dua, Paka. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakil Paka dan sidang hadirin sekalian, Kerajaan Negeri sebenarnya telah menerima satu cadangan pembinaan Perumahan Generasi Kedua Anak Peneroka di Tanah Rancangan FELDA Kerteh Dua, Paka dan buat masa ini masih lagi di peringkat rundingan antara Kerajaan Negeri, FELDA dan juga pemaju. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila soalan tambahan pertama ADUN Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan Negeri sedar sebelum tu lah, adakah sebenarnya dia sudah mendapat kelulusan di peringkat Pembangunan Tanah Daerah ataupun sudah mendapat makluman peringkat Exco dan sebagainya. Sebab dalam suasana sekarang tapak tersebut sudah dimasuk jentera dibersihkan apa dan sebagainya. Kalau masih lagi diperingkat pertimbangan cadangan macam mana boleh masuk jentera bersih dan sebagainya kawasan tapak tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Paka. Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Paka. Jadi sebenarnya walau bagaimanapun sebenarnya kita sudah beri kebenaran untuk masuk tapak. Sebab proses yang dibuat sekarang ini adalah pembersihan yang tidak melibatkan pembangunan kerana sekarang ini satu taklimat cadangan pembinaan ini telah dibuat bersama dengan generasi kedua anak FELDA.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi maksud Yang Amat Berhormat maknanya belum ada kelulusan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sudah, sudah, untuk kebenaran masuk untuk melaksanakan kerja-kerja, yang itu telah diberi, cuma kita.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tanya persoalannya adakah sudah mendapat kelulusan diperingkat Pembangunan Tanah Daerah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sekarang ini kita dah bagi kebenaran untuk dia masuk dan dia tidak lagi melaksanakan pembangunan, dia cuma untuk masuk dari segi untuk membersihkan kawasan dan sebagainya, itu sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab dia melibatkan tanah padang bola dan sebagainya. Kalau ini dijadikan sebagai satu panduan, lain kali kitapun boleh pakat *sodoklah* tanah-tanah lain.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab sekarang ini, dia saya dah beritahu tadi bahawa dia sudah mohon kepada kita untuk masuk dulu. Kerana sekarang ini buat masa ini sebab kita hanya tunggu laporan yang perlu dihantar kepada pihak kita. Itu sahaja. Laporan dari segi teknikal. Pada dasarnya kita dah setuju dan sebenarnya isu ini isu lama yang telah kalau nak ikut dulu pada dan memang ada kes dan perkara ini sampai kepada kes mahkamah sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat ni isu mana. Ni tanah generasi kedua FELDA di FELDA Kerteh Dua bukan Pembangunan Blok V di KETENGAH JAYA. Jangan tukar gitu Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, betullah yang itu. Jadi yang saya nak beritahu hari ini ialah saya nak jelaskan di sini sebenarnya sebab

apa nama ni Kerajaan kita dah beri kebenaran untuk dia masuk. Tapi dalam soal sekarang ini kebenaran yang kita beri adalah asasnya untuk buat kerja asas dulu.

Dan selepas daripada dia siap untuk buat laporan cadangan dan apabila kita telah setuju dari segi teknikal dan sebagaiya tak ada masalahlah. Kita *proceedlah*. Dan ini pada dasarnya Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan projek generasi kedua ini. Dan cuma apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah memberi kelulusan untuk masuk dan mereka menjalankan kerja-kerja asas yang belum lagi untuk pembinaan bangunan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua Y.B. Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekarang ini apa yang berlaku di sekitar tapak tersebutlah maknanya pembahagian borang sudah dilakukan. JKKK, JKRR telah bahagi borang, bayar RM5 untuk mendapatkan tapak ini dengan kos yang disebut sebanyak RM120,000 sebuah. Sedangkan kita sedia maklum FELDA sendiri telah memperuntukkan RM1.4 bilion dan Perdana Menteri sendiri sudah telah mengumumkan kadar dia sebanyak dalam RM70,000 sebuah. Jadi adakah peruntukan ini melibatkan peruntukan FELDA sendiri?

Sebab kita tahu di Terengganu ini berapa tempat yang melibatkan pembangunan perumahan Generasi Kedua, FELDA Bukit Bading apa sebagainya nampak naik rumput belaka dah. Kita bimbang takut *sodok* saja bagi geran bagi borang sebagainya tak tahu *pah kuane pale ekor*. Sebab itu kita nak dapat adakah memang dah dapat kelulusan di peringkat apa MMKN ke macam mana yang melibatkan tapak ini sebab dia juga melibatkan tanah kawasan FELDA, KETENGAH?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Paka tu saya perlukan notislah. Cuma dari segi mendapatkan kelulusan untuk kebenaran masuk dia melalui Pejabat Tanah sahaja. Jadi dia tidak perlu lagi dibawa kepada MMKN. Jadi untuk selanjutnya itu saya perlukan notis untuk saya mendapatkan maklumat-maklumat tersebut. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, soalan tambahan ketiga sekiranya ada. Kalau tak ada, saya mempersilakan Y.B. Kota Putera untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera):  
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua soalan saya  
soalan nombor dua -

*Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu dan  
meningkatkan Usahawan Online?*

Terima kasih.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih.  
Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang  
Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar,  
Yang Berbahagia Dato'-Dato' Ketua Jabatan serta wakil, sidang Pemerhati yang  
saya hormati lagi saya kasih sekali.

Persoalan daripada Kota Putera apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam  
membantu dan meningkatkan Usahawan *Online*? Dan saya dalam hal ini saya  
ingin merakamkan ucapan terima kasihlah kepada Wakil Kota Putera yang cuba  
ingin tahu tentang usaha Kerajaan dalam meningkatkan Usahawan *Online* ini.  
Untuk makluman kita semua memandangkan perniagaan *online* ini, atas talian ini,  
sejak akhir-akhir ini telah mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada  
usahawan kita. Dalam hal ini Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM2.5  
juta sebagai Dana Pinjaman Galakan *Business Online* ataupun atas talian  
sebagaimana pengumuman pada Bajet 2016 yang lalu.

Manakala dalam membantu meningkatkan jualan Usahawan *Online* ini pihak MARA  
bersama Yayasan Pembangunan Usahawan telah merancang dua Karnival Jualan  
Usahawan *Online* yang dikenali sebagai 'VFest' pada tahun ini yang telah  
dilaksanakan baru-baru ini pada 29 hingga 31 Januari. Yang keduanya akan  
bermula pada 24 Jun hingga Julai tahun ini. Kesemuanya bertempat di Stadium  
Negeri Kuala Terengganu.

Manakala Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan Negeri juga dengan  
kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu SSM turut mengadakan kempen  
galakan pendaftaran perniagaan *online* dengan sasaran untuk tahun ini seramai 300  
Usahawan *Online*. Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri dengan kerjasama  
Yayasan Pembangunan Usahawan telah mewujudkan Portal e-Dagang yang  
dikenali sebagai 'Payang.my' yang menawarkan perkhidmatan jualan dan  
pemasaran produk atas talian secara percuma untuk usahawan-usahawan  
tempatan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bukit Besi. Soalan tambahan yang pertama sekiranya ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berkaitan dengan Usahawan *Online* ini sebagaimana yang kita tahu adalah satu kaedah yang amat baik kerana semasa kita berada di rumah kita juga boleh berniaga. Namun begitu Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya adakah selain daripada peruntukan yang diberi oleh YPU untuk membangunkan perniagaan *online* adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan satu tempat untuk mana-mana individu yang nak membeli melalui *online* juga boleh *walk-in* dengan izin, di mana yang saya pernah pergi ke Bangi Gate. Bangi Gate tu dia telah himpulkan pengusaha-pengusaha *online* semua sekali ditempatkan di situ yang andai kata kita tengok melalui *online* kita juga boleh *walk-in* untuk membeli produk-produk tersebut maka ada tak Kerajaan Negeri mencadangkan untuk bina tempat tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Bukit Besi.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Ya, terima kasih Wakil Kota Putera. Sebenarnya untuk mencapai hasrat persoalan tersebut, buat masa ini Kerajaan Negeri juga memang sedang dalam proses bagi membangunkan satu Pusat Digital Mall. Ini kita akan buat satu perbincanganlah dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dan insyaAllah mana kalau sekiranya perbincangan ini menampakkan persetujuan bersama, insyaAllah kita di Negeri Terengganu juga kita akan wujudkan sebagaimana yang dihasratkan oleh Kota Putera, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bukit Besi. Soalan tambahan seterusnya jika ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua. *Relate* balik kepada bajet RM2.5 juta yang diperuntukkan oleh YPU tadi, cuma boleh tak saya nak tahu untuk kita beritahu kepada rakyat bahawa ada tak *guide* pinjaman tersebut, antara berapa ke berapa setiap orang dan bagaimana untuk kita memohon pinjaman tersebut sebab kita berdepan dengan rakyat. Sekurang-kurangnya kita boleh beri penerangan kepada rakyat yang memerlukan bantuan tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih. Sebenarnya sepertimana yang diperkatakan dan yang dijelaskan secara lebih terbuka tadi, peruntukan yang disediakan mengikut bajet pada tahun 2016 sebanyak RM2.5 juta, kita merasakan bahawa satu jumlah yang cukup baik. Tetapi



memandangkan keadaan kekangan sepertimana yang dimaklumkan oleh Dato' Seri Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, kita akan buat pertimbangan dan sebenarnya dari segi untuk kita melaksanakan, untuk kita agihkan dana ini adalah melalui Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu dan mesti memenuhi kriteria-kriteria yang kita tetapkan.

Sebab kadang-kadang kita ini, peniaga-peniaga kita sebenarnya memang dia mengatakan bahawa mereka berniaga tetapi kita diperingkat YPU mesti kena turun ke bawah untuk memastikan bahawa betul atau tidak betul mereka ini berniaga. Kalau sekiranya betul dan memenuhi kriteria-kriteria yang kita tetapkan insyaAllah makna kita dalam usaha kita nak membantu usahawan-usahawan Negeri Terengganu dalam mencapai hasrat, misi dan visi Kerajaan Negeri dalam kita nak memperkasakan usahawan Negeri Terengganu dan insyaAllah kita akan dapat kerjasama yang terbaik daripada agensi-agensi di bawah Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan Terengganu, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ya, Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Ni balik kepada soalan tadi. Jumlah nak tahu, jumlah antara berapa ke berapa setiap orang boleh dapat? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Dia sebenarnya dari segi jumlah ni, minta maaflah Kota Putera. Dia sebenarnya jumlah ni kita tak ikat. Sebenarnya ikut keperluan, kalau kita rasa sesuai kalau kata RM10,000 makna kita rasa memadai untuk dia teruskan perniagaan mereka, kita mulakan dengan RM10,000. Itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bukit Besi, Y.B. Kota Putera yang bertanyakan soalan. Alhamdulillah, masa sudah menghampiri pukul 10.30 pagi, saya berhasrat untuk menamatkan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua saya ada cadangan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar Y.B. Batu Rakit, sabar. Speaker bercakap tak boleh halang. Tak apa boleh terus bangun.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Paka nak buat usul *etek ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah nampak dah. Okey, teruskan.

**CADANGAN USUL DI BAWAH FASAL 30  
PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH DEWAN  
UNDANGAN NEGERI**

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih. *Guane* jadi gelojohnya saya ni. Saya ada cadangan Usul Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, saya, Bazlan bin Abd. Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Rakit mohon mencadangkan bahawa persidangan hari ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu iaitu hakisan pantai di Terengganu yang dilihat semakin membimbangkan dan membelenggu penduduk terutamanya di pesisir pantai Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Batu Rakit cukup dah, baca tajuk sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Bentara.

*[Bentara Dewan memungut Kertas Usul daripada Wakil Batu Rakit dan menyerahkannya kepada Y.B. Dato' Yang Dipertua.]*

Saya ada menerima Cadangan Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Oleh kerana agak panjang saya perlu buat penelitian dan sebagainya, insyaAllah saya akan bagi *ruling* saya selepas kita masuk pukul 11.00 pagi nanti, insyaAllah.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan yang mulia ini dan kita sambung semula insyaAllah pada pukul 11.00 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

## PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang terhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula.

Sebentar tadi sebelum kita rehat saya ada menerima Cadangan Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu daripada Yang Berhormat Batu Rakit. Setelah meneliti, membuat tafakur fiddin memang ada yang penting, memang ada tertentu. Oleh kerana pihak yang berwajib terutama daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat telah mengambil tindakan yang sewajarnya maka ianya tidak perlu disegerakan buat pada masa ini. Oleh itu saya menolak Usul Di Bawah Fasal 30. Terima kasih.

### **USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

*"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakamkan dan menyembahkan ucapan penghargaan dan menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan bertitah mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas. Melafazkan ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada Pentadbiran Negeri agar dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya."*

Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUDA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah usul ini telah mendapat sokongan maka saya buka untuk perbincangan. Ahli-ahli Dewan yang ingin membuat

perbahasan, sila. Sila Y.B. Kota Putera sebagai Y.B. penyokong untuk memulakan perbahasan pada pagi ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUDA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain. Allahummaj alna minasyakirin. Allahummaj alna minassobirin. Rabbana atinamilladun karahmah wahayid lana mim amrinaa rosyada.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat Penyokong Kerajaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat sahabat di sebelah sana, Ketua-Ketua Jabatan dan para Pemerhati. Alhamdulillah, kita memanjat syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kita dapat bersama-sama dalam Sidang DUN Penggal Keempat untuk Dewan Undangan Negeri Kali Ketiga Belas.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mewakili Kota Putera merafak sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kerana Tuanku mencemar duli untuk berangkat merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kali Ketiga Belas. Untuk makluman kepada Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Tuanku semalam, Tuanku telah menyentuh berbagai-bagai aspek yang melibatkan kepentingan rakyat dan juga kepentingan negeri.

Maka pada saya hari ini saya mewakili Kota Putera untuk membahaskan beberapa aspek yang berkaitan dengan Titah Tuanku semalam. Pertama sekali sebelum itu, saya mengambil peluang dan kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Rozi Mamat, Wakil daripada Telemong di atas di atas Exco Kerajaan Negeri Belia dan Sukan. Kerana saya melihat apabila disasarkan ataupun dicadangkan dengan pelaksanaan TOM iaitu Transformasi Orang Muda yang akan melibatkan impak yang besar, di samping terima kasih dan tahniah kepada Y.B. Exco saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada saudara Johari selaku Ketua Pemuda Negeri dan juga Puan Rozita selaku Puteri Negeri kerana dengan ada perancangan yang sebegini insyaAllah kita akan memberi impak yang bagus dan baik kepada golongan muda.

Dato' Yang Dipertua, dengan adanya Program TOM iaitu Transformasi Orang Muda, saya melihat ini akan ada penambahbaikan dalam program-program yang sebelum ini. Contohnya, yang kita tahu sebelum ini di bawah Program Dana Bakti Remaja kita telah mensasarkan pemberian agihan dana kepada hampir 100,000 golongan muda yang masih belum berkahwin dan berumur di bawah 40. Namun begitu pada tahun ini insyaAllah bermula dengan Program TOM ini kita boleh mensasarkan

insyaAllah lebih daripada 80,000 pemuda dan juga puteri yang juga belum berkahwin tetapi impaknya besar kerana boleh memberi ruang kepada golongan muda untuk memfokuskan kepada kecenderungan masing-masing.

Contoh, sebelum ini kita buat dalam program yang sehari yang kita kurang prihatin kepada mereka kerana kita masih belum memberi ruang kepada mereka untuk menonjolkan kelebihan masing-masing. Maka bermula pada tahun ini insyaAllah dengan adanya enam teras program boleh memberi ruang kepada golongan muda yang mana kecenderungan mereka maka mereka harus memilih dan insyaAllah dalam program-program tersebut, akan ada program-program juga diselitkan program Islamik iaitu tazkirah-tazkirah dan sebagainya. Sebab kita tahu dalam keadaan masalah belia hari ini yang ada sebahagiannya masalah terlibat dengan gejala sosial dan sebagainya. Dengan adanya program ini, kita boleh mengatasi masalah rempit, masalah gejala sosial dan sebagainya. Dan saya juga ingin sarankan di sini bahawa di samping kita tegas, kita fokus kepada golongan muda, jangan juga kita terlupa tentang golongan yang terlibat dengan kebudayaan tradisional iaitu kadang-kadang kita di bahagian ataupun di kawasan masing-masing kita terlupa yang adanya golongan-golongan ini yang juga merupakan memberi impak yang besar kepada masyarakat setempat. Contohnya, golongan-golongan pendikir, golongan-golongan wayang kulit. Mereka ini suatu waktu dulu pernah diiktiraf dan dibawa ke peringkat-peringkat internasional membuat persembahan dan sebagainya tetapi kadang-kadang yang akhir-akhir ini saya melihat secara personal saya melihat akhir-akhir ini seakan-akan tertinggal ataupun terpinggir golongan ini.

Maka saya sarankan di sini, contoh kumpulan dikir barat. Kumpulan dikir barat walaupun kita melihat ada sesetengah golongan dikir barat ini menampilkan penyanyi wanita yang keadaan berpakaian tidak elok, yang dalam keadaan bergolek dan sebagainya. Itu kita tengok dari segi aspek yang buruk. Namun begitu Dato' Yang Dipertua, katakanlah yang melibatkan penyanyi-penyanyi wanita ini kalau kita kira macam contoh Y.B. Tepoh memang dia tak minat, dia tak minat kumpulan penyanyi-penyanyi gelek ni. Boleh jadi Y.B. Bandar minat, boleh jadi, boleh jadi. Namun begitu, yang semestinya .....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Y.B. Kota Putera tak payah sebutlah. Minta maaf deh. Kita hidup dalam aman dan damai.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUDA (Wakil Kota Putera):** Tak payah sebut deh. Okey.

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Tarik balik tu, tarik baliklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUDA (Wakil Kota Putera): Takpelah tak payah tarik baliklah benda sikit jer tu. ....(sambil gelak) ..... Namun begitu kita boleh beri penekanan ataupun beri syarat-syarat tertentu supaya kebudayaan boleh diteruskan. Contoh hari ini, di Kota Putera sendiri di bawah pengelolaan Dato' Seri Idris Jusoh telah buat makanan tradisional setiap hari Sabtu di Desa Ukir. Di program tersebut setiap minggu akan ada pertunjukan tradisional. Malah saya melihat ia menjadi satu tarikan dan berbudaya sihat. Maka saya sarankan di bawah Kerajaan Negeri supaya tengok-tengoklah golongan ini sebab mereka kadang-kadang rasa terpinggir dan jauh hati.

Dato' Yang Dipertua, sekejap tadi kita dengar maklumat ataupun kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar berkaitan dengan pendidikan. Dan kita sedia maklum kelmarin, Dato' Seri Menteri Besar telah menyampaikan anugerah kepada pelajar- pelajar cemerlang iaitu SPM dan STPM yang kita sebenarnya berkaitan dengan pendidikan ini sebenarnya apabila sahaja sampai waktu untuk umum keputusan SPM ataupun STPM ataupun UPSR ataupun PT3. Kita sudah sedia maklum kita akan mencatat kejayaan yang cemerlang kerana kita tahu hasil daripada apa yang telah dilakukan di peringkat sekolah dan di peringkat Jabatan Pendidikan. Namun begitu, kita juga jangan lupa tentang budi ataupun apa yang telah dilakukan di bawah Exco Pendidikan. Terima kasih Exco Pendidikan. Dan apabila kita semalam kita telah memberi anugerah kepada pelajar-pelajar cemerlang. Namun begitu, Dato' Yang Dipertua saya nak sarankan di sini walaupun kita hanya melihat kepada pelajar-pelajar cemerlang, kita juga jangan terlepas pandang kepada sekolah-sekolah yang melahirkan pelajar-pelajar cemerlang dan kita juga jangan terlepas pandang kepada PPD yang melahirkan pelajar-pelajar cemerlang juga. Maka pada saya, saya sarankan selain daripada kita bagi *reward* ataupun anugerah kepada pelajar-pelajar cemerlang, kita juga boleh bagi anugerah ataupun sebahagian peruntukan kepada sekolah-sekolah kerana contoh di kawasan saya ada 10 buah sekolah menengah, 10 buah sekolah rendah dan salah satu sekolah terbaik adalah wujud daripada Kota Putera. Maka apabila tidak ada peruntukan diberi melalui Kerajaan Negeri bermakna peruntukan Y.B. Kawasan perlu diberi kepada pelajar-pelajar tersebut ataupun sekolah. Maka kita dikekangi oleh peruntukan yang terhad. Nak tak nak kita kena bagi maka kita sarankan supaya mintalah di bawah Kerajaan Negeri *allocate* bajet tertentu tak kiralah kita *reward* selain daripada pelajar sekolah, PPD dan sebagainya. Dan jangan lupa juga kepada Tuan Haji Pengarah Pendidikan, kerana boleh melahirkan ataupun boleh *deliver* keputusan terbaik di peringkat Malaysia. Setuju ke alik ni Tuan Pengarah JPN. Hai, nampak tak sokong tu Tuan Pengarah JPN. Okey.

Dato' Yang Dipertua, saya tertarik satulah tentang dalam masa pemerintahan ataupun dalam masa pentadbiran Dato' Seri Haji Idris Jusoh. Waktu Dato' Seri Idris menerajui Kerajaan Negeri bermula 2004 sehingga 2008 iaitu salah satunya adalah

satu program yang berimpak tinggi iaitu memberi peruntukan pembinaan sebuah masjid kepada sebuah setiap DUN setahun. Maka waktu itu, kita melihat satu impak yang besar kerana ada di kalangan masjid-masjid di DUN masing-masing yang dalam keadaan uzur. Waktu itu, kita boleh buat gantian ataupun binaan baru maka terjadilah atau terbinalah sebahagian daripada masjid-masjid tersebut.

Namun begitu, sampai ke hari ini saya melihat tidak ada lagi pembinaan masjid tersebut dan contoh di Kota Putera sendiri. Di Kota Putera ada 16 buah masjid. Daripada 16 buah tersebut masih lagi ada 4 buah masjid yang perlu kepada pembinaan baru ataupun penambahbaikan. Ada sebuah masjid itu yang berusia lebih daripada usia saya, mungkin lebih lanjut daripada usia Dato' Speaker. Dan yang begitu kita melihat bahawa inilah perlu kita nak buat sesuatu benda sebab masjid ini ikut mana-mana pun perlu kepada impak yang besar. Maka pada saya, saya sarankan supaya Kerajaan Negeri buatlah mana-mana pun, *allocatelah* mana-mana pun, kita buat bina masjid. Sebab itu saya katakan masjid ini dia terhad. Macam saya, kalau kata Kota Putera ada 4 buah lagi masjid, 4 tahun selesailah. Tapi benda-benda lain mungkin 5 tahun 10 tahun tak selesai masjid selesai insyaAllah. Dan apabila kita bina masjid kita ada keselesaan beribadah. Pada saya sendiripun, saya memilih masjid-masjid yang selesa sama ada dari segi penghawa dingin, sama ada dari segi kipas dan sebagainya. Kadang-kadang PA sistem, kita pergi dengar khutbah PA sistem itu "wit...wit...wit" berbunyi, tak minat, *ngantuk boh*. Tapi sekurang-kurangnya kalau dengar PA sistem yang bagus, masjid yang bagus maka kita bersemangat. Kadang-kadang tu banyak-banyak hujah ataupun *point* yang diutarakan oleh Khatib boleh buat balik 4 - 5 butir tak apa dah. Tapi kalau "wit...wit...wit", turun masjid, *zero, nothing*. "Yehi hei, *gapo* Dato' Mad? "*Nehi babuji*." *Hor* pinjam ayat Dato' Mad, "*Nehi babuji*".

Dato' Speaker, saya ni lagi satulah. Akhir dah yang ini. Saya ni kadang-kadang nak kata Kota Putera ni saya *tokseylah*, tak naklah jadi macam sorang Y.B. di Penang tu. Jerit dalam Dewan nak minta pembangunan dalam kawasan. Saya *doklah* peringkat nangis, peringkat jerit sebab saya lelaki. Kalau orang puan boleh jadi jerit juga. Saya nak beritahu bahawa saya ni untuk makluman Dato' Speaker, dalam Sidang Dewan mula-mula saya jadi Yang Berhormat tahun 2013, saya telah mengutarakan tentang pembinaan perumahan di Kota Putera.

Kota Putera ni untuk makluman Dato' Speaker..... Nanti Mi, nanti dulu. Allah. Nanti dulu, nanti Manir nanti sekejap, jangan potong *line*. *Dok* ingatlah. Nanti sudah dulu. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia bangun saja jer tu bukan nak tanya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Allah, *dang* potong *line*, *dok* ingat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil air Putih): Perumahan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Mujur Air Putih betul. *Dok* ingatlah, nak hilang dah ni. Jadi perumahan di Kota Putera ni dah lebih 10 tahun dah tiada pembinaan baru.

Baru-baru ini untuk makluman Dato' Speaker, apabila di Jertih ada pengagihan perumahan baru, di Kuala Besut ada pengagihan perumahan baru, jadi saya anak buah saya di DUN Kota Putera ni hampir saban hari mari jumpa minta supaya nak minta rumah di Kuala Besut dan nak minta rumah di Jerteh. Saya kata *hok* ni adalah pilihan daripada Yang Berhormat Kawasan.

Maka saya menagih ehsan, sekali lagi saya beritahu saya selaku wakil Kota Putera menagih ehsan daripada Y.B-Y.B. Kawasan yang ada perumahan untuk tempatkan orang Kota Putera di situ. Tapi Alhamdulillah saya minta dengan Y.B. Kuala Besut dia bagilah sikit. Takpelah sikit pun sikitlah, minta dengan Y.B. Jerteh bagi juga sikit, sikit pun sikitlah. Tetapi sampai bila. Untuk makluman Dato' Yang Dipertua, saya dah berkali-kali pada 2014 dalam Soalan Bertulis, Soalan Bertulis dijawab oleh mantan Menteri Besar waktu itu. Ditulis bahawa pembinaan perumahan Kota Putera akan dilaksanakan pada tahun 2014. Maka saya apabila boleh jawapan daripada Sidang Dewan yang mulia, saya canangkan. Kita Yang Berhormat ni boleh cakap takpe *doh*. Maka pergi majlis-majlis kita akan bina buat perumahan baru di Kota Putera sebab Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar beritahu 2014. Jadi saya tunggu 2014 habis 2014. Masuk 2015 pun saja. Ni masuk 2016. Jadi maka saya nak sarankan di sini, saya nak mohonlah nak mohon sungguh-sungguh dan baru ni Dato' Seri Menteri Besar ada jawab dalam sidang lepas, dia kata kita nak selesai dulu pengagihan *hok* sudah bina. Maka baru-baru ni dalam bulan satu, bulan dua, masuk bulan tiga ni, banyak nampak, agresif dari segi pengagihan. Maka insyaAllah mungkin satu dua bulan lagi selesai agihan semua sekali perumahan di Negeri Terengganu telah diagih kepada rakyat.

Maka saya mohon, sekali lagi saya mohon supaya *hok* mula-mula nak bina perumahan di Negeri Terengganu tu binalah di Kota Putera. Kalau katalah Manir nak buat nak mintapun buat beri Kota Putera dulu. Beri Kota Putera dulu, kerana apa? Kerana saya nak beritahu di sini kerana Kota Putera ni merupakan "*fix deposit*" kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kalau andai kata sekian hari, sekian waktu, sekian masa, orang mari jumpa Y.B. Kota Putera minta perumahan dan tak boleh .....



YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doh *guane baham* sama sendiri tu bos?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bukan, ini minta, minta bukan *baham* ni .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kena jadi PAS dululah kalau gitu. ....(Sambil ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Pihak sebelah sana kita beritahu fakta pun dia kata baham, dia tak ada fakta. Okey.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): "*Fix deposit*" tu *gapo deh?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Cukup cukuplah dulu. Allah.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): "*Fix deposit*"?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Allah, *gaduh teh*. ....(Sambil ketawa)..... Okey, saya minta supaya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Kota Putera?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Habis masa doh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Habis masa dah ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hampir habislah. Saya bagi dua minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Hampir, *dok* habis lagi. Okey. Jadi saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): ..... Minta supaya kita tahu hari ini kekangan kewangan kepada Kerajaan Negeri. Kita faham sangat-sangat tak apalah. Kalau kata tak boleh bina 2016 tak boleh bina 100 buah pun bagilah 200 pun tak apa kita tak kecil hati. Haa.... tak kecil hati. Dan untuk makluman kepada Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri boleh tak saya nak minta seminit ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, boleh, boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Saya nak cerita. Saya nak bercerita, boleh *dok* di Dewan cerita?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tanda seminit ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Boleh cerita boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bolehlah kalau tidak....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bercerita. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tidak melanggar peraturan. Kena patuh kepada ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Kalau langgar Dato' Speaker *stop*, tak langgar jangan *stop*. Saya nak bawa satu cerita. Cerita ni tajuk dia canggah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Canggah. Canggah ni *lete, lete*. Canggah, canggah, canggah, canggah. Aai, lawan, lawan, lawan, *lete, letelah*. Canggah. ....(Dewan gelak)..... Rasa perkataan canggah ni perkataan Terengganu dah, canggah. Ceritanya cerita canggah. Cerita kisah Mok Teh ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kota Putera cuba eja sikit sebab orang nak .....

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): C.A.N.G.G.A.H. (mengeja) Canggah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): G.G.O.H.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): G.A. Ahh... Tengok tu. ....(Dewan gelak) .... G.G.A.H.lah canggah. Asal bunyi canggah jerlah. Canggah ni *letelah, lete*. Jadi ceritanya Pok Teh dengan Mok Teh ni berlaku di kawasan Kota Puteralah. Sebenarnya berlaku di kawasan Langkap tapi tak apalah kita pindah ke Kota Putera.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Guane* pergi kat lain tu? Merujuk kepada Kota Putera saja ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey, Kota Putera, minta maaf. Tarik balik. Di Kota Putera. Cerita Pok Teh dan Mok Teh ni dia ada anak 5 tapi anak dia sudah berjaya belaka. Duduk di Johor ada, di Kuala Lumpur ada dan sebagainya. Maka Pok Teh dan Mok Teh ni kerja dia menanam padi, bersawah. Maka dia tinggallah sekelamin ni di rumah dia. Jadi ceritanya pada suatu hari kita ambil *hok* lama-lama *dok soh* kiralah, kita ambil satu hari je cerita.

Ceritanya adalah dia nak pergi bersawah pagi tu. Dianak bersawah *berjuklah* sekelamin Pok Teh dan Mok Teh ni. Mok Teh jalan depan, Pok Teh jalan belakang. Jalan punya jalan lalu ikut tepi sawah, Pok Teh tengok ada seekor anak dara lembu, lembu dara. Maka Pok Teh kata: "Comel lembu tu Mok Teh mung." "Anak muda lagi baru anak dua." Pok Teh kata. Mok Teh kata ....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Anak dara *guane* anak dua?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bukan dara, lembu muda. *Hok* tu buat *lete* Jabi pun. Canggah juga Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan sebab tak faham. Bukan nak canggah jadi dara ni biasa *takdok* anaklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Betul mula.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan biasalah, memang *confirm takdok* anak lagilah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Lembu muda, lembu muda.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Hor*, lembu muda. *Royaklah* lembu muda.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Canggih juga tak apalah. Boleh jadi golongan Mok Teh juga, keturunan Mok Teh juga Jabi kali. Jadi Mok Teh jenis canggih, Mok Teh ni jenis canggih, Pok Teh ni jenis sabar. Maka Mok Teh pun kata: "Pok Teh mung mana tau anak dua?" Pok Teh kata: "*Acu* Mok Teh mung tengok tu, di tanduk tu." Dia lembu ni, kalau dua ekor anak dua takuk, di tanduk tu ada takuk. Boleh jadi Dato' Speaker pun tak pernah perhati ni, saya perhati ni. Di tanduk lembu tu kalau anak dua bermakna dua takuk. Jadi Pok Teh mung kata: "Cer Mok Teh mung tengok di tanduk tu ada dua takuk." Mok Teh mung kata: "*Dok dek eh*, Pok Teh mung setakuk pun lima orang anak." Haa, Pok Teh kata: "Mok Teh canggih." Tak apalah Pok Teh jalan lagi, Pok Teh ni sabar. Dia jalan-jalan jumpalah titian nak pergi ke sawah ada titian sebab ada tali air *hok* KETARA buat di bawah Exco Pertanian buat tali air. Ada titian. Maka menitilah Pok Teh dengan Mok Teh. Mok Teh depan, Pok Teh belakang. Mok Teh meniti meniti, terjatuh dalam tali air *hok* deras. Bung jatuh, salam Mok Teh, Pok Teh pun pergi ikut belakang, ikut bawah arus ni menyelam cari Mok Teh. Menyelam, menyelam timbul tak ada Mok Teh. Nyelam-nyelam timbul tak ada Mok Teh. Apabila Pok Teh lelah, Pok Teh naik darat tengok Mok Teh duduk alik atas arus bukan jatuh tu hanyut alik bawah arus, duduk alik atas arus. Pok Teh pun kata munasabahlah kalau aku pun dia canggih. Arus tu dia canggih lagi.

Jadi berbalik pada cerita ni. Kerajaan Negeri buatlah *gapopun* pelaksanaan untuk kemajuan rakyat Negeri Terengganu untuk menegakkan syiar Islam, jangan kira *set-set hok* canggih, dia canggih *sokmo*. .....(Tepukan sokongan) ....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak faham, tak faham.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): *Hok* canggih tu canggih *sokmo*. Buat sajalah asal *hok* rakyat suka, *hok* betul dengan agama. Itulah saya terima kasihlah dan saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya yang mohon menyokong. ....(Tepukan sokongan) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Y.B. Kota Putera. Sila Y.B. Rhu Rendang. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. Wassalatu wassalamu'ala rasulillah. Wa'ala `alihi wasahbihi wamanwalah. Yang Berhormat

Dato' Yang Dipertua, saya mulakan ucapan saya dengan menyebut Firman Allahu Ta'ala: "Innallaha la yugayyiru ma bi qaumin hatta yugaiyiru ma bi amfusihim". Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu melainkan kaum itulah yang menjadi penyebab mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Dato' Yang Dipertua, ayat ini sangat berkait dengan slogan transformasi yang disuarakan sama ada di peringkat Pusat ataupun Negeri. Namun ayat ini lebih memberi peringatan dan amaran kepada transformasi yang bersifat negatif. Supaya kita tidak melakukan perkara-perkara yang negatif dalam transformasi perubahan itu seperti maksiat, salah laku, rasuah, zalim, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Ini peringatan kepada semua dalam realisasikan apa yang diucapkan oleh Titah Tuanku sebagai ucapan dasar Kerajaan.

Saya ingin menarik perhatian pada muka surat 4: "Beta berharap agar semua pihak sentiasa bersatu padu dalam menghadapi tahun 2016 dan dilihat sebagai satu lagi tahun yang sangat mencabar buat negara kita".

Sebagai sebuah Negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia tidak dapat mengelak daripada menerima kesan akibat persekitaran ekonomi global yang sangat tidak menentu. Hal ini disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi dunia terutamanya minyak mentah, ketidaktentuan pasaran tukaran asing, kelembapan ekonomi Negara China yang menjadi rakan dagang terbesar negara serta ketegangan Geo-Politik.

Nak menghadapi cabaran ini kita perlu memanfaatkan sumber kita sendiri. Bukan saja sumber Malaysia, khusus sumber Negeri Terengganu sendiri. Negeri Terengganu dikurniakan oleh Allah sumber alam semulajadi yang sangat menarik, yang perlu kita mengambil manfaat dengan sepenuhnya dengan ciri-ciri jangan sekali negatif yang saya sebut di atas.

Sumber yang penting ialah yang pertama, rakyat. Yang kedua, muka bumi. Yang ketiga, laut. Rakyat kita mempunyai jumlah rakyat Bumiputera yang paling tinggi peratus di seluruh negara. Bukan saya bersifat perkauman tetapi semua isi negara kita mengetahui betapa kedudukan Bumiputera yang ketinggalan dibandingkan dengan kaum yang lain.

Sangat penting bagi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri perlu memberi penekanan Terengganu adalah terbesar peratus Bumiputera termasuk Kerajaan Pusat perlu beri perhatian supaya pengagihan kekayaan bukan sahaja Kerajaan Pusat, kekayaan Pusat termasuk perlu diberi peluang kekayaan Negeri Terengganu sendiri untuk dimanfaatkan oleh rakyat Negeri Terengganu. Ketegangan yang berlaku dalam dunia hari ini ialah kerana kegagalan ideologi konsep ciptaan manusia yang

menyebabkan berlakunya pertembungan. Dunia hanya mengenali pendekatan Liberal Kapitalisme dan Sosialisme sama ada Socialism Revolusi ataupun evolusi. Dan dunia menyaksikan kegagalan Socialism Revolusi Komunis yang menghancurkan dua kuasa besar dunia sehingga negara-negara dunia sosialis komunis itu berubah menjadi Negara Kapitalis. Berubah pada dasar ekonomi bebas. Namun dasar ekonomi bebas juga merudum kejatuhan ekonomi Amerika kuasa besar dunia dan Negara Eropah yang lain kerana menghalalkan apa yang diharamkan oleh Islam, riba. Pembahagian keadilan yang tidak adil dengan tepat. Islam adalah di antara dua pendekatan itu yang perlu dikaji. Ini bukan masa untuk saya menerangkan. Dalam hal ini Kerajaan perlu menitikberatkan:-

Yang pertama, Pembangunan Insan, pembangunan manusia. Kita sangat menarik dengan kejayaan anak-anak Terengganu di bidang pelajaran dan pendidikan. Pendidikan ini hendaklah memenuhi ciri fitrah ataupun naluri manusia, roh, akal, jasad, individu dan masyarakat. Apa yang terpenting ialah supaya anak-anak Terengganu yang berkebolehan ini dimanfaatkan oleh Negeri Terengganu sendiri. Supaya dihantar anak-anak kita yang belajar di Pusat Pengajian Tinggi yang boleh memanfaatkan hasil tempatan melalui kepakaran kita sendiri.

Yang kedua, mengatasi pengangguran dengan membanyakkan pekerjaan. Itu boleh diatur.

Yang ketiga, termasuklah penempatan. Negeri Terengganu mempunyai muka bumi yang luas. Banyak tinggal di pesisir pantai, banyak kawasan-kawasan pedalaman yang perlu dibuka dan diteroka dengan infrastruktur menyediakan rumah yang tersusun dan kemudahan yang sebaik-baiknya. Yang kedua muka bumi, kita ada tanah pertanian. Manfaatkan hasil pertanian dengan teratur di kawasan pedalaman bukan sahaja kawasan jelapang padi yang disebut dalam Titah Ucapan termasuklah menyediakan makanan yang cukup bagi Negeri Terengganu. Kita mempunyai bahan-bahan yang boleh menghidupkan tanah. Sumber air yang terbesar di Negeri Terengganu ini. Sumber galian mineral yang besar mengikut kajian yang dibuat peringkat Malaysia, Terengganu menyimpan air yang paling besar di Malaysia ini yang merupakan perkara terpenting dalam tahun-tahun yang akan datang. Di mana tiap-tiap daerah Terengganu ada sungai dan sesuai untuk empangan yang tak ada pada negeri lain yang boleh menghasilkan sumber tenaga elektrik yang dibekalkan kepada negeri-negeri lain. Dan air bukan sahaja untuk minum termasuk untuk pertanian.

Saya menarik perhatian kepada negara-negara maju seperti England, Jerman, Perancis dan lain-lain. Dalam keadaan mereka boleh menyediakan lebuhraya, dalam masa yang sama mereka menyediakan terusan-terusan untuk pertanian

yang disalurkan ke daerah-daerah, negeri. Dalam masa yang sama menjadi jalan perhubungan kepada penduduk mereka sendiri sebab mereka adalah negara maju.

Mengapa kita tak memanfaatkan Negeri Terengganu dalam hal ini? Mungkin kita menghadapi masalah kewangan. Itu boleh bincang dengan Kerajaan Pusat. Kita ada sumber galian, sumber hutan, macam-macam lagi yang belum lagi diteroka, yang sudah dijumpai, yang tak boleh memerlukan kelulusan Kerajaan Pusat. Kemudian kita mempunyai kawasan laut yang paling panjang, di Malaysia ni paling panjang pantai kita. Namun kita menghadapi masalah hakisan. Tadi ada usul yang ditolak. Usul itu sangat penting sebenarnya walaupun ditolak itu satu hal yang lain.

Sangat penting, kita menghadapi hakisan pantai yang sangat membarah dengan sebab cuaca iklim cuaca dunia yang tidak menentu. Boleh diatasi dengan cara kajian yang terperinci bukan sahaja melalui tembok-tembok yang dibina. Saya sangat mengalukan kerana kawasan saya yang ketinggalan sejak 50 tahun, sudah mula dibina tembok. Saya ucapkan terima kasih namun kita sedari bahawa tidak cukup dengan tembok itu sahaja. Perlu kepada pemecah-pemecah ombak sama ada tukun-tukun ataupun pulau-pulau tiruan yang boleh dibuat untuk menghalang ombak-ombak memukul pantai dengan kuat. Dan mungkin boleh mengubah suasana pantai yang lebih baik. Mengumpulkan pasir ini boleh dikaji dengan cara yang terperinci.

Sepatutnya kita mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang baik, di Pantai Timur tidak ada pelabuhan yang baik. Terengganu didiskriminasikan sejak zaman penjajah. Pantai Timur sengaja didiskriminasikan, dilakukan begitu rupa. Banyak pelabuhan penting di Pantai Barat. Padahal perdagangan kita dengan Jepun, perdagangan kita dengan China, dengan Amerika Latin. Pelabuhan yang paling dekat ialah Pantai Timur, kawasan yang paling baik pelabuhan ialah Terengganu. Malangnya dibuat pelabuhan di Kuantan. Itu kerana politik.

Kita jadi masalah kerana politiklah, hal ekonomi pun campur politik juga. Ini masalah yang sangat teruk di Malaysia ni. Siapa pemerintah Terengganu terima nasib sama bukan masa saya memerintah. Masa UMNO memerintahpun begitu juga, tidak dibuat pun pelabuhan. Padahal Terengganu ni, Kemaman adalah kawasan yang baik untuk buat pelabuhan tapi dibuat di Kuantan. Kerana apa? Kerana politik pada masa itu. Tak perlu sebut, itu cerita lama. Kita ada pulau-pulau yang banyak pelindung Pulau Kapas, Pulau Tenggol, Pulau Perhentian, Pulau Redang, pulau-pulau yang baik untuk menjadi pelindung dan asas untuk membina pelabuhan-pelabuhan untuk menarik negeri-negeri timur, pandang ke timur iaitulah Jepun, China dan lain-lain. Kita tidak boleh pandang ke barat saja perlu pandang ke Timur juga, pandang ke timur. Ia perlu dihidupkan. Terengganu mempunyai keadaan yang baik.

Begitu juga lebuah raya. Contohnya, kita dah buat nak buka bebas cukai di Kenyir. Boleh buat, boleh buat itu. Tak jadi salah kita buat. Tapi bebas cukai ni yang pertama saya nak ingatkan jangan buat bebas cukai yang negatif. Tak perlu arak, tak perlu judi, tak perlu apa, orang barat yang nak melancong di sini dia dah kenyang dengan arak negeri dia. Dah kenyang dengan pelacuran negeri dia. Dah kenyang dengan judi negeri dia. Pelancongan alam sekitar, pelancongan semula jadi yang sangat menarik. Tetapi itu tidak berjaya kalau tak ada lebuah raya. Lebuah raya menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat. Tak cukup dengan airport saja mesti ada lebuah raya. Lebuah raya Simpang Pulai dari Kuala Berang ke Perak sudah 40 tahun lebih. Lebuah raya daripada Kuantan ke Terengganu sudah berapa puluh tahun masih tak selesai. Perlu lebuah raya yang lain lagi. Ini untuk kemudahan menghidupkan segala agenda kita di Terengganu. Ini memerlukan kerjasama Kerajaan Pusat kita sama-sama.

Dalam hal ini dalam masa yang sama Kerajaan perlu menyediakan pasaran yang baik. Menjadikan pertanian industri yang baik, pasaran yang baik bukan sahaja peringkat nasional, termasuk peringkat internasional, untuk memasarkan barangan Terengganu dan hasil-hasil Terengganu. Banyak benda yang kita buat projek contohnya Roselle, Kenaf umpamanya. Bumi Terengganu sangat baik untuk projek ini tapi bila orang kampung usahakan, pasarannya tak dijaga, tak dicari, mati di tengah jalan. Ini perlu disusun dengan baik dan diusahakan dengan sungguh-sungguh. Jangan kita buat sesuatu sekerat-kerat seperti nak lepas batuk ditangga sahaja.

Saya rasa saya tak perlu berucap panjang, cukup sekadar itu saja. Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Rhu Rendang. Seterusnya Y.B. Air Putih. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Saya hormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala diberikan peluang kepada saya untuk merakamkan merafak sembah dan menjunjung kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan mencemar duli untuk bertitah dalam Istiadat Perasmian Sempena Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas. Kesudian Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat kita alu-



alui dan Tuanku Sultan telah menyebut banyak perkara yang melibatkan kepentingan rakyat daripada segi ekonomi, dari segi keperluan perumahan, pelancongan dan sebagainya.

Saya mewakili DUN Air Putih ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh. Yang pertama sekali saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Malaysia umumnya sebab walaupun kadang-kadang kita mendengar cerita bahawa Malaysia ini ialah "*Fail State*" dengan izin, Malaysia ini ialah 'Negara Gagal' dan lain-lain perkara yang negatif yang kita dengar, hakikatnya tidak sebegitu.

Saya bersyukur saya dilahirkan di Terengganu di bumi Malaysia ini kerana walaupun dengan tekanan ekonomi yang dahsyat, implikasi harga minyak yang turun daripada 100 dolar hingga 30 dolar, komoditi yang jatuh sebagaimana disebut oleh wakil-wakil sebelum ini dan rancangan-rancangan yang Kerajaan Negeri perlu buat untuk menghadapi cabaran-cabaran ini yang tidak pernah kita rasai sebelum ini.

Tapi alhamdulillah kita masih lagi berjaya mendapat kehidupan yang saya rasa agak selesa di bumi bertuah ini. Saya ingin bagi contoh beberapa perkara contohnya sejak 2010 hingga 2014 kalau saya boleh baca statistik yang saya dapat di sini. Antara ciri-ciri negara maju ialah negara yang mempunyai dengan izin, *private investment* yang lebih tinggi daripada *public investment* iaitu pihak swasta lebih banyak melabur berbanding dengan pihak Kerajaan.

Pada 2006 hingga 2010, CAGR ataupun dalam bahasa melayunya Kadar Pertumbuhan Tahunan Majmuk menunjukkan perkembangan sebanyak 5.5%. Waktu itu dengan izin, *private investment* adalah sebanyak 50%, *public investment* dengan izin, 50%. Tetapi setelah langkah transformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan hasil mulai kita lihat pada tahun 2010, dan data ini menyeluruh hingga tahun 2014, CAGR ataupun Kadar Pertumbuhan Tahunan Majmuk dari segi *investment* dengan izin, pihak swasta telah meningkat daripada 5.5% kepada 13.6%. Dan sekarang ini pada tahun 2015, kadar pelaburan swasta adalah ditahap 70% berbanding dengan Kerajaan 30%. InsyaAllah dengan pelaburan sebegini kita adalah dalam *tangent* ataupun arah yang baik untuk pencapaian lebih maju. InsyaAllah.

Yang keduanya, pendapatan dari segi *tax* (cukai), begitu juga hasil transformasi ekonomi bermula 2011 hingga 2014 melihat pertumbuhan sebanyak 11.9% berbanding sebelum itu sebanyak 6.3%. Dari segi Corruptions Index, laporan daripada Transparency International Corruptions Index di dalam Negeri Asean Malaysia adalah No.2 di belakang Singapura antara negara-negara yang kurang *corrupt* dalam indeks yang dinyatakan di sini.

Banyak lagi inflasi walaupun kita ditekan dengan harga barangan yang disebabkan kejatuhan nilai mata wang, inflasi masih terkawal dalam tahap 3.2 hingga 3.7% dan lain-lain lagi indikator yang alhamdulillah bagi saya bersyukur kerana ekonomi Malaysia cukup *resilient*. Walau bagaimanapun, tentulah banyak lagi yang boleh kita lakukan terutama di Negeri Terengganu penurunan pendapatan hampir 40% daripada seperti yang kita jangkakan dan kami Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan, *Backbenchers* memahami. Walau bagaimanapun saya agak legalah mendengar gesaan ataupun perakuan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa apa-apa projek pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat akan diteruskan terutama yang melibatkan kebajikan rakyat. Itu saya ucap terima kasih dan tahniah kepada pihak Kerajaan. ....(Tepukan sokongan).....

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan keadaan di Kemaman iaitu Sekolah Elit. Saya pernah bangkit perkara ini dalam tahun yang lalu dalam Sidang Dewan yang mulia ini juga dan saya bangkitkan bahawa Sekolah Elit ini masih terumbang-ambing keadaannya. Dato' Yang Dipertua, selepas setahun berlalu rasanya keadaan tidak banyak berbeza. Baru-baru ini saya mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merasmikan Mesyuarat PIBG di Sekolah Elit, saya dimaklumkan bahawa tidak banyak perubahan daripada tahun yang lepas. Sekolah Elit di Kemaman di Mak Lagam masih menjadi sekolah transit. Ramai pelajar-pelajar yang top meninggalkan dengan izin, yang baik meninggalkan Sekolah Elit setelah mendapat keputusan yang baik dalam PT3, ramai yang pergi ke MRSM, ramai yang pergi ke SBP dan ramai yang telah keluar masuk ke sekolah IMTIAZ dan sekali lagi Sekolah Elit menjadi sekolah transit bukannya sekolah pilihan utama.

Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya merayu sekali lagi kepada pihak Kerajaan, saya faham tidak ada Dewan yang diberikan setakat ini mungkin disebabkan kekangan kewangan Kerajaan tetapi sudah tentu sedikit nilai tambah boleh kita berikan. Kalau sekarang ini ibu bapa berebut nak hantar ke Sekolah IMTIAZ, berapa ramai berebut nak hantar ke Sekolah Agama, apakah salahnya sebagaimana cadangan yang dibuat oleh Pegawai PPD di Kemaman cuba kita terapkan pengajian hafazan. Kalau tak dapat satu Quranpun mungkin untuk Sekolah Elit buat 15 juzuk. Kita kurangkan sedikit daripada Sekolah Imtiaz tetapi nilai tambah ini saya yakin akan membuatkan Sekolah Elit menjadi sekolah pilihan.

Ini perkara yang tidak melibatkan kewangan yang banyak. Sebab itulah saya minta pihak Kerajaan sekali lagi saya orang kata syarahlah dalam Dewan ini. Guru Besar, Pengetua mesej saya terima kasih Y.B. bawa isu kita dalam Dewan. Sedap *gok* kita rasa. Tapi lepas setahun *takdok mende* juga jadi saya rasa minta sangatlah sekurang-kurang Exco yang terlibat tolong bantu saya, bantu kita naikkan taraf

kembali Sekolah Elit yang suatu masa dulu adalah sekolah pilihan berebut orang nak masuk.

Yang ketiga, saya nak sentuh sekejap saja mengenai pengurusan sumber. Saya melihatkan bahawa pendapatan negeri selain daripada minyak tidak berubah RM200 juta, RM250 juta begitu daripada dulu. Walaupun kita menjual beli balak yang cukup banyak kadang-kadang hasil bijih besi dan sebagainya tetapi masih sebegitu hasil Kerajaan Negeri selain daripada pendapatan minyak. Sebab itulah mungkinlah kita boleh buat satu kajian tertentu dan kita boleh mencadangkan juga satu panel mengkaji cara terbaik untuk kita *leverage* ataupun dengan izin dapatkan pendapatan yang maksimum untuk Kerajaan Negeri daripada hasil-hasil bumi ini.

Contohnya Petronas satu contoh yang baik, mereka mengadakan Production Sharing Contract (PSC) di mana pihak swasta yang melabur semua duit untuk membuatkan proses pengeluaran itu tetapi hasil galian itu adalah milik Kerajaan dan dikongsi sebahagiannya dengan pengeluar. Jadi tidaklah kita kehilangan segala-galanya dapatlah juga hasil kita rasai. Sebab ini penting dalam mempelbagaikan pendapatan ekonomi negeri, insyaAllah.

Yang akhir sekali yang ingin saya sentuh ialah mengenai bauksit. Sekarang ini moratorium masih berjalan dan saya difahamkan mungkin bulan 4 atau bulan 5 akan berhenti moratorium tersebut dan akan bermula kembali urusan bauksit. Saya minta pihak Kerajaan menyatakan kepada kita apakah status seterusnya di Negeri Terengganu ini. Sebabnya kita dah minta kalau boleh orang di Pahang tu dia korek kat Pahang tu jangan lalu kawasan kita. Dan pihak Pejabat Daerah Kemaman, Task Force Kemaman dah hantar kepada Kerajaan Negeri jalan alternatif yang tidak melibatkan sempadan Negeri Terengganu yang mana apabila dia korek di belah Pahang dia kena lalu jalan tertentu tidak melibatkan Negeri Terengganu. Saya minta pihak Kerajaan dapat memberi kenyataan, kata putus apa seterusnya yang patut kita buat sebab saya dah debar dah ni dengar bulan 4 ni nak keluar balik bauksit ni memang debar dah.

Itu yang pertama dan yang keduanya mengenai bauksit, saya minta juga sekali lagi, merayu kepada pihak Kerajaan supaya mendengar keluhan orang Kemaman, orang Air Putih, orang Chukai, orang Kijal supaya jangan bagi eksport bauksit ni melalui Pelabuhan Kemaman. Dia korek banyak-banyak di Pahang biar dia keluar di Pahanglah, *doksoh* keluar tempat kita, walaupun kita sekat tak bagi laluan tertentu dia lalu juga malam-malam melalui Chukai. Jadi ini perkara yang menyusahkan rakyat yang saya rasa ini patut diberi pertimbangan dan keputusan yang mutlak oleh Kerajaan supaya hentikan eksport daripada pelabuhan. Biarlah kita rugi sikit ke, kurang sikit pendapatan tak apa asal jangan rakyat susah. Jadi keadaan yang berlaku pada kita ni mungkin orang tak faham hanya orang Kemaman yang faham

dan merasai derita yang kita lalui. Saya pohon Kerajaan mengambil pertimbangan yang telah saya nyatakan ini.

Dato' Yang Dipertua, saya minta maaf salah dan silap dan apa yang saya ucapkan hari ini. Saya berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya sentiasa memberikan kita hidayah dan petunjuk pada kita semua termasuk kepimpinan kita supaya memberi yang terbaik, mendapat manfaat yang maksimum kepada rakyat insyaAllah. Dengan itu Dato' Yang Dipertua, saya pohon menyokong. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Sila saya bagi Y.B. Bandar dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, seluruh Ahli-ahli Sidang Dewan, kakitangan Kerajaan dan Pemerhati sekalian. Alhamdulillah kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah kerana kita di persidangan hari yang kedua selepas semalam kita mendengar Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu sebagai Majlis Perasmian dan saya pada hari ini berhajat untuk menyampaikan sedikit ucapan berlandaskan apa yang telah dititahkan dalam Dewan semalam.

Dato' Yang Dipertua, perkara pokok dan masalah yang dihadapi dalam Dewan kita pada hari ini dan juga hari-hari seterusnya ialah bagaimana kita perlu mengembleng satu tenaga baru kerana kita mempunyai ancaman yang *real* dengan izin, kita bukan bercerita tentang *rethoric* atau mengada-adakan. Keadaan yang sebenar tidak wujud. Perkara ini sedang pun diakui sama ada di peringkat pusat dan tentu di Negeri Terengganu kita terpaksa menghadapi keadaan ini. Pertama, seperti yang telah disebutkan juga oleh dua Ahli Dewan terdahulu dan juga pagi tadi memang kita sedang menghadapi ancaman yang benar yang bukan dianggap *illusion* dengan izin, Dato' Yang Dipertua.

Pertama dua sesi yang lepas, kita telah berbincang dan berbahas panjang dan lebar berkenaan dengan kemungkinan kita menghadapi kesulitan ini. Yang pertama kerana kepergantungan Negeri kita ni 90% adalah bergantung kepada hasil ataupun sumbangan yang datang daripada sumber minyak dan petroleum. Ini adalah kadar tradisi yang kita telah lalu lebih daripada 20 tahun tidak pernah ada perubahan yang besar.

Dan ditambah dengan kedudukan pertukaran wang asing yang tidak ada *empirical* keadaannya sebelum pada hari ini maka kombinasi kedua-dua ini telah menjadikan

kita jatuh dalam satu perangkap yang agak sukar untuk kita definisikan. Saya tidak ada dengar baik di peringkat Pusat atau di peringkat Negeri terutamanya kita mengeluarkan satu garis panduan baru bagaimana kita membuat persediaan rapi berkenaan dua kombinasi dua masalah ini.

Dato' Yang Dipertua, kita tahu kejatuhan yang melebihi 58% yang tidak mendadak tetapi secara beransur-ansur dan juga penyusutan dalam nilai matawang yang juga berlaku bukan mendadak tetapi secara beransur-ansur tetapi tidak ada pemulihan yang agak ketara setakat ini telah masuk kepada tahun kewangan yang kedua berturut-turut. Maka andaian yang dibuat di peringkat Pusat atau di peringkat Negeri menyatakan bahawa penyusutan berlaku sekitar 61% di atas sebab pengumuman yang telah dibuat oleh pihak Petronas dan juga Indeks Dagangan Minyak Mentah Dan Gas di pasaran dunia. Panduan yang boleh kita bandingkan ini tidaklah begitu mustahak untuk kita bincangkan dalam Dewan pada hari ini. Tetapi cukup dengan kita meletakkan aras di mana kita kehilangan potensi untuk menerima hasil daripada sumber ini sebanyak lebih daripada 53%. Ini telah diakui dan sedang diperbincangkan dengan hangat.

Dato' Yang Dipertua, apakah masalah sebenar yang kita hadapi di dalam Dewan ini sebagai tugas kita sebagai Wakil Rakyat. Tugas kita ialah untuk membincangkan apa yang dibawa baik oleh pihak Kerajaan ataupun juga pandangan yang dibawa oleh Ahli-ahli Dewan yang lain sekiranya mempunyai asas untuk kita bincangkan, kita atur pandangan tersebut formulasikan dalam bentuk polisi ataupun perkara dasar. Saya percaya ini adalah tumpuan yang sangat besar untuk kita beri kerana kita ada beberapa garis panduan yang kita perlu ikut terutama Peraturan Tetap dan juga Undang-Undang Perlembagaan Negeri yang memandu persidangan kita. Di atas premis ini Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyebut tentang kerisauan yang kita kongsi bersama, *the real track* dengan izin, yang kita hadapi ini ialah bagaimana Kerajaan Negeri Terengganu boleh mengimbangi pengurangan yang sebegini besar untuk menjana perbelanjaan yang telah kita luluskan dalam Dewan. Ini adalah *track* yang *real* yang bukan *rhetoric*. Sekiranya Kerajaan Negeri mengatakan telah ada rekonsiliasi atau *reconciliation* dengan izin, telah dibuat pada 26 haribulan satu yang lalu. Dengan pengurangan yang disebut pagi tadi, bermakna dengan jelas telah hilang ataupun terpaksa dikurangkan 33% daripada jumlah yang telah kita luluskan. Ini memerlukan satu pengumuman yang strategik kerana perbelanjaan pengurusan dan juga pembangunan Negeri Terengganu mestilah berdasarkan kepada kertas-kertas *statute* dan pengumuman yang dibuat dalam Dewan Undangan Negeri kita pada hari ini yang telah kita lulus. Kita tidak boleh menganggap adanya rekonsiliasi berdasarkan kepada pengumuman semasa ataupun berdasarkan kepada andaian yang kita buat ataupun angka-angka andaian.

Saya rasa sekiranya di peringkat Pusat kita perlu mengedarkan atau mengumumkan secara rasmi baik kepada Ahli Dewan ataupun kepada masyarakat umum di Dewan Undangan Negeri juga kita wajib melaksanakan perkara yang sama. Harus diedarkan untuk diteliti kerana Wakil-wakil Rakyat yang mewakili 32 kawasan ini perlu memahami di kawasan mana kedudukan strategi di institusi mana ataupun juga di kedudukan strategik yang mana yang telah terkesan yang perlu diberi penjelasan.

Dato' Yang Dipertua, sekiranya tidak ada perubahan kepada keadaan ini maka sudah tentu kita mempunyai *shortage* yang besar. Bagaimana kita nak menampung kekurangan itu? Bagaimanakah perlu kita usaha, ataupun kaedah yang mana untuk perlu kita cari pengganti kepada kekurangan itu? Pengumuman untuk memotong ataupun untuk mengurangkan penajaan kepada sektor-sektor yang tersebut bukanlah perkara yang terakhir yang perlu kita pilih. Penjimatan telah disokong oleh semua negara dalam menghadapi krisis ekonomi dan kewangan. Tetapi perbelanjaan yang mempunyai rasional *Risk Investment Analysis* perlu dibuat terlebih dahulu sebab itu saya cadangkan sebelum kita membuat pengumuman pemotongan, kita harus memberi tumpuan kepada perbelanjaan pembangunan yang sebelum ini kita tidak amalkan, mewajibkan adanya *Risk Investment Analysis* sebelum perbelanjaan atau pengumuman terhadap sebarang projek pembangunan itu dilakukan. Masanya belum terlambat Dato' Yang Dipertua, untuk kita sebut dan kita bawakan dalam kaedah kita apatah lagi apabila kita menghadapi keadaan semasa yang agak sukar dan perkara ini bukan sahaja di Negeri Terengganu tetapi di seluruh negara menghadapi perkara yang sama.

Tadi ada disebut berkenaan dengan antara potensi hasil yang masih lagi tidak berkesan untuk kita hidupkan balik potensi mendapatkannya. Kita tahu beberapa sesi yang lalu kita berbincang tentang bagaimana kita telah kehilangan satu punca telaga minyak yang baru yang keadaannya agak kelakarliah senang kita kata. Perkara yang agak aneh berlaku yang telah diretifikasikan kata sebagai hak Negeri Terengganu tapi akhirnya tidak ada satu pembelaan yang baik telah diisytiharkan menjadi hakmilik Negeri Pahang. Perkara ini kalau dulu tidak berapa mustahak kalau dikatakan kerana Terengganu *overzealous* atas sumber-sumber tersebut tetapi sekarang dikatakan agak mustahak sebab itu saya fikir ada wajarnya kalau kita menghidupkan balik peluang kita untuk menuntut atau memulakan gerakan untuk menuntut hak ke atas telaga minyak yang baru.

Kita tahu Dato' Yang Dipertua kita mempunyai skop yang boleh dianggap kekhilafan berlaku dalam pengiraan sumber royalti ataupun pemberian dana khas dan sebagainya. Ini adalah masa kita yang boleh kita gunakan untuk meneliti semula perkara ini untuk menghidupkan peluang kita kerana ini adalah hasil-hasil

yang kita tidak usahakan secara spesifik dan secara saintifik untuk mendapatkan dia. Saya rasa ini bukan perkara yang agak mustahil untuk kita buat.

Bajet yang kita luluskan pada beberapa bulan yang lalu berjumlah RM2.2 bilion untuk Negeri Terengganu sepanjang tahun 2016, Dato' Yang Dipertua. Dan sekarang kita dengar bahawa berkemungkinan besar kalau angka itu adalah angka yang muktamad ataupun muktabar kita boleh katakan kita hanya terhad dalam sekitar RM1.473 bilion sahaja seperti yang disebut. Ini menggambarkan satu keadaan yang agak signifikan dalam perakaunannya dalam sistem pengurusan kewangannya. Kalau berlaku pengurangan atau *shortage* yang begitu besar kita memerlukan satu rekonsiliasi secara menyeluruh.

Saya sendiri merasa agak takut dan bimbang apabila perkara ini benar-benar sedang dihadapi oleh Kerajaan walaupun kita Pembangkang. Tetapi kita juga berada dalam Dewan yang sama dalam Negeri Terengganu, tanggungjawab kita juga untuk membawa kesedaran ke atas perkara ini. Dato' Yang Dipertua, kalau disebut berkenaan dengan usaha-usaha seperti terdapat dalam Titah Ucapan Kebawah Duli semalam, di muka surat ke-7 telah ada pengumuman tentang "Kuala Terengganu Special Economic Zone" yang melibatkan keluasan 729,000 hektar persegi. Dan dikatakan didiami oleh lebih daripada 54%, 55% populasi Negeri Terengganu.

Ini perkara yang bukan sekadar pengumuman. Kalau benar kita melaksanakan satu *marking* daripada Zon Ekonomi Eksklusif yang baru dalam Negeri Terengganu, saya menuntut kerana ini adalah amalan biasa yang dibuat oleh mana-mana Negara, Negeri, Penguasa Tempatan kita mesti mengumumkan Nilai Pembangunan Kasar, ataupun *Gross Development Value*. Ini menjadi kayu ukur asas kepada mana-mana bandar, bandar raya, negara ataupun negeri apabila mengumumkan kawasan ekonomi eksklusif. Setakat ini saya tidak tahu, kalau melibatkan 729,000 hektar persegi, saya harap ada satu nilai GDV yang diumumkanlah, ya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Pegawai Kewangan Negeri. Segera kita cari kaedah untuk mengumumkan nilai GDV sebagai asas untuk kita pandu terhadap pengumuman ini, ya. Dan sudah tentu sekali lagi, saya ingin menyebut semula apa yang pernah diperingatkan oleh Air Putih berkenaan dengan *Risk Investment Analysis*. Kalau KTSEZ ini berhasrat untuk membawa satu pembangunan menyeluruh di *centre* Terengganu Tengah ini maka analisa itu wajib kita gerakkan daripada sekarang. Saya minta maaf kepada Kota Putera kerana saya tidak respon tentang tarian gelek tadi sebab saya rasa itu tidak berapa mustahaklah. Kita gunakan Dewan kita pada hari ini yang singkat masa perbahasan dia kalau boleh kita bawakan perkara yang agak mustahak dan pada pandangan saya ini adalah *paramount important* dengan izin, yang tertinggi sekali kerana kita ada *track* yang *real*, dengan izin.

Ancaman ini bukan ancaman yang main-main, ini ancaman yang benar. Sebab ada beberapa tokoh Pengurus Kewangan utama dalam negara termasuk bekas Menteri-Menteri Kewangan memberi peringatan kepada kita sekiranya *trend* ini tidak ada perubahan ataupun berterusan, kita bimbang dia akan transform, dia transform juga dalam bentuk kesulitan kewangan yang lebih teruk. Dato' Yang Dipertua, semalam televisyen yang kita selalu tengoklah televisyen utama negara kita yang selalu orang tengok telah menyebut bahawa *forecast* dengan izin, oleh sumber kewangan utama negara-negara maju mengatakan pada bulan September berkemungkinan besar mata wang Dollar Amerika akan dilanda satu krisis baru yang diungkapkan sebagai "*The Major Crisis Of U.S Dollar Currency*". Bulan 9, bermakna itu *forecast* yang dibuat oleh mereka tetapi kita ni di Negeri Terengganu sudahpun memasuki frasa di mana kesan kepada krisis tersebut dan juga krisis kejatuhan harga minyak sedang kita lalui dan kita rasakan dan belum ada tanda-tanda untuk kita naik dan pulih daripada perkara tersebut.

Dato' Yang Dipertua, saya tidak berminat untuk menyebut tentang perilaku dan juga kejadian-kejadian yang aneh yang berlaku di peringkat Pusat yang dilalui oleh pemimpin-pemimpin utama dalam negara, saya tidak berminat kerana semua telah diketahui dan saya harap di Negeri Terengganu perkara ini kita tidak ikuti dan kita tidak rasai.

Saya sebagai terakhirnya, saya juga nak menyebut tentang isi kandungan Titah Ucapan Kebawah Duli yang menyebut tentang dua perkara terakhir iaitu Kadar Kemiskinan Tegar dan juga berkenaan dengan usaha memperbanyakkan pembinaan rumah di Negeri Terengganu. Pertama Dato' Yang Dipertua, saya telah menyemak tentang Syarikat Perumahan PR1MA (Perumahan Rakyat 1 Malaysia) di peringkat Negeri Terengganu yang sehingga kini tidak ada apa-apa operasi dan tidak ada apa-apa tanda untuk menjalankan apa aktiviti. Saya minta supaya perkara ini dimaklumkan dalam Dewan kenapa perkara ini berlaku sedangkan di negeri-negeri lain telahpun memasuki frasa pembinaan dan sebagainya.

Perkara yang terakhir, iaitu 180 orang miskin tegar yang dikatakan sebagai penurunan mendadak berbanding daripada 847 dalam tahun 2013. Yang ini Dato' Yang Dipertua, sebab saya mempunyai pengalaman semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sebagai Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong pada ketika itu juga menitahkan perkara yang hampir sama berlakunya tetapi selepas pada itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menjaga EPU telah membuat pembetulan kerana angka berkenaan dengan miskin tegar ini adalah satu perkara yang sensitif yang telahpun dimasukkan dalam satu data yang telah di *marking* di peringkat UNESCO. Jadi saya ingin mengingatkan bahawa angka berkenaan miskin tegar ini jangan kita petik atau kita letakkan secara orang kata, secara tidak *credible-lah*. Saya tidak mahu ulas panjang kerana saya



pengalaman saya perkara itu disebut dan dalam Titah Ucapan dua minggu selepas itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membuat pembetulan kerana angka itu tidak *justified* langsung dengan apa yang berlaku dalam negara kita. Saya harap di Negeri Terengganu perkara ini tidak berlaku kerana sekiranya ada kita juga terpaksa sekiranya ada pihak yang *challenge* dengan izin, data ini kita akan terpaksa mengeluarkan satu data baru berkenaan dengan miskin tegar ini.

Terima kasih banyak Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Sila Y.B. Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta tolong patuh masa 15 minit ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, saya insyaAllah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sahabat-sahabat sekalian. Saya akan ambil masa singkat sahaja, saya nak beri peluang kepada rakan saya Wakil Kijal untuk bercakap lepas pada ni. InsyaAllah. Nampak dari tadi dah nak bangun tu. Saya ringkas-ringkas aje. Yang pertama Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut dulu kalau kita bahas dalam Sidang Dewan untuk bahas Titah Ucapan Diraja Tuanku Al-Sultan kita ambil empat hari bahas. Tapi kali ni wakil makin ramai, Pembangkang pun ramai nak bercakap, Wakil Kerajaan pun ramai, cuma dua hari. Jadi kita agak berkejar-kejar padahal kita bersidang cuma dalam dua tiga kali jer setahun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam boleh rujuk *point of order* mana yang menyatakan perlu panjang, perlu pendek.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rujuk peraturan mana yang boleh Y.B. mempersoalkan panjang pendek?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Laa, saya bukan nak mempersoalkan peraturan, saya kata sejarah Dewan ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita berbahas mesti mengikut peraturan. Sila patuh peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, ya. Persidangan yang lepas-lepas begitulah diberi peluang yang seluasnya pada Ahli-Ahli Dewan untuk bercakap membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Y.B Wakaf Mempelam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang keduanya Yang Berhormat Yang Dipertua, secara ringkasnya saya nak sebut bahawa dan jawapan telah diberi sebenarnya berhubung dengan kes jumlah bayaran royalti setahun yang dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad kepada Kerajaan Negeri Terengganu hasil penjanaan elektrik di Empangan Hidro Tasik Kenyir sebanyak RM11,670,000 setahun. Saya tidak tahu adakah angka ini tetap ataupun ada perjanjian yang menyatakan ada kenaikan-kenaikan tertentu setelah beberapa tahun macam kita katakan perjanjian sewa rumah sebagai contoh, 3 tahun naik 20% dan sebagainya. Jadi saya harap dapat memberi penjelasan kerana baru ni gempa gegaran di Hulu Terengganu pun hebat juga. Saya, kita memberi laluan kepada TNB untuk menjana elektrik membina Kenyir, banyak pulau-pulau, banyak bukit-bukit, hutan jadi pulau, tetapi kita hanya mendapat royalti. Hasil itu tidaklah seberapa.

Yang ketiganya Yang Berhormat Dato' yang Dipertua, ringkas-ringkas. Saya nak tanya berapa peratus *Non Revenue Water* dengan izin, air terawat yang dihasilkan oleh SATU (Syarikat Air Terengganu) di negeri ini? Kerana saya dapati akhir-akhir ini banyak maklumat tentang tekanan air yang agak rendah dan yang keduanya pengaduan tentang paip bocor dan pernah berlaku gangguan-gangguan bekalan air di banyak tempat. Jadi kalau boleh diberikan penjelasan.

Yang keempat ialah apakah jaminan Kerajaan khususnya Jabatan Bekalan Air, SATU kepada penduduk dan juga pengguna negeri ini agar yang pertamanya air yang dibekalkan tidak tercemar kerana saya dapati banyak kawasan *intake* tempat air sungai yang disedut untuk diproses ataupun dan seterusnya dibekalkan kepada pengguna. Tidak jauh daripada kawasan perusahaan batik, jadi hasil buangan perusahaan batik itu dia salur ke sungai dan tak jauh daripada tempat *intake* air tu diambil. Yang keduanya ialah, tidak jauh daripada mereka-mereka yang menjalankan perusahaan ternakan ikan dalam sangkar. Ada ikan busuk, ikan baja diberi makanan ikan dalam sangkar tu dan tidak jauh. Jadi saya agak bimbanglah

pasal berlaku kes tiada air di Kuala Lumpur kes air tercemar ni kerana kes-kes pencemaran yang semacam ini supaya tidak berulang di tempat kita ini. InsyaAllah.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan saya tidak tahulah sejauh mana pihak SATU membuat semakan tarif bekalan air. Berapa tahun sekali, tetapi kalau boleh dengan keadaan suasana yang ada sekarang ini jangan naik tariflah, jangan naik tarif kalau boleh tetapi sekurang-kurangnya kita dapat tahu juga dengan apa nama ni kadar tarif yang dicadang untuk dinaikkan.

Seterusnya yang keenam Yang Berhormat Yang Dipertua, tentang Bandar Baru di Bukit Besar. Saya difahamkan satu ketika dulu, Menteri Besar sebelum pada ini, bukan rakan saya daripada Kijal tetapi yang sebelum pada ini lagi dia ada cadangan untuk nak jadikan Bandar Baru di Bukit Besar tu daripada Gelugor sampai ke Bukit Besar tu, tanah itu telah diambil balik oleh Kerajaan tetapi untuk menjalankan pembangunan untuk nak tambun, kita bukit dah tak banyak dia nak sedut pasir daripada Pulau Pasir di tengah-tengah tepi Jambatan Kuala Terengganu ni nak pergi ke Kuala Nerus untuk diletakkan ditambun dekat kawasan yang nak dicadangkan. Jadi adakah cadangan ini masih berterusan untuk dilaksanakan dan bila dia nak mula untuk pembinaan Bandar Baru ni dan untuk nak tambun kawasan-kawasan yang terlibat?

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga nak tanya Yang Amat Berhormatlah cadangan adakah Kerajaan Negeri memikirkan ataupun bercadang untuk nak tambah kawasan pilihan raya baru di peringkat Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen di negeri ini dalam nak hadap Pilihan Raya Umum yang akan datang sama ada akan berlaku pertambahan ataupun tidak kerana kalau tak silap ingatan saya kita Terengganu ni agak terkebelakang. Negeri lain setiap 10 kali dia buat *revision* untuk tambah dan dia buat pertambahan. Buat pertambahan. Sarawak sekarang ni sampai nak jadi 71 ke 81? 82 sekarang ni. Padahal penduduk Sarawak ialah negeri tu besar macam Semenanjunglah tetapi penduduk tak ramai mana lebih kurang Terengganu jer kot atau lebih sikit jer kot? Tapi 82 kawasan Dewan Undangan Negeri, kita ni dah masuk 30 tahun setahu sayalah, tak tambah-tambah. Jadi adakah pihak Kerajaan memikirkan untuk nak tambah kerana kalau kita menguasai ataupun menjaga kawasan yang penduduknya atau pengundi terlampau ramai, lelah juga Wakil Rakyat ni. Tambah-tambah dahlah dia tak bagi peruntukan pembangunan yang Wakil Rakyat lain dapat bagi Pembangkang. Ini saya bagitahu terus teranglah. Jadi supaya benda dibuat semacam satu transformasilah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dah kita bercakap transformasi ni kita buatlah pembaharuan supaya nampak keadilan tu berlaku untuk semua Wakil Rakyat. InsyaAllah.

Dan, begitu juga dengan apa nama ni yang akhir ni, ni yang akhir ni. Saya tadi saya sebut hal Sarawak, saya nak sebut lagi hal Sarawak ni. Saya bukan nak nak *tu-tu* sangat dengan Sarawak ni tapi Sarawak terus memperjuangkan hak mereka. Secara terang-terang diumumkan untuk mendapatkan 20% royalti petroleum yang dikeluarkan di bumi Sarawak daripada Kerajaan Pusat dan juga Petronas. Adakah kita Terengganu tak nak ikut? Hak kita. Memang dalam Islam pun hak kita walaupun orang lain usaha hasil bumi dia dapat satu per lima, 20% itu dalam Undang-undang Islam pun begitu. Jadi adakah kita dengan 5% dulu, kini dan selama-lamanya. Mengapa kita tak ikut kalau Sarawak buat ini untuk menyatakan dia nak 20%. Saya insyaAllah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau pihak Kerajaan menyuarakan pandangan ini menuntut hak sampai 20% kami insyaAllah akan duduk belakang Yang Berhormat. Dalam soal ini, *hok* lain belum tentulah. ....(Dewan gelak)... Dalam soal ini kami nak menuntut hak kita sebagai rakyat Negeri Terengganu dan hak kita untuk Kerajaan Negeri Terengganu.

Saya ucap terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Sila Y.B. Kijal untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Mulia Sultan. Silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, seterusnya para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada hari ini saya sekali lagi berkesempatan untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sempena dengan Perasmian Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas pada hari semalam.

Dan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan dalam Titah Tuanku. Yang pertama, mengenai isu perumahan: "...ialah isu yang turut menarik perhatian Beta kerana permintaan terhadap perumahan di kalangan rakyat semakin meningkat." Dan saya juga bersimpati kepada Wakil Kota Putera yang telah meluahkan rasa sedihnya kerana beliau menyebut bahawa semasa saya menjadi ketua kerajaan ketika dahulu, saya pernah berjanji untuk melaksanakannya tapi itulah kita merancang Tuhan menentukan segala-galanya.

Kalau saya masih lagi berada di tempat itu barangkali Kota Putera, ianya telah dilaksanakan. ....[Tepukan Sokongan].... Kerana saya juga merujuk kepada Laporan Audit, Dato' Yang Dipertua, iaitu muka surat 48, mengenai isu perumahan. Dan Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 2, Rumah Mampu Milik Seri Bandi dimasukkan dalam Bajet sebanyak RM45 juta, pada tahun 2014 dikatakan dalam proses reka bentuk. Ini Laporan Ketua Audit 2014. Tapi sekarang kita dah masuk ke tahun 2016, saya tak nampak bayangan lagi rumah itu bakal dilaksanakan. Jadi kalau Tengku Putera, kalau kawasan Kota Putera..... Maaf Dato' Yang Dipertua, lama tak berucap ni. Kalaulah Kota Putera meluahkan perasaan dukacitanya, saya juga ingin meluahkan perasaan dukacita saya tentang perkara ini, apatah lagi Seri Bandi merupakan *fixed deposit* bagi DUN Kijal. ....[Dewan gelak] ..... Saya menang 1,600 undi di Seri Bandi sahaja dan saya telah dua kali memberitahu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tentang perlunya perumahan ini. Dan kalaulah bekas Menteri Besar pun tak layan, Kota Putera pun tak tahulah. Sedih, sedih juga tetapi nak buat *guana*.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang kedua, saya juga ingin merujuk kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di mana dinyatakan: "Beta difahamkan bahawa pendapatan negeri akan terjejas berikutan kejatuhan harga minyak di pasaran dunia iaitu daripada USD145 setong kepada USD30." Dan saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tentang perkara ini kerana saya telah bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini dulu mengenai penemuan Telaga Minyak Bertam 307 yang berada kira-kira 120 kilometer dari Pantai Geliga. Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, sehingga kini Bertam telah mengeluarkan minyak lebih kurang 3 juta barrel. Dan ketika minyak berharga USD145 setong, kita mendapat kira-kira RM2 bilion setahun, itu berasaskan harga yang kita buat, bajet kita USD75. Ini bermakna hampir RM2 bilion lagi tidak dijelaskan oleh Kerajaan Pusat kepada kita. Dan inilah masanya semasa minyak murah ini, tidak ada duit kita tuntutan kembali hak kita yang masih tersimpan di Kerajaan Persekutuan. Di samping itu Dato' Yang Dipertua, saya telah menulis surat secara rasmi kepada Petronas untuk mendapatkan pengesahan apakah Bertam 307 itu berada di Laut Terengganu atau Pahang? Dan sampai saat ini Petronas tidak memberikan jawapan kerana memang betul ianya berada di dalam Negeri Terengganu dan Perdana Menteri yang sebut di Pahang. Jadi Petronas takut bercanggah antara fakta sebenar dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan saya ingin memaklumkan juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin tahu sama ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengetahui atau tidak bahawa satu lagi telaga minyak telah ditemui di Bertam 3 yang juga di Laut Kemaman. Saya tak tahu benda ini diketahui atau tidak tentang perkara ini.

Dan kita berharap bahawa dalam keadaan kita kesuntukan wang ini, kita juga perlu menuntut kembali perbelanjaan yang telah digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk membina Lebuh Raya Pantai Timur Kedua. Semasa saya bertanyakan soalan ini pada bulan Mei tahun lepas, Yang Berhormat Exco Wakil Kemasik menyatakan kira-kira RM1.6 bilion. Dan terbaru saya melihat kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar RM1.85 bilion. Asalnya peruntukan untuk membina lebuh raya ini ialah sebanyak RM1.8 bilion. Dan saya juga ketika menjadi Menteri Besar telah menulis surat rasmi kepada Kerajaan Pusat/Persekutuan menyatakan bahawa pada ketika itu kos pembinaan Lebuh Raya Kedua RM1.8 bilion bermakna Kerajaan Negeri terpaksa membayar 50%, RM900 juta. Pertama, saya kata adalah tidak adil kenapa Negeri Terengganu terpaksa menanggung 50% daripada kos pembinaan lebuh raya tersebut sedangkan negeri-negeri lain Dato' Yang Dipertua, sama ada dibina oleh Kerajaan Pusat ataupun oleh swasta. Dan saya tidak pernah menemui, ketika itu saya sebagai Exco, Dato' Seri Idris Jusoh sebagai Menteri Besar apa-apa *paper* Exco yang dibawa menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bersedia menanggung kos 50% daripada pembinaan lebuh raya tersebut. Tidak ada. Sebab itu saya menulis surat kepada Kerajaan Pusat ketika itu cukup setakat ini sahaja Dana Khas Kerajaan Negeri Terengganu diambil untuk membina Lebuh Raya Kedua Pantai Timur. Kerana saya menjangkakan, satu, adalah tidak adil. Yang kedua, peruntukan RM1.85 bilion ini pasti tidak cukup untuk membina lebuh raya itu dan sekarang dibuktikan dengan kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bahawa peruntukan daripada Kerajaan Negeri Terengganu diambil RM1.85 bilion. Ini bermakna Kerajaan Pusat mengambil RM950 juta daripada Kerajaan Negeri secara haram tanpa mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan kita perlu menuntut kembali daripada Kerajaan Pusat. Ini adalah di antara rintitan-rintitan yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri marah kepada saya, Dato' Yang Dipertua.

Di samping itu, saya juga pernah menegur di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas iaitu mengenai Laporan Tahunan Dan Kewangan Permint 2013 yang mana ketika itu saya masih lagi menjadi Menteri Besar Terengganu yang sepatutnya tandatangan laporan itu saya yang menandatangani tetapi ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Razif. Yang akhirnya dijawab oleh Wakil Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Tengku Putera dari Kuala Berang iaitu dengan kenyataan memohon maaf. Soalnya sekarang Dato' Yang Dipertua, ini bukan soal memohon maaf, ini adalah soal peraturan dan undang-undang kerana buku laporan ini akan menjadi rujukan generasi yang akan datang. Mungkin barangkali bagi mereka yang berada di Dewan ini tahu Kerajaan Negeri silap, minta maaf. Tapi apa kata kepada orang luar yang tidak ada di Dewan ini yang bila membuat rujukan nanti, ini adalah sejarah yang silap, yang salah faktanya dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan, menarik balik buku laporan itu dan mengeluarkan laporan yang baru. Ini peraturan Dato' Yang Dipertua. Jadi

kita tidak mahu membohongi sejarah. Kalaulah ini dianggap sejarah yang akan datang maka kita membohongi rakyat bahawa benda yang tidak betul yang berlaku dalam Negeri Terengganu sebab itu saya tegur Dato' Yang Dipertua.

Di samping itu, saya juga ingin menarik perhatian atas beberapa perkara yang saya rasa perkara ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi teguran saya itu berulang dalam banyak perkara saya lihat. Pertama, iaitu mengenai pewujudan Daerah Baru Kuala Nerus. Sekurang-kurangnya kita juga perlu mendapatkan sedikit penghormatan kerana saya secara peribadi telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Daerah Baru Kuala Nerus. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa melancarkan daerah baru itu menyatakan bahawa ini adalah hasil perjuangan pemimpin-pemimpin Kuala Nerus dan saya ingin membetulkan fakta ini. Saya nak beritahu, saya mungkin barangkali yang paling senior berada di Dewan ini bermula dari tahun 1990, tidak pernah seorang pun pemimpin Kuala Nerus yang berjuang untuk mewujudkan Daerah Baru Kuala Nerus. Apa yang mereka perjuangkan ialah untuk mewujudkan Majlis Daerah Kuala Nerus. Zaman Dato' Rashid Ngah sehinggalah pergi ke zaman Dato' Nasir Ibrahim Fikri, mereka hendak wujudkan sebuah Majlis Daerah, akhirnya saya menjawab dan memberitahu kepada Dato' Nasir ketika itu: "Tak ada maknanya you perjuangkan sebuah Majlis Daerah kerana hendak dapatkan 15 orang Ahli Majlis tapi masih berada di Daerah Kuala Terengganu." Orang Kuala Nerus tak dapat Hospital Daerah, tak dapat PPD Daerah, tak dapat Pejabat Agama Daerah, Pejabat Tanah Daerah kerana dia berada di Daerah Kuala Terengganu, yang dapat Majlis Daerah tak ada makna perjuangan ini. Saya kata saya nak beri sampai ke tahap sesuatu ketika saya akan wujudkan satu Daerah Baru. Bila wujud Daerah Baru bermakna kita akan ada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Nerus, Hospital Kuala Nerus kita akan mintak, Bomba Kuala Nerus, PPD Kuala Nerus dan apa yang ada di setiap daerah akan ada di Kuala Nerus. Inilah sebenarnya perjuangan kita ketika itu yang saya cetuskan untuk wujudkan daerah ini. Dan kita dah kenal pasti, kita minta kepimpinan Kuala Nerus mengenal pasti tapak dan sebagainya dan kerja-kerja telahpun berjalan semasa saya dulu, bersih tapak, buat jalan tanah merah, buat sistem perparitan dan semua kontraktornya adalah daripada Kuala Nerus yang dipilih. Tetapi saya juga merasa dukacita kesilapan sekali lagi berlaku, saya tengok ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, ucapan tahunan pada bulan Januari yang lalu dan saya lihat juga *banner-banner* yang ditunjukkan kepada saya iaitu di *banner* tertulis yang bertarikh 28 November 2015, 'Perasmian Pertukaran Nama Daerah Kuala Terengganu Kepada Daerah Kuala Nerus yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar'. Ini tak betul Dato' Yang Dipertua sepatutnya: 'Perisytiharan Pewujudan Daerah Baru Kuala Nerus'. Bukannya tukar nama, kalau begitu hak Kuala Terengganu ni Kuala Nerus jugaklah jadinya. Saya tak tahulah adakah pakar bahasa dirujuk atau tidak. 'Pertukaran Nama Daerah Kuala Terengganu Ke Daerah Kuala Nerus'

bukannya 'Perisytiharan Pewujudan Daerah Baru Kuala Nerus'. So, maknanya Kuala Terengganu, Tanjung semuanya ini jadi Daerah Kuala Neruslah lening. Ini dari segi istilah Dato' Yang Dipertua, boleh tengok balik, boleh *check* balik. Ini sejarah, warnanya pun nampak macam warna *pink* gitu *bannernya*.

Di samping itu, saya juga ingin mengaitkan beberapa perkara lagi, ini mengenai daerah. Iaitu di dalam Ucapan Negeri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, disebut bahawa 43 kejayaan beliau bermula dari 2015 hingga 2016 termasuk pelaburan yang terbesar iaitu pembinaan CJ Arkema di Kertih iaitu satu perusahaan Bioteknologi yang terbesar di Asia Tenggara. Bukan saya nak membanggakan diri Dato' Yang Dipertua, tetapi semasa kerja-kerja tanah dilangsungkan berlaku di zaman saya, saya yang berucap dan Perdana Menteri yang berucap dan disiapkan semasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Jadi kalau Yang Amat Berhormat Dato' Seri nak *claim* semua sekali jadi 2015 hingga 2016, ini di antara 43 kejayaan yang Dato' Seri buat, rasa-rasa saya pun terasa hati jugaklah saya sebagai insan yang lemah dan biasa ini.

Di samping itu, saya ambil sedikit lagi Dato' Yang Dipertua berkenaan dengan Chicken Cottage juga disebut dalam Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semasa Perhimpunan Perkhidmatan Awam pada Januari yang lalu. Dan saya nak maklumkan bahawa Chicken Cottage ini diambil alih oleh TI Kerajaan Negeri Terengganu 70% dengan harga kira-kira RM25 juta dan sekarang ini kita ada 151 cawangan di seluruh dunia, 139 berada di United Kingdom. Dan alhamdulillah, kalau tak silap saya pada tahun lepas juga telah diadakan Majlis Menandatangani untuk dibuka Outlet Chicken Cottage ke Negara Timur Tengah. Dulu kita merancang supaya setiap negara yang menjadi Master Franchisee untuk Chicken Cottage ini dibayar kepada Kerajaan Negeri sebanyak 2 juta pound, Bangladesh nak, India nak, Pakistan nak dan Negara Timur Tengah pun nak. Bayangkanlah dengan modal RM25 juta, yang terbaru saya dapat laporan iaitu nilai saham Chicken Cottage hari ini hampir 40 juta pound sterling bermakna 70% Kerajaan Negeri, kita ada hampir lebih kurang RM120 juta berbanding modal berbayar kita dulu RM25 juta sahaja. Dan saya pernah pergi..... tahniah ke Chicken Cottage pertama telahpun dibuka di Terengganu. Hari itu saya tegur, saya panggil Pengurus tak ada, Penolong Pengurus yang ada, saya kata macam mana *you serve*, pertamanya, ayam bakar, sosnya dia pakai siram atas ayam sedangkan sepatutnya ada bekas. Saya tanya kambing? Kambing hari tu tak keluar lagi tapi saya dapat maklumat baru-baru ini, sehari-dua ni dah ada kambing. Yang ketiganya, saya *complain*, saya kata macam mana kotaknya warna hitam putih ni, betul ke tidak lambang Negeri Terengganu? Tetapi kita kata lambang ini dah international branded, merah-putih. Dan satu lagi saya tengok t.v. yang ada tu, saya kata you patut adakan satu lagi tambah-baikkan, you dapatkan filem Lady D yang mana Lady D beberapa kali bila dia buat temu janji (*date*) dengan Dr. Hasnat,



dia makan di Chicken Cottage. Ini bermakna you ambil beberapa bahagian di situ, tunjuk dalam t.v. orang akan tengok hebat Chicken Cottage, Lady D pergi makan di situ. Dan apa yang lebih mendukacitakan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, iaitu bila saya tanya pihak-pihak tertentu terutamanya *partner* kita dia kata dia tak terlibat sebab kita ada 70%, 30% lagi kepunyaan orang lain sebab masa dulu kita takmbah ambil 100% atau 90%, kita nak kurangkan risiko kita ketika itu dengan syarat sekiranya dia nak jual dia mesti *offer* kepada kita dulu. Dan baru-baru ini saya jumpa seorang pelabur daripada Bangladesh yang berminat dan saya tanya Dato' SUK, adakah orang yang pegang 30% ini telah membuat tawaran kepada Kerajaan Negeri, Dato' SUK kata dia telah buat tawaran tetapi harganya terlalu tinggi. Betullah, sebab dulu kita beli 70% RM25 juta, sekarang D'Lloyd buat penilaian dah hampir 40 juta pound, dah hampir RM160 juta mesti berbeza tetapi tak apalah. Oleh kerana orang ini berminat, saya menghubungi supaya mereka ini berbincang dengan yang memegang 30% ini dan partner/rakan kita itu menyatakan bahawa dia tidak terlibat di Terengganu. Saya kata kenapa? Sedangkan you ada 30%, dia kata kerana buka satu outlet di Terengganu itu kosnya melebihi RM4 juta. Saya tanya berapa kos buat KFC? RM1.5 million. A&W lebih kurang RM1 juta tetapi kenapa Chicken Cottage Terengganu kosnya lebih daripada RM4 juta. Saya terasa Dato' Yang Dipertua sebab saya nampak potensi yang ada pada Chicken Cottage ini. Dulu kita ada A&W, sekarang kita ada Chicken Cottage, kita boleh pergi ke pasaran dunia. Kita boleh pergi ke India, ke Pakistan, ke Bangladesh, ke Timur Tengah, ke Iran dan sebagainya. Iran tak benarkan Kentucky, KFC dan McDonald, kita boleh masuk. Juga Libya dan sebagainya dan masuk ke pasaran China yang begitu besar dan setiap negara yang ambil kita dapat 2 juta pound kalau ikut perancangan asal kita dulu. Dan setiap outlet yang dibuka kita ada lagi 3% hasil jualan sebab itu kita kena melabur 1 juta pound untuk buat sistem sebagaimana yang dibuat oleh McDonald. Setiap cawangan yang *punch* saja, ada orang beli pada hari itu, kita tahu selalu berapa jualan dia, dia tak boleh tipu kita dan kita dapat 3%. Inilah yang hendak kita buat.

Dan yang terakhir Dato' Yang Dipertua, saya juga merasa dukacita seolah-olah apabila saya berhenti dan diberhentikan sebagai Menteri Besar, legasi saya hendak dihapuskan. Kita ambil balik tanah di Tanjung dan Ladang dengan harapan untuk bukan sahaja kos pengambilan itu tinggi, kita beli, untuk penempatan semula mereka ini, kita buat dua jenis rumah, satu, Rumah Mampu Milik Ladang Gemilang, bagi mereka yang dapat sikit saja duit pengambilan balik dia mampu beli Rumah Ladang Gemilang. Bagi yang dapat banyak jutaan ringgit ini .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan sebab pergi jauh dah tentang Chicken Cottage. Sikit aje. Yang Berhormat daripada Kijal saya mohon penjelasan tentang Chicken Cottage ini, adakah Yang Berhormat menyedari bahawa Chicken

Cottage selain daripada Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai sahamnya, saya difahamkan ada seorang bekas Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri Terengganu juga ada saham dalam Chicken Cottage ini sendiri. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak tahu perkara ini sebab saya hanya bersetuju untuk pengambilalihan Chicken Cottage ini dan semuanya diuruskan katanya ketika itu secara profesional. Kita menghantar Juru Audit kita, kita menghantar peguam kita untuk membincangkan perkara guaman di sana dan kita menghantar semua sekali Akauntan kita untuk audit segala-galanya di sana dan yang saya tahu cuma *partner* kita ada 30% sama ada pegawai kita terlibat, itu Allahuwa'alam saya tidak tahu. Kalau dapat maklumat silakan buat laporan kepada SPRM. Kita bersikap telus dalam soal ini.

Dan sebagaimana yang saya katakan tadi, apabila kita ambil balik tanah di Ladang, kita buat dua jenis rumah, Dato' Yang Dipertua, satu Rumah Mampu Milik untuk orang yang dapat duit tak banyak. Yang kedua, rumah yang agak tinggi harganya di Ladang ini supaya mereka mintak mereka kekal di kampung halaman mereka dan kita jadikan pembangunan ini sebagai pembangunan kawasan bumiputera. Sebab itu kita buat keputusan yang membina perkedaian ini ialah Lembaga Tabung, mereka boleh sewa dengan harga yang lebih rendah ataupun jual dengan harga yang lebih tinggi, kita pastikan bahawa 50% kedai-kedai ini akan dipegang oleh Lembaga Tabung, 50% dijual tapi pastikan sekurang-kurang 30% dimiliki oleh bumiputera. Ini sekurang-kurangnya bahawa 80% hakmilik bumiputera kekal di Ladang dan Tanjung kalau dapat 10% lagi bagus Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Malahan kita telah merancang masa depan, kita telah berbincang dengan SEDC, kita berbincang dengan SATU, kita telah berbincang dengan anak syarikat KETENGAH supaya sama-sama membangunkan tanah ini supaya hakmilik Kerajaan atau bumiputera kekal di situ. Tapi apa yang berlaku Dato' Yang Dipertua, Rumah Gemilang di Tanjung ini dekat masjid itu hendak dijual kepada orang ramai, masa saya dulu orang luar daripada Ladang, Tanjung mintak dan jumpa saya, kita kata tidak boleh dijual. Kita mesti *offer* kepada orang yang tinggal di sini dulu yang terlibat dengan secara langsung dulu. Kalau lebih barulah kita beri kepada orang luar tapi hari ini kita lihat iklan telah keluar di suratkhbar untuk dijual malah Wakil Rakyat semua menerima tawaran untuk membeli rumah-rumah ini dengan harga permulaan RM245,000 dan sebagainya mengikut tingkat, ikut pemandangan sedangkan dulu kita hanya bercadang untuk dijual RM98,000 hingga RM128,000 dengan subsidi. Jadi saya percaya Dato' Yang Dipertua, perkara-perkara ini dilakukan sama ada disedari oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar atau oleh pegawai-pegawai di sekelilingnya untuk memalukan saya dan mungkin suatu ketika nanti, saya akan dicop, akan dihina kerana sayalah yang menyebabkan sebagaimana suatu ketika dulu, halau orang Melayu dan

sebagainya sedangkan tujuan kita, kita tahu, kita ada rekod daripada mula Bulatan Ladang sampai ke Kolam dan patah balik ke Ladang tanah itu tanah milik orang Melayu tapi Hakmilik Bebas, orang bukan Melayu telah beli 10.141 ekar (50 lot), bila mak-ayah mati, orang Melayu ni bergaduh sesama sendiri dan jual tanah dan jadi milik orang lain. Jadi untuk pastikan ia kekal menjadi milik orang Melayu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, boleh saya nak tanya sikit? Sebab Ladang. Sikit aje nak tanya. Hak Kerajaan nak jual tu hak dekat masjid itu cadangan dulu masa jadi Yang Amat Berhormat, sekarang jadi Yang Berhormat, masa tu nak jual anggaran berapa harganya di situ?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kita menjangkakan ketika itu RM98,000 dan tidak melebihi RM128,000.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Hak dekat masjid ni?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ya, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tetapi pasal apa sekarang ini dia jadi RM245,000?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah Dato' Yang Dipertua. Terima kasih. Inilah yang saya katakan tadi bahawa seolah-olah ada satu konspirasi untuk memalukan saya, untuk menghina saya atau apa-apa sahajalah kerana saya dulu yang berjanji, sekarang orang lain yang melakukan perkara-perkara ini.

**USUL UNDI TIDAK PERCAYA  
KEPADA YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR  
DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN**

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Jadi atas perasaan sedih saya Dato' Yang Dipertua, saya ingin membawa satu usul atau cadangan terhadap apa yang berlaku demi kepentingan rakyat Terengganu secara keseluruhannya bahawa cadangan-cadangan di bawah perkara 14(6) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, Peraturan 33(xi) dan Perkara 33(vi),

Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri Terengganu Darul Iman.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Perkara 14(6), Perlembagaan Negeri Terengganu, ini melibatkan Perlembagaan Negeri Terengganu adalah di antara Pekerjaan Dewan yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Negeri yang mana ianya tidak termasuk di dalam Tertib yang biasa Pekerjaan Dewan. Jadi tak payahlah tengok dalam buku merah itu, *takdok*. Ini ada di dalam Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu. Peraturan 33(xi), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan ....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan. Adakah perkara ini Dato' Yang Dipertua, perlu selidik dulu ataupun macam mana?

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya baca dok habis lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, kebenaran daripada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita dengar dulu *and then* saya akan buat keputusan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Beri peluang saya baca habis dulu Dato' Yang Dipertua. *Ke nak balas bela eh*. Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu yang mana cadangan ini tidak memerlukan kepada sebarang notis. Cadangan ini tak perlukan notis Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian. Ini terdapat dalam Perlembagaan Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, bagi maksud Perkara 14(6), Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu, Dewan hendaklah bersidang sebagai Jawatankuasa Seluruhnya sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 33(vi), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Haa, ini terdapat dalam buku merah. Iaitu saya ulangi 33(vi), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi membolehkan Ahli-ahli Dewan membuat undian. Notis juga tidak diperlukan bagi cadangan ini.

Perkara 14(6), Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu yang menyatakan jikalau Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan daripada

kebanyakan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri maka ketika itu melainkan dengan permintaannya Duli Yang Maha Mulia membubarkan Dewan Undangan Negeri, hendaklah dia menawarkan keberhentian Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sehubung dengan Perkara 14(6), Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu, cadangan saya berbunyi Dato' Yang Dipertua:

***“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini Mengundi Tidak Percaya Kepada Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman.***

***Selaras dengan itu, saya juga membawa Cadangan Di Bawah Peraturan 33(vi), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu supaya Dewan yang bersidang pada ketika ini bersidang sebagai sebuah Jawatankuasa Seluruhnya bagi membuat undian.”***

Sukacita saya maklum kepada Dewan yang mulia pada hari ini bahawa Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu merupakan Perlembagaan Negeri ini yang tertinggi. Di mana di bawahnya Peraturan-Peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diperbuat. Oleh itu, pematuhan kepada perundangan dan peraturan-peraturan ini adalah diperlukan serta tidak boleh dinafikan. Sukacita saya membawa peringatan bahawa menafikan Perlembagaan Negeri adalah langkah yang tidak berperlembagaan serta tidak mematuhi Perlembagaan Negeri. Ini bermakna Dato' Yang Dipertua, minta maaf bahawa Dato' Yang Dipertua tidak boleh menolak usul ini.

Sekian saya bawa usul ini untuk perhatian pihak Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya memohon supaya dalam urusan tanggungan bincang pasal usul yang dikemukakan oleh Kijal ini, Dato' Yang Dipertua menggunakan Fasal Tanggungan dalam Buku Peraturan ini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kijal. Terima kasih Y.B. Kuala Berang. Usul ini usul persendirian. Yang mana kalau dilihat dalam peraturan-peraturan yang dibenarkan dalam Perintah-Perintah Tetap Dewan yang termaktub di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu ataupun Perlembagaan Negeri Terengganu. Kita ada 14 hari untuk usul persendirian dan sebagainya dan saya ingin mengambil masa untuk meneliti seterusnya dan saya menanggungkan ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya dengar tadi kata usul yang dibawa di bawah Perkara 33 tidak memerlukan notis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar duduk dulu. Saya akan kaji usul tersebut dan saya minta tangguh sesuai dengan pukul 1.00, kita perlukan rehat. Okey.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tapi disebut tadi melibatkan Perlembagaan Negeri bukan melibatkan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya akan buat kajian. Ini hak saya, sebagai apa yang berlaku dalam Dewan. Saya rujuk dua-dua. Saya ada juga. Dua-dua saya ada. Jadi saya minta kita tangguh, kita rehat dan saya akan buat keputusan selepas ini. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah boleh dok kita teruskan tak payah makan nasi tak apa, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Setuju yang itu kena bincang selalu tu.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya rasa moleklah tu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Molek kena bincang selalu tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Terima kasih Y.B. Sebelum itu saya menjemput semua Ahli Yang Berhormat untuk makan tengah hari yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, jemput ke Damai Lounge untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan kepada semua ketua-ketua jabatan di Perkarangan U2, Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan sementara Dewan Yang Mulia ini dan kita sambung semula pada pukul 2.30 petang. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAHARI.

## PUKUL 2.45 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita berhenti rehat, saya ada menerima usul daripada Y.B. Kijal.

Usul ini telah dibuat tanpa notis sebagaimana telah dirujuk oleh Y.B. Kijal merujuk kepada Fasal 33. Secara spesifiknya Fasal 33(vi) dan Fasal 33(xi). Setelah meneliti peraturan-peraturan dalam buku Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu saya mendapati bahawa Fasal 33 mestilah dirujuk bersama dengan Fasal 45 yang menyebut dalam apa jua keadaan kebenaran Speaker mestilah diperolehi walaupun tanpa notis.

Dan saya mendapati usul ini tiada elemen keterdesakan dan sangat penting untuk dibahaskan tanpa apa-apa kelengahan. Oleh itu memandangkan bahawa Undi Tidak Percaya bukanlah memperkatakan perjalanan pentadbiran jentera Kerajaan Negeri ataupun tanggungjawab Menteri Besar tapi mempersoalkan kewujudan pembentukan Kerajaan Negeri itu sendiri. Maka saya dapati Usul Undi Tidak Percaya tidak termasuk dalam ruang lingkup Fasal ke-33. Maka saya menolak usul ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, masalahnya 14(6) tu melibatkan Perlembagaan Negeri....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ...Dan ia tidak memerlukan kepada cadangan, tidak memerlukan kepada notis Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Paka. Nampaknya Y.B. Paka mentafsir yang mana satu? Tak apa Fasal 125, sebelum kita pergi pada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu kita mesti merujuk perjalanan di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua ...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dalam Dewan tu merupakan penyelesaian daripada Perlembagaan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya faham ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ...  
Perlembagaan yang tertinggi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya faham Y.B. Paka. Malah Y.B. Paka, Y.B. Bandar sila duduk dulu. Biar saya jelaskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh tak Tuan Yang Dipertua terang balik usul dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar saya jelaskan ya, Y.B. Bandar, sila duduk. Terima kasih. Kita jangan baca fasal secara berasingan. Sebelum kita pergi pada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu, kita lihat apa yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri mengikut fasal-fasal tertentu. Jadi kita telah merujuk secara *detailnya*. Sebab itu saya menolak dan kalau saya nak terangkan secara jelas saya boleh terangkan insyaAllah. Dan bagi saya fasal ini, Fasal 33 mestilah berjalan bersama dengan Fasal 45. Dan kalau kita merujuk kepada ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu. Saya tak habis lagi ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cuma nak peringatkan Tuan Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): .....Berkenaan perkara Perlembagaan ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar duduk dulu, saya ...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, masalah 14(6) ni kalau tidak bila kalau ikut peraturan dia nak dapat dilaksanakan 14(6) ni?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa perkara yang mustahak di sini adalah 14(6).



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Perlembagaan Negeri yang.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, Y.B. Bandar, tolong. Kan kita mahu memperkatakan tentang mengikuti Peraturan Dewan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul, betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta duduk dulu Y.B. Bandar, Y.B. Paka, terima kasih. Sila Y.B. Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, Fasal 14 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri ini ialah fasal pelantikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Manakala 14(6) pula adalah fasal menggagalkan ataupun mengusulkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tu terbatal. Maka sebelum baca 14.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni melibatkan Menteri Besar, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya betul, betul. Sekejap saya nak terang. Melibatkan Menteri Besar dan juga Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dato' Yang Dipertua. Tetapi sebelum dia menyatakan 14(6) ini jika berada dalam Dewan Negeri yang bersidang dalam 33 mendapat tidak percaya ataupun gagal dalam Undi Tidak Percaya. Tapi sebelum 33 mesti 45 dulu minta kebenaran Speaker, begitu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang itu tak perlu notis ni Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bukan, betul tak diberi notis tapi yang ini kena baca dulu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab itu minta tolong Yang Berhormat-Yang terhormat. Saya tidak mahu .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak kisah....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk semua Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kalau tidak, tidak melibat tahun 1959 ni, benda ni dah berulang dah ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Nak undi jer Dato' Yang Dipertua bukan payah sangat. Nak tahu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, kita pergi tangga satu dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak tahu ya. Saya.... Y.B-Y.B., Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato' Kuala Berang...

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Kita nak undi aje Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Berhormat Yang Dipertua, sekarang ni Kerajaan yang ada ni sudah hilang kepercayaan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Speaker, Tuan Speaker tidak boleh *violate* Perlembagaan Tubuh Negeri Terengganu, itu yang saya cuba peringatkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar apa yang dikatakan *violation* kepada undang-undang .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau perkara .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa Y.B. Bandar duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau dibangkitkan perkara 14(6) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, Y.B. Bandar duduk dulu, boleh duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya juga, saya juga .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar duduk dulu. Saya nampak Y.B. Bandar dan Y.B. Paka ni .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, masalahnya sebab apa yang takut sangat nak suruh undinya. Dah kan Kerajaan dia yakin benda tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab masalah dibangkitkan perkara ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan soal takut, kita ada peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah ya lah, ni cadangan peraturan dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Peraturan ni Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya sebagai orang tengah, okey.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah ikut peraturan .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Orang tengah sepatutnya berilah kerjasama .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ....(Mencelah) .... Perlembagaan Negeri ni yang paling tinggi sekali.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): ....(Mencelah) .... Dia ada Perlembagaan Undang-Undang Tubuh. Kena ikut juga sini. Kita baca juga Undang-Undang Tubuh ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa ada baiknya kita beri kepercayaan kepada Menteri Besar, kita benarkan undi. Saya rasa selamat semua. Tidak timbul perkara ni. *"Finish it one's for all"*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Selamat jer, tak ada masalah. Berita pun nampak kemas.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita beri peluang kepada Menteri Besar untuk dapatkan kepercayaan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekarang ni Menteri Besar yang ada tidak dipercayai dan cadangan tu didatangkan bukan daripada Pembangkang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B semua Y.B duduk. Saya telah buat *ruling*, okey.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Benda ni jelas ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jelas sangat ni, jelas sangat, jelas sangat. Jelas sangat tiada kepercayaan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Speaker *bias* ni, Speaker *biased*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kena undi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Siapa yang cakap Speaker *bias*?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita 9 orang, bangun 9 orang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk Y.B. Alur Limbat tarik balik perkataan.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Berilah Dato' Yang Dipertua perjas dulu baru kita faham. Kita bukan ahli undang-undang belaka ni. Beri biar Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua perjas dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masalah nak lari tak nak laksanakan ni.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau nak lari *tubik* makan nasi tadi dah lari tak mari dah. Kita dengar dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dia melibatkan Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri dah .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ...(Mencelah) ....Beri Dato' Speaker beri penjelasan dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): .....Yang Berhormat Yang Dipertua. Kalau tidak sampai Kiamat tidak berlaku Usul Tidak Percaya ni. Kalau tanya nak sembelih tu memang dia lari, ni sebab itu ada peraturan-peraturan ni supaya cadangan ni diterima.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua saya rasa kita buat *gentleman* kita buat undian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B.-Y.B. saya bukan soal *gentleman*.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Hor, dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soal mengikut peraturan. Saya ikut peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Peraturanlah ni. Peraturan apa lagi pakat baca peraturan belaka dah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. boleh memberi tafsiran pelbagai tentang apa yang ada dalam kandungan .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kenapa yang pergi lompat 45 .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Peraturan 33(xi) dah ada dah Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturannya keputusan Speaker muktamad.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): 33 mari dulu baru 45.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah boleh *dok* kalau mana-mana seorang, kita beri seorang jer cakap ni berebut stesen tak jadi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua sebenarnya 46 itu memberi ruang kepada pekerjaan yang tidak tertib. Maksudnya yang dibawa oleh anggota Kijal itu mewakili Barisan Nasional yang dibawa. Kita ni tengok, saya ni mewakili Bandar, saya tengok 14(6) ni adalah Undang-Undang Tubuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Bandar terima kasih, terima kasih. Y.B. Bandar terima kasih, terima kasih banyak.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab tu saya sebut perkataan *violate* tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar terima kasih banyak sebab bagi saya baca, saya buat *ruling*, saya buat .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Ruling* tak betul!

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, Wakaf Mempelam saya minta Dato' Yang Dipertua, kita minta dengan izin sidang ini Yang BERTHORMAT Dato' Penasihat Undang-Undang untuk memberi penerangan. Dato' Yang Dipertua saya minta permohonan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sila, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah *bakpe* melibat tu, Speaker adakan. *Guane* sampai yang .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta .....

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tak perlu, tak perlu Penasihat Undang-Undang.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak kan tak yakin ke Speaker ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, saya minta Y.B. Penasihat Undang-Undang untuk .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Makna kita hok peraturan yang ada ni kita *nok roba ke guane*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ini soal politik.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekarang ni ada dah ni .....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Padan Dato' Speaker jer beri.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya rasa kita buat undian Dato' Speaker.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kita setuju Dato' Speaker .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita minta orang yang lebih berkecuali .....

.....[Rakaman Tidak Jelas Kerana Pertindihan Suara]....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Begini jer Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tolong dengar kepada Pegawai.... Dengar saya bercakap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ..... Apabila 9 orang ahli bangun .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Dah undang-undang dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tadi nak ikut undang-undang. Kalau Speaker bercakap.... Kalau Speaker bercakap undang-undangnya apa Y.B.?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doh masalahnya Speaker *dok* ikut undang-undang. *Takmbah* ikut undang-undang masalah Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti saya cakap dulu. Y.B. Paka duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Apabila 9 orang ahli berdiri maka peraturan mesyuarat yang membenarkan ruang kepada 9 orang ahli yang berdiri tu adalah menjadi hak.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Berdiri... berdiri... berdiri!

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kita minta jadi Jawatankuasa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Rujuk pada Pegawai Undang-undang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak minta kerjasama Y.B.-Y.B., Yang Berhormat-Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tuan Speaker kena bagi ruang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta Y.B. Penasihat Undang-undang untuk bangun menjelaskan secara perundangan. Terima kasih Y.B. kita minta duduk sekejap. Kita dengar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ..... 9 orang.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Duduk dulu. Dengarlah.

YANG BERHORMAT DATO' AZHAR BIN ABDUL HAMID (Penasihat Undang-Undang Negeri): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan. Jadi saya bukan nak menjelaskan tentang Peraturan dan Perintah Tetap Mesyuarat, ya. Saya cuma nak memaklumkan bahawa Perkara 14(6) Undang-Undang Tubuh Bagi Negeri Terengganu adalah peruntukan yang membolehkan satu usul Undi Tidak Percaya dibuat terhadap Menteri Besar. Itu apa yang dimaksudkan oleh Perkara 14(6).

Jadi tentang bagaimana tatacara usul ataupun undi itu dijalankan adalah tertakluk kepada Perintah dan Peraturan Tetap Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Jadi, bagaimana 'perintah' dan 'peraturan' itu ditafsirkan adalah terpulang kepada budi bicara Yang Dipertua Dewan yang mana di bawah Peraturan 125(2) *ruling* ataupun petua oleh Yang Dipertua Dewan adalah muktamad.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Penasihat Undang-Undang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, dalam melaksanakan *ruling*, saya.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maka saya tidak membenarkan lagi. Terima kasih Y.B. Bandar. Dalam Fasal 125(2) keputusan Speaker adalah muktamad.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu maksudnya Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta maaf Y.B. ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tadi disebut menggunakan budi bicara. Perkataan budi bicara.....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan sebagai orang yang mengemukakan usul. Dato' Yang Dipertua saya mohon.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya merujuk perkara ini kepada 14(6) dan Yang Berhormat Pegawai Undang-undang telah menyatakan bahawa memang benar 14(6) ini membolehkan usul tidak percaya kepada Menteri Besar dibawa ke Dewan. Dan Speaker boleh menolak berdasarkan peraturan-peraturan tertentu tapi kita mesti ingat bahawa dalam Perintah Tetap Dewan mengatakan bahawa 33(xi) Peraturan-Peraturan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu yang mana cadangan ini tidak memerlukan kepada sebarang notis. Jelas. ....(Tepukan sokongan).....

Dato' Yang Dipertua kata notis yang disebut notis oleh Wakil Kuala Berang dan sebagainya. Tak perlukan notis dan peristiwa ini telah berlaku pada 1961. Sejarah telah membuktikan perkara yang sama dibawa ke Dewan yang mulia ini. Dan kita perlu memberi hak kepada Ahli Dewan, terpulang kepada Dewan memutuskannya secara muktamad. Dan kalau keputusan itu diambil bahawa ini keputusan hak mutlak Speaker bagaimana undang-undang ini dibentuk? Sedangkan Perlembagaan ini mengatasi Peraturan Dewan. Peraturan Dewan ini dibuat begitu rupa dan kalau macam disebut oleh Wakil Paka ni, sampai Kiamat pun tak pernah berlaku.

Setakat ini Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu mengatasi segala-galanya dan Peraturan Dewan dibuat berasaskan Perlembagaan Negeri. Ia tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan, Perlembagaan mengatasi segala-galanya. Sejarah telah berlaku 1961. Saya nak tanya di bawah seksyen mana pulak kuasa 1961 itu dibawa Undi Tidak Percaya kepada Menteri Besar menyebabkan jatuhnya dan Daud Samad ketika itu yang diperintah oleh PAS?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kijal. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya perlu penjelasan. Sebab tu dikatakan tadi Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-undang sendiri kata adalah Peraturan 14(6), tak perlu notis tak perlu apa tapi sekarang terserah kepada budi bicara Speaker. Budi bicara Speaker pula, kena tengok pula kepada Peraturan Dewan dan apa sejarah yang telah berlaku. Kita bukan 'Lembu Mekah' Dato' Yang Dipertua dengan izin, pergi hulur kepala belaka nak sembelih. Kalau lembu lain nampak pisau *tombor doh*. Sampai bila nak bawa perkara ini. Terpulanglah kita terimalah kalau Dewan kata okey, menang-menanglah. Bukan soal nak Tubuh Kerajaan apa tak timbul. BN masih boleh memerintah, BN 17 kerusi. Tak timbul soal Pembangkang nak rampas, saya nak rampas ke tak timbul. Kita perlu keadilan Dewan yang mulia ini. Kita baca undang-undang. Yang Berhormat Dato' LA pun baca undang-undang. Kita pun rujuk kepada pakar undang-undang. Takkanlah Yang Berhormat LA bercakap okey, ni di bawah peraturan Perkara 14(6) tapi terpulang kepada Speaker. Adakah ini berperaturan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. ....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takkan Dewan yang mulia ini hendak diperkotak-katikkan. Ini Perlembagaan Tubuh Negeri Terengganu yang paling tinggi, tertinggi. Bukan saya baca hari ini Dato' Yang Dipertua. Dan kita bukan nak bercakap saja, kita pun *refer* kepada pakar undang-undang. Sebab itu di mahkamah bila kata perkara yang sama sedangkan pengertian berbeza. Berdasarkan tafsiran oleh Peguam, tafsiran oleh Hakim, bagi saya adalah tidak adil. Sebab jelas disebut dalam ni, dari segi Undang-Undang Tubuh Perlembagaan Negeri. Kalau kita tidak rujuk kepada Perlembagaan Negeri nak rujuk kepada siapa lagi. Kitab tertinggi bagi Perlembagaan sebuah negeri. Sebab itu Peraturan Dewan tu dicabut daripada Perlembagaan dan Peraturan Dewan tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan. Perlembagaan *supersede* kepada Peraturan Dewan. Ini yang berlaku. Minta maaf Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kijal boleh baca Peraturan 14(6) secara *detail*?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Okey, Perkara 14(6) Perlembagaan Negeri Terengganu. Perlembagaan Negeri Terengganu adalah di antara Pekerjaan Dewan yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Negeri yang mana ianya tidak termasuk di dalam Tertib yang biasanya Pekerjaan Dewan. Ni dok normal. ....(Tepukan sokongan) .... Bukan mengikut Peraturan Dewan *doh*. *Dokleh* ikut Peraturan Dewan perkara ini. Kalau ikut Peraturan Dewan memang tolaklah, biasalah. Dan sejarah kejadian telah berlaku 1961.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Kijal minta penjelasan sikit. Buku ucapan Titah Tuanku dalam muka surat 17 menyebut: "Beta juga menyeru agar semua pihak sentiasa mengangkat martabat Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri ke tahap yang dihormati. Jadi saya pohon supaya perkara tersebut diberikan sokongan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Macam Sultan setuju *doh jer*.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua saya jelaskan lagi, diminta oleh Dato' Yang Dipertua sebentar tadi. Sebagaimana termaktub dalam Peraturan 33(xi) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu yang mana cadangan ini tidak memerlukan kepada sebarang notis. Jangan kata keluar notis, tak perlu notis. Ni Perlembagaan sebut Dato' Yang Dipertua. Tuan Yang Dipertua bagi maksud Perkara 14(6) Undang-Undang bagi dan Kerajaan Negeri Terengganu, Dewan hendaklah bersidang sebagai Jawatankuasa, jelas. Sebagai Jawatankuasa seluruhnya sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan 33(vi) Peraturan-Peraturan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi membolehkan Ahli-ahli Dewan membuat undian. Notis juga tidak diperlukan bagi cadangan ini. Jelas itu dalam buku merah. *Takmboh* notis dah. Minta maaf Dato' Yang Dipertua saya nak sambung lagi. Saya nak tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti saya jelaskan insyaAllah. Terima kasih Y.B. Kijal. Okey, turutan usul kebiasaan usul, notis ni mestilah diberi 14 hari.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak perlu notis. Payah faham sungguhlah. Tak perlu notis. Usul tak percaya ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tak perlu notislah situ. *Guane gitu* Yang Dipertua. *Komang*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan tiap-tiap tahun perkara ni. Berpuluh tahun sekali.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tak kena.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tadi minta saya terangkan. Saya boleh ambil keputusan saya tangguhkan Dewan dulu.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya menyokong usul yang dibawa ADUN Kijal.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya menyokong usul yang dibawa Kijal.....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Kita buat undian.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kita buat undian, bakpe salah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi saya masa untuk menerangkan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Macam mana ni Dato' Yang Dipertua. Kalau Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tak hormat undang-undang. Kita pun tak hormat undang-undang kalau macam ni.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Kita patuh kepada Undang-undang Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ....(Rakaman tidak jelas kerana pertindihan suara) ..... Menteri Besar dipersoal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat-Yang Berhormat minta izin duduk. Boleh bagi masa kepada saya untuk saya bercakap menjelaskan tak.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Perkara yang sama.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Peraturan 33 Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Minta maaf Dato' Yang Dipertua Peraturan 14(6) ni yang dibaca tadi bukan begitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kuala Berang duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): 14(6) yang dibaca tu saya minta Dato' Yang Dipertua baca.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Baca undang-undang mana pula ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya akan baca undang-undang satu persatu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): 14(6) minta Dato' Yang Dipertua baca 14(6) Undang-undang Tubuh Perlembagaan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya akan baca satu persatu untuk menerangkan bahawa kita buat keputusan bukan hentam kromo. Pertama, saya kata tadi dengar saya dulu. Notis mesti diberi kepada Dewan selama 14 hari paling kurang. Itu yang pertama, jelas.

Perkara 33, membenarkan notis diberi dikecualikan, 33. Sebelum kita beri pada yang tertinggi ni kita selesaikan yang dulu Buku Peraturan. Saya minta Yang Berhormat rujuk kepada Perkara 45 sebab di situ secara spesifik pengecualian notis. Saya baca di sini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh saya celah?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Dato' Y.B. Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak merujuk kepada 45 juga.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak merujuk kepada 45 juga.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa biar saya baca. Saya Speaker. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jelas di sini bahawa pemberian notis tidaklah boleh dikecualikan. Jelas. Sama ada...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh dok Yang Dipertua baca apa .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh dok Y.B. Ladang duduk dulu. Biarlah saya *interpret* dulu. Saya memberi definisi kepada perkara ni sebab apa-apa pun definisi Speaker adalah terpakai. ....(Sorakan dari pihak Pembangkang) .... Nanti saya bagi dulu, saya baca dulu saya baca dulu ni. Kalau saya nak baca tak boleh jugak, apa .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Hak tu berkenaan dengan Undang-Undang Dewan. Undang-Undang Tubuh Negeri cerita lain Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Subhanallah. Baca, boleh baca *detail* tak. Kalau nak saya buat kursus kepada semua Yang Berhormat. Daripada mana wujudnya *precedent case* yang menunjukkan ada dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bacalah Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang minta maaf. Kita berbesar hatilah, kita buka hati terbukalah baca betul-betul. "Maka pemberian ....." Kita jangan tengok sini lagi ni, tengok buku merah dulu. Buka. "Maka pemberian notis tidak boleh dikecualikan sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya jika mengenai sesuatu masalah atau cadangan atau berkenaan dengan apa-apa perjalanan yang dikehendakkan notis." Tadi saya kata nak notis 14 hari tu.

Lepas tu Perkara 33 mengecualikan notis. Yang ni mengecualikan notis dengan syarat apa tu? "Melainkan dengan kebenaran yang diberikan oleh Yang Dipertua Dewan."

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Boleh saya jelas, sikit jer.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa, saya minta maaf. Terima kasih banyak Bukit Tunggal. Nanti, nanti dengar Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dengar sikit. Yang Dipertua baca tadi bawah tajuk cara memberi notis, yang ini tak payah notis.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (wakil Bandar): Tak payah notis ni.



YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Tak perlu notis. Cara diberi notis. Kalau perlu notis tu cara dia. Tapi ini tak perlu notis.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak perlu notis.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Saya Bahasa Malaysia pun lulus juga.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini tak perlu notis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu definisi yang dibuat oleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan definisi dah. Peraturan dah dia ....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Jelas ni jelas. Bukan definisi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya, beri saya sikitlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Ladang, terima kasih. Terima kasih, cara ..... Y.B. Ladang terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Speaker membaca tadi tentang cara-cara memberi notis. Depan Yang Dipertua ada juga tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang ya saya baca. Terima kasih Y.B. Ladang saya dah baca dan saya telah buat *ruling*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok bukan soal *ruling* tu, okeylah hak Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dan saya dah terangkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Hak Yang Dipertua hak Yang Dipertualah. Kita *takmboh* ambil hak. Tapi kita nak menjelaskan kepada Dewan ini bahawa yang dibaca tadi ialah dalam seksyen berkenaan cara-cara memberi notis. Sekarang ini tidak perlu kepada notis. Jadi cara itu tidak timbul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perkara 45 jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): 45 merujuk kepada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengecualian notis. Cuba baca betul-betul tafsiran dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya baca, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak saya tak perlukan, saya minta baca dan fahami.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dalam apa-apa perjalanan yang ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Y.B. Ladang, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak ambil bahagian jugalah bukan apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa terima kasihlah Y.B. Ladang. Terima kasih banyak. Saya dah jelaskan tadi satu persatu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jelas tapi kami tak jelas sebenarnya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu mengikut kefahaman....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi nak minta penjelasan lagi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya bimbang benda ni akan jadi *precedent case* di mahkamah terbuka sebab tu saya ingatkan kepada Yang Dipertua kerana satu peristiwa telah dirakam dalam sejarah dan juga dalam Dewan Undangan Negeri pada tahun yang disebutkan tadi. Saya bimbang hari ini ada satu *precedent case* yang dibuat oleh Dato' Yang Dipertua. Itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bimbang kes ini akan keluar sebagai satu kes perundangan di luar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar atas peringatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab saya difahamkan pada tahun 2014 telah berlaku satu insiden yang hampir sama di mana Dato' Yang Dipertua telah menggunakan kedudukan Dato' Yang Dipertua untuk mengimbangkan Dewan pada masa itu kedudukan Dato' Yang Dipertua sebenarnya tidak layak untuk membuat pertimbangan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar atas peringatan terima kasih banyak Y.B. Bandar. Y.B. Bandar boleh duduk dok?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya peringatkan perkara ini kerana .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ....saya peringatkan ini bukan bertujuan untuk berpihak kepada siapa. Tetapi undang-undang mesti kita tegakkan kerana Kerajaan Terengganu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua payah sangat ke bilang undi ni Yang Berhormat Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ..... tidak boleh di *violate* oleh siapa-siapa.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tanya aje lah siapa sokong, dah sekarang ni imej sebagai Menteri Besar sudah tercalar. Ada sokongan ke dok dia sebenar Menteri Besar hok ada dalam Dewan kita ni. Itu saja.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cuma peringatkan Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ...(Mencelah) .... Kami hak sebagai Wakil Rakyat ADUN yang dipilih nak tahu juga adakah MB yang kita sokong ni ada sokongan ke dok. Itu aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Takut apa gok Pembangkang berapa orang aje ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan soal takut, saya menjalankan tugas berdasarkan pada buku. Saya dah buat *ruling* dan saya takkan tarik *ruling* saya. Itu jelas sebab keputusan saya adalah muktamad.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya kata tadi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tidak berpuas hati atau sebagainya boleh rujuk boleh tulis surat buat rayuan. Tak ada masalah. Usul ini tidak mati di sini sahaja. Ia boleh buat rayuan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, ya, betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya akan mempertimbangkan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Maknanya Yang Dipertua telah membuat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar terima kasih. Saya rasa macam ni Y.B. Bandar, sebab keputusan *ruling* telah saya buat dan keputusan Speaker adalah muktamad. Jadi saya nak tangguh Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ...

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua saya cadang supaya kita buat undian .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ....saya tangguhkan Persidangan Dewan hingga hari esok .....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok boleh buat gitu Yang Berhormat Dato' yang Dipertua macam mana boleh tangguh dok selesai ni Yang Berhormat Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... 9hb Mac 2016 pukul 9.00 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua saya minta supaya dibuat undian.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bukan payah pun undi.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bukan payah sangat nak mengundi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pakai lari gitu jer Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Guana ni .... Allah.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Malu Kerajaan ni.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Kita dok dengar apa satu ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, malu.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamu'alaikum warahmatullah.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.16 PETANG.

---

**PERSIDANGAN**

**PADA HARI RABU, 9 MAC 2016**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.,DPMT.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.



WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJK.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail

WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**TIDAK HADIR:**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Osman bin Muda, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

**TIDAK HADIR:**

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu'ala Sayyidina Muhammadin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Rabisy rahli sadri wa yar sirli amri. Wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala. Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat pada pagi yang mulia ini marilah kita sama-sama makhluk Allah yang cantik-cantik, yang molek-molek membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. ....[Surah Al-Fatihah dibaca].....

Sebelum kita meneruskan Tertib atau Pekerjaan-pekerjaan pada pagi ini, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran Pemerhati pada hari ini, 9 Mac 2016 bersamaan 29 Jamadil Awal 1437. Pertamanya, saya mengalukan kehadiran :-

- ♦ SERIKANDI (Isteri-isteri Yang Berhormat)
- ♦ Majlis Tindakan DUN Sura.
- ♦ Persatuan MAYC
- ♦ KEMAS
- ♦ Pemuda UMNO Bahagian Kuala Nerus
- ♦ Pejabat ADUN Bandar
- ♦ Terengganu Strategic Integrity Institute
- ♦ Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu
- ♦ Pejabat ADUN Pengkalan Berangan
- ♦ Pasukan Tentera Terengganu
- ♦ Pejabat ADUN Kawasan Kemasik
- ♦ Pejabat ADUN Kawasan Rhu Rendang
- ♦ Sekretariat PERMATA
- ♦ Pergerakan Puteri UMNO Negeri Terengganu
- ♦ Pejabat ADUN Kawasan Ajil
- ♦ Pejabat ADUN Kawasan Jabi
- ♦ Pejabat ADUN Kawasan Manir
- ♦ Pejabat ADUN Kawasan Kota Putera
- ♦ ATRA
- ♦ Pejabat Majlis Perbandaran Dungun
- ♦ Gabungan Mahasiswa SeMalaysia

- ♦ Dan orang-orang perseorangan.

Alhamdulillah, kita semua telah dapat sempurnakan amanah kita dengan molek dan baik pada 7hb dan 8hb, walaupun semalam agak panas sedikit tapi saya percaya walaupun ada sedikit kehangatan tapi saya percaya semua Ahli Yang Berhormat masih berlapang dada. Jadikanlah kejadian gerhana matahari pada hari ini sebagai peringatan kepada kita semua. Marilah sama-sama kita mengamalkan adinunasihah. Tegur dan nasihatlah dengan bahasa yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana kehidupan kita adalah untuk meraih redha Allah bukan kemurkaan-Nya.

Sebelum pagi ini hingga pukul 10.30 pagi insyaAllah Mesyuarat Dewan ini akan diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Sebagaimana yang saya perkatikan semalam tiga soalan tambahan akan diberikan kepada setiap soalan yang dikemukakan. Dan saya, insyaAllah, akan memberikan peluang terbaik kepada semua Yang Berhormat yang ingin bertanya Soalan-soalan Lisan dengan syarat Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri dipatuhi. Dan selepas itu kita akan berhenti rehat pada pukul 10.30 hingga 11.00 pagi. Kita akan sambung balik dengan membahaskan ataupun penggulungan ke atas Usul Menjunjung Kasih.

Seperti biasa, saya mengingatkan semua ahli mesyuarat, Ahli-ahli Dewan yang saya muliakan supaya mematuhi peraturan-peraturan menyoal seperti aturan 26, aturan 46. Kalau kita mahukan yang terbaik, buatlah yang terbaik. Niat terbaik, fikir yang baik-baik, kita buat yang baik-baik, insyaAllah kita akan jadi orang yang baik. Sekali lagi saya nak ingatkan, marilah kita cari redha Allah, itulah yang paling haknya.

Sayugia juga saya ingatkan bahawa Dewan tidak membenarkan rakaman tidak rasmi sebab kita dah ada rakaman rasmi yang boleh kita akses *online* dan sebagainya. Mohon patuhi peraturan berpakaian sekali lagi dan harap letakkan telefon dalam mode senyap agar tidak mengganggu perjalanan Dewan pada hari ini. Terima kasih.

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 9 Mac 2016:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
3. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor  
(Wakil Langkap)
4. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa  
(Wakil Kota Putera)
5. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
6. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman  
(Wakil Batu Rakit)
7. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
8. Y.B. Mohd Iskandar bin Jaafar  
(Wakil Jabi)
9. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
10. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
11. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)
12. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
13. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat

(Wakil Cukai)

14. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
15. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)
16. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
17. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya, soalan nombor dua –

*Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membuka peluang pekerjaan khususnya kepada golongan muda Terengganu dan berapakah jumlah penganggur yang berdaftar setakat ini di seluruh Negeri Terengganu?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila Telemong.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para Pemerhati yang saya kasihi sekalian.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Batu Burok, Kerajaan Negeri mengambil beberapa langkah untuk membuka peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada golongan muda di Negeri Terengganu melalui program-program dan juga aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sendiri dan juga hasil kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu di

sepanjang tahun 2015 baru-baru ini. Antara program-program yang kita laksanakan adalah penempatan melalui Portal Job Malaysia dan kita juga mengadakan Karnival Pekerjaan dan juga kita mengadakan Temu Duga Terbuka melalui agensi Kerajaan dan program-program kerjasama dengan agensi-agensi lain.

Selain daripada itu juga, kita juga mengadakan Program Penempatan Golongan Khas iaitu OKU, pesara, ibu tunggal dan bekas-bekas banduan, bekas penagih dan sebagainya di tempat-tempat pekerjaan.

Selain daripada itu juga, Program Azam Kerja melalui e-Kasih juga telah dilaksanakan dengan memberi beberapa peruntukan dan juga beberapa bantuan untuk mereka bergerak sendiri terutamanya dalam bidang pertanian dan juga dalam bidang perniagaan kecil-kecilan yang membolehkan mereka yang tergolong dalam e-Kasih ini terkeluar daripada golongan ini terutamanya kepada anak-anak mereka yang masih muda.

Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri juga mengadakan Ceramah Kerjaya dan juga mengadakan Program Usahawan Graduan Negeri Terengganu (PUGT) pada tahun 2015 yang lepas.

Berhubung dengan pertanyaan jumlah penganggur yang berdaftar di Negeri Terengganu, setakat 2014, data yang *complete* yang ada pada saya iaitu sebanyak 18,200 orang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan pertama. Sila Y.B. Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan jumlah penganggur yang ada di Terengganu ini adalah suatu jumlah yang agak tinggi dan akhir-akhir ini kita berhadapan dengan di kalangan mereka-mereka yang *graduate*, mereka-mereka yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang tidak mendapat sebarang pekerjaan dan sudah sampai kepada tahap ada dari kalangan *graduate-graduate student* yang bekerja di KFC, yang bekerja di stesen *pump-pump* minyak dan sebagainya. Soalan saya adalah berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi



menampung ataupun bagi menyelesaikan permasalahan anak-anak muda yang menganggur ini khususnya mereka-mereka yang mempunyai kepakaran dan kelulusan yang tinggi bagi anak-anak Negeri Terengganu?

Dan yang keduanya, bagaimana langkah-langkah yang disebutkan tadi boleh dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam suasana kita berhadapan dengan masalah pengurangan bajet Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Batu Burok. Sila Y.B. Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang disedari hakikat bahawa untuk mengisi kekosongan peluang pekerjaan dalam jabatan-jabatan kerajaan yang agak terhad sekarang ini. Oleh sebab itu, sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa program dan juga cuba membantu golongan-golongan ini untuk menempatkan mereka dalam pengkhususan yang sesuai dengan mereka. Sebab itu kita mengadakan program-program kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu itu sendiri yang sebagaimana tercatat pada tahun 2014 kita ada 18,200 orang penganggur yang berdaftar. Dan untuk makluman Dewan bahawa pada Januari hingga Disember 2015, melalui program-program yang telah kita laksanakan dan juga telah kita adakan tadi dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu bahawa kita telah berjaya menempatkan lebih kurang 15,039 orang di sektor swasta dan juga dipelbagai sektor di Negeri Terengganu dan juga di luar Negeri Terengganu. Ini adalah melalui program-program yang telah kita adakan sebagaimana yang saya beritahu tadi iaitu Temu Duga Terbuka, penempatan melalui Portal Job Malaysia dan sebagainya. Dan memang Kerajaan Negeri menyedari hakikat bahawa dalam menghadapi krisis ekonomi yang sebagaimana dimaklumkan dan semua kita sedia maklum sebab itu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah merancang melalui Sekretariat TTB bahawa kita akan mendaftar golongan-golongan muda yang diberhentikan kerja melalui agensi-agensi dan juga syarikat-syarikat yang berkenaan dan kita akan membuat pemantauan dan juga memberi khidmat nasihat kepada mereka ini untuk mendapat dan juga membuka ruang-ruang pekerjaan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, soalan tambahan kedua. Batu Burok, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya yang kedua. Semua pihak menyedari akan permasalahan yang sedang dihadapi oleh kita di Negeri Terengganu ini terutamanya bebanan yang terpaksa ditanggung oleh anak-anak muda dan sekarang ini juga golongan muda yang hilang pekerjaan mereka terutamanya di bidang *oil and gas*, dengan izin dengan bilangan yang begitu ramai. Cuma saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri kalau boleh Yang Berhormat Exco memberikan pandangan tentang bidang yang disukai oleh anak-anak muda contohnya Yang Berhormat juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti sukan dan anak-anak muda ini cukup minat dalam aktiviti sukan. Boleh tak di dalam Dewan yang mulia ini kita membuat suatu ketetapan di bawah jawatan Yang Berhormat Exco di mana sebagai contohnya untuk kita membantu anak-anak muda Terengganu, kita membubarkan terus Pasukan Bola Sepak T-Team Terengganu dan peruntukan yang diberikan kepada Pasukan T-Team Terengganu itu kita salurkan kepada anak-anak muda yang tidak mempunyai pekerjaan dan kita majukan sukan kepada anak-anak muda yang berminat dalam sukan bagi Negeri Terengganu kerana perbelanjaan untuk Pasukan T-Team Negeri Terengganu ini bagi saya adalah suatu pembaziran yang besar yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Boleh tak saya dapat suatu jawapan yang jelas daripada Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Cadangan Yang Berhormat kita boleh pertimbang tapi kalau nak buat ketetapan di Dewan ini bukan saya yang buat ketetapan itu. Maknanya kena mintak *consent* daripada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertualah. Walau bagaimanapun, saya nak menjawab soalan Yang Berhormat Batu Burok. Sebenarnya, pengwujudan pelbagai sukan yang bertaraf tinggi di Negeri Terengganu yang lebih daripada negeri-negeri lain, contohnya sukan berbasikal – TSG dan bola, kita ada T-Team dan juga Terengganu FA. Begitu juga sukan berkuda, begitu juga sukan hoki yang ke peringkat profesional. Itu semua sebenarnya adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak-

anak Terengganu yang salah satu daripada puncanya bukan sahaja kepada pemain-pemain. Ianya juga boleh melatih kepada mereka untuk menjadi pemain-pemain yang profesional yang bukan sahaja boleh bermain dalam Terengganu tetapi juga di luar Terengganu. Untuk cadangan Yang Berhormat Batu Burok, cadangan supaya untuk menutup terus T-Team saya rasa ini adalah satu langkah yang kebelakang. Sebab apa saya berkata sedemikian? Kerana pewujudan T-Team ini adalah sebenarnya untuk menjadi hanya *feeder* kepada pasukan negeri, pasukan utama. Dan kita pun kalau boleh saya buat umpamanya Dato' Yang Dipertua, kalau kita nak buah yang comel, kita kena jaga daripada bunga lagi baru boleh dapat buah yang comel. Maksudnya, dari peringkat bunga tu kita dah jaga dah, kita dah bela dah, kita dah bubuh racun, kita dah bubuh baja dah. Maksud saya racun serangga bukan racun hak nak suruh mampus supaya buah atau hasil yang kita dapat akan jadi comel. Cuma masalah kita sekarang ini, kita tahu dan kita sedar Yang Berhormat Batu Burok bahawa kita ada masalah dari segi kekangan kewangan. Jadi kekangan kewangan ini memerlukan suatu pengurusan daripada kita sendiri yang boleh menstrukturkan balik supaya kos tersebut tidak menjadi bebanan kepada kerajaan dan inilah langkah-langkah yang telah kita ambil. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuat beberapa langkah untuk mengurangkan beban ini. Sebagaimana Yang Berhormat tahu bahawa kita telah melancarkan Tabung Sukan Negeri Terengganu yang mana semalam pun Yang Amat Berhormat kata dapat RM22.25 juta, ini sebenarnya nak mengurangkan beban Kerajaan Negeri. Selain daripada itu juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini pewujudan team-team di seluruh negara pun sebenarnya team-team dalam negeri lain pun sudah ada team yang kedua. Dan sebenarnya kita ni dah ke depan dah, terlajak ke depan dah, orang lain baru nak *start*, Pahang ada, Selangor ada, Penang pun ada Melaka yang baru buat team pun ada team kedua. Cuma sebagaimana yang saya beritahu team kita ini kosnya agak tinggi walau bagaimanapun, saya akan cuba dan bersetuju dengan kata Yang Berhormat, kita akan cuba strukturkan balik tapi untuk nak strukturkan bola sepak ini kena ambil masa yang panjang sikit, setahun kena ambil sebab tahun lepas kita *sign* dah *agreement*. Kalau nak buat pembedulan kena buat tahun depan. InsyaAllah, kita akan cuba Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Telemong. Soalan tambahan seterusnya saya bagi pada Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Baru sekejap tadi Yang Berhormat menyebut bahawa jumlah pengangguran di Negeri Terengganu sekitar 18,000. Saya nak rujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh EPU yang terbaru menyatakan Kadar Pengangguran Di Negeri Terengganu adalah 2.7% jadi perbezaan itu agak besar jugaklah dari segi peratusan. Kalau 18,000 bermakna di sekitar 1% sahaja dan yang EPU keluarkan ialah 2.7% bermakna hampir sekali ganda kalau mengambil kira tu dalam 36,000. Tapi tak apa itu Yang Berhormat boleh sahkan. Soalan saya ialah semasa cadangan Kerajaan Pusat untuk membawa masuk tenaga kerja Bangladesh dan Terengganu menjadi salah satu negeri yang ada *allocation* dengan izin, untuk membawa masuk tenaga kerja ini. Adakah Yang Berhormat dan Kerajaan Negeri mempertimbangkan dan mengambil kira jumlah pengangguran yang agak dua angka yang berbeza ini untuk diisi oleh tenaga kerja Bangladesh ini ataupun vakum itu telah diikhtiar tak boleh diisi dah walaupun keputusan telah dibatalkan atau ditangguh tetapi ini mencerminkan cara kita merangka dan menyampaikan maklumat kepada Pusat. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat perjelaskan adakah maklumat itu telah disampaikan kepada peringkat Pusat dan saya ragu sebab apa? Sebab angka ini berbeza jauh sangat antara 18,000 dan mungkin ke 30,000 kadar pengangguran di Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan angka ni kalau kita nak *balloh* dok selesai, macam kes cerita kelmarinlah takkan selesai *nok balloh* sebab bawa kepala masing-masing. Dan saya pun mengikut kepada data yang diberi oleh Jabatan Perangkaan, Yang Berhormat mengikut Jabatan EPU Peringkat Malaysia, saya ikut data yang diberikan kepada saya iaitu bagi tahun 2014 dan saya telah maklum bahawa pada tahun 2015, daripada 18,000 itu mungkin jugak yang berdaftar dan mungkin ada yang tidak berdaftar. Dan juga yang telah berdaftar ini kita telah berjaya menempatkan 15,000 pada tahun 2015, peluang pekerjaan di sektor swasta dan sebagainya di Negeri Terengganu ini melalui program-program yang kita buat tadi. Itu data yang kita ada. Lepas itu berkaitan dengan Yang Berhormat kata Bangla apa ni, saya pun tak boleh nak jawab bab-bab Bangla ni. Sebenarnya, sebelum pada ini pun mereka ini masuk dah dalam negara kita, lama dah pun mereka masuk ke negara kita ini. Tapi baru-baru ini, itu keputusan kerajaan, mungkin tempat-tempat yang lompong yang dikira di sektor-sektor yang

perlulah, kalau sektor yang tak perlu takkanlah kita nak suruh jadi D.O. Bangla jugak, tak betullah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Di Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah maksud saya, mungkin ada lompang-lompang yang dilihat yang akan boleh jadi tidak *gerrok* ekonomi. Contohnya, orang-orang muda kita *ngait buah* kelapa sawit, dia orang takmbah *ngait buah* kelapa sawit jadi ekonomi tidak boleh nak *gerrok*. Jadi itu kemungkinan-kemungkinan yang dilihat oleh pihak kerajaan. Jadi kepada Yang Berhormat Bandar, berkaitan dengan masalah pengangguran ini adalah suatu masalah yang sangat kita rasa kita akan beri perhatian.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, celah sikit Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Telemong, Paka ingin mencelah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nantilah biar perhabis dulu, tengah bercakap *bubeh-bubeh* nak celah dah, kelmarin dok celah-celah pun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sabar dulu *deh* Yang Berhormat, *takdok* masalah, saya beri *kekgi*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Paka. Innallaha ma'assobirin, Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Untuk pengetahuan, Kerajaan Negeri Terengganu amat mengambil berat kepada golongan-golongan muda ini terutamanya yang menganggur di seluruh negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya bagi Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, baru-baru ini kita dapati bahawa Sarawak dan juga Sabah mengumumkan secara jelaslah bahawa dua negeri ini tidak bersedia untuk mengambil pekerja asing daripada Bangladesh. Jadi adakah sikap Negeri Terengganu pun macam tu berdasarkan peluang-peluang pekerjaan yang rasanya semakin hari semakin berkurangan dan juga pengangguran yang masih lagi tinggi di negeri kita ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Paka, memanglah kalau kita Kerajaan Negeri pun mengambil langkah yang samalah daripada dulu lagi dah kita tetap, orang lain dok tetap lagi, negeri kita tetap dah dulu, mana-mana kerja dari pihak Kerajaan Negeri Terengganu 30% sahaja pekerja asing dan 70% mesti anak Terengganu yang diambil. Itu dasar kita tapi ada juga orang tak ikut, itulah masalah kita ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Telemong. Terima kasih Y.B. Batu Burok, Y.B. Bandar dan Y.B. Paka yang telah mengemukakan soalan. Kita terus kepada .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, nak minta celah se lagi hak belia tadi, boleh ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, banyak dah. Terima kasih Jabi. Sila Y.B. Batu Rakit untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Soalan Y.B. Batu Rakit, saya telah menjawabnya sekali gus kelmarin (8 Mac 2016). Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf. Y.B. Jabi, silakan.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang

Berhormat dan Sidang Dewan yang dirahmati Allah sekalian, soalan saya nombor satu -

*Berapa ramaikah jumlah Guru KAFA di seluruh Negeri Terengganu pada masa ini dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membiayai Guru KAFA bagi tahun 2016?*

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Y.B. Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Jabi ingin tahu berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk anugerah bantuan dalam semua kategori. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu telah memperuntukkan sejumlah RM29,854,665 ke atas anugerah yang diberi di peringkat rendah, menengah dan pra-universiti juga peringkat universiti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Sila, soalan tambahan pertama. Jabi, silakan.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya kira ada sedikit keliru berkenaan dengan soalan dan jawapan itu tadi. Kalau semalam Kota Putera kata, *canggih Pok Teh-Mok Teh ni*, bercanggah Pok Teh dengan Mok Teh. Soalan asal saya kalau mengikut apa yang dicatat di sini ialah: Berapa ramaikah jumlah Guru KAFA di seluruh Negeri Terengganu pada masa ini dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membiayai Guru KAFA bagi tahun 2016? Saya tidak pasti Yang Berhormat Exco merujuk kepada kenyataan yang mana satu. Jadi soalan tambahan saya pun berkait dengan soalan induk jugaklah.

Duduk dululah Dato' Yang Dipertua dok, sementara, ke tanya selalu soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Muka surat 25-1-1.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, terima kasih. Soalan banyak ni atas Iskandar sahaja. Okey, terima kasih. Berapa ramaikah jumlah Guru KAFA di seluruh Negeri Terengganu pada masa ini dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membiayai Guru KAFA bagi tahun 2016? Jadi soalan Iskandar ada dua di sini, kalau soalan awalnya ialah yang ini. Tapi tak apalah, saya jawab.

Untuk makluman Sidang Dewan sekalian, Guru KAFA Negeri Terengganu adalah seramai 3,068 orang sebagaimana data pada bulan Februari 2016. Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membiayai elaun Guru KAFA ialah sebanyak RM17,356,800 iaitu sumbangan daripada JAKIM kepada Yayasan Islam Terengganu yang mana kita perlukan lebih kurang RM2.6 juta untuk pembayaran elaun Guru KAFA setiap bulan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan, kedua. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Guru-guru KAFA ini sepanjang yang kita dimaklumkan tugas mereka tiga kalilah seminggu dan sebelah petang sahaja. Jadi di situ wujud satu keadaan di mana pekerjaan atau jawatan sebagai Guru KAFA ini dilihat sebagai satu profesion separuh masa sahaja. Dan kita dapati ramai juga Guru-guru KAFA ini yang buat kerja lain selain daripada mengajar ini. Contohnya, pagi mungkin dia ada kedai runcit ke atau pada masa yang sama dia mengambil upah jahit baju ke kerana ramai di kalangan Guru KAFA ini adalah wanita.

Soalan saya Dato' Yang Dipertua, adakah tumpuan separuh masa ini ataupun dengan jumlah jam yang mereka ditugaskan ini mampu untuk kita nak menyempurnakan pendidikan dari segi Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA), pendidikan keagamaan kepada anak-anak kita kerana kita nampak di sini, ini adalah satu dan ini mungkin berkait dengan dasar Kerajaanlah. Pendidikan Agama dan Fardhu Ain ini adalah kepentingan yang tak kurang mustahaknya jugak



daripada pendidikan yang berbentuk akademik yang dipelajari di sebelah pagi itu. Jadi kalau tumpuan masa diberikan hanya sejumlah itu apakah ini selari dengan apa yang kita nak wujudkan kepada pelajar-pelajar itu kerana apabila mereka buat kerja ini separuh masa, apakah tumpuan ini akan boleh diberikan sama sebagaimana guru-guru di peringkat akademik yang biasa? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Jabi. Kita menyedari bahawa program ataupun Kelas KAFA yang diadakan di sebelah petang di sekolah-sekolah rendah adalah merupakan tambahan kepada pendidikan yang telahpun kita laksanakan pada waktu pagi. Pendidikan Agama Islam telahpun ada tetapi Guru KAFA yang sebelah petang memberi satu *extra* pengajaran sebagaimana kurikulum yang dirangka oleh pihak JAKIM. Dan mereka ini diajar berdasarkan sukatan yang diberi terutama dalam bidang pengajian agamalah. Namun begitu, saya akui sebagaimana yang dinyatakan oleh Jabi apabila kita mengambil guru yang tidak kekal, yang tidak mempunyai latihan yang cukup akan memberi impak yang tak maksima dari segi pengajaran yang diberi, yang ini saya akui. Dan kita pun memang menghadapi masalah sebenarnya kerana guru-guru ini terdiri daripada guru-guru yang tidak terlatih dan mereka mengadakan pengajaran mereka di sebelah petang dan pagi mereka mengadakan kerja-kerja yang lain. Namun begitu, asas mereka untuk menjadi Guru KAFA itu telah diberi syaratnya dan ditemu duga bagi yang berupaya atau berkelayakan diambil. Dan menyedari hakikat ini, pihak Yayasan Terengganu mengadakan latihan untuk mereka di IPG dan juga di universiti-universiti terutama di UMT yang menganjurkan kursus untuk membolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang berkesan. Namun begitu, saya akui untuk mencapai tahap yang optima memang tidak tercapai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya ada beberapa kali membuat perjumpaan secara langsunglah dengan rakan-rakan Guru KAFA ini. Dan difahamkan di setiap sekolah itu dia ada seorang Guru KAFA yang dilantik mewakili Guru Kementerian, maknanya pagi dia mengajar di sekolah dan petang dia jugak Guru KAFAlah. Mereka inilah yang menjadi wakil di antara Guru KAFA dengan pihak jabatan. Dari segi apa yang disebut tadi sebanyak RM2.6 juta sebulan yang diperlukan untuk nak

bayar elaun Guru KAFA tadi adakah ini sudah termasuk perbelanjaan yang diperuntukkan untuk Pentadbiran Pengurusan Pembelajaran (PMP) tadi, pengajaran dan pembelajaran oleh Guru KAFA kepada kelas dia. Kerana apa? Isu yang saya terima daripada Guru-guru KAFA ini, antara contohnya, kadang-kadang nak beli Kertas A4 pun takdok, jadi terpaksa Guru-guru KAFA yang elaunnya yang tidak seberapa ringgit ini kena belanja duit dia sendiri. Kekadang tu dia perlukan kepada aktiviti-aktiviti yang di luar daripada kawasan sekolah. Jadi adakah bentuk-bentuk perbelanjaan untuk melancarkan PMP itu, Pengajaran Dan Pembelajaran KAFA tadi diberikan khas kepada mereka dan juga apakah bentuk-bentuk latihan yang pada masa ini sedang dirangka oleh pihak Kerajaan untuk pembangunan kerjaya Guru KAFA itu tadi. Kerana apa? Kerana kalau kita dapat mewujudkan satu bentuk jawatan yang lebih kondusif, yang lebih meyakinkan kepada bakal-bakal Guru KAFA pada masa hadapan ini suatu kerjaya yang menarik sebenarnya. Tetapi ramai yang kita dapati menjadikan jawatan Guru KAFA ini sebagai dia punya '*stepping stone*' dengan izin, sementara dapat kerja lain. Jadi dengan sebab itulah kesungguhan mungkin kita dapati sesetengah daripada mereka itu boleh dipersoalkanlah, tetapi tidak semua yang begitu tetapi ramai juga yang komited.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. panjang sangat dah soalan tu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sebab soalan ni kalau tak panjang, tak jelas soalan tu Dato' Yang Dipertua. Bila soalan panjang, jawapan akan jadi jelas. Itu ajelah soalnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Y.B. Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, terima kasih. Pertama, kita sedia maklum bahawa waktu mengajar dalam masa tiga hari dalam seminggu sebelah petang dan jumlah masanya 6 jam seminggu. Jika kita beri perjawatan kekal kepada mereka dengan gaji minima *graduate*, diploma dan sebagainya maka satu yang agak tidak menasabah. Mereka hanya bertugas tiga hari di sebelah petang, 2 jam dikali 3 jadi 6 jam. Saya memang setuju kalau kita boleh lantik dia sebagai guru kekal tetapi tidaklah boleh dengan hanya 2 jam sahaja tadi selama 3 hari, 6 jam. Mungkin pihak JAKIM atau pihak Yayasan Islam boleh fikirkan bagaimana kalau betul nak dilaksana. Tetapi setakat hari ini tidak ada satu lagi satu kertas cadangan daripada pihak JAKIM dan sebagainya untuk menjadikan

Guru Kafa ini satu perjawatan tetap dan berpencen kerana ia hanya merupakan macam *extra class* sahaja. Jadi mereka yang hendak berkhidmat itu mesti faham mereka adalah guru *extra*, guru tambahan dengan bayaran gaji RM800 dan kita di Negeri Terengganu baru-baru ini memberi bonus RM500 kepada mereka sebagai insentif hakiki mereka. Dari segi kursus, kita menyedari bahawa tenaga pengajar ini perlu ada Pedagogi supaya mereka tahu metodologi bagaimana ingin memulakan pengajaran, bagaimana nak tarik minat murid supaya memberi fokus kepada pengajaran terutama semasa guru mengajar. Kegagalan guru yang saya mendapat report yang banyak adalah dari segi kawalan kelas. Mereka tidak ada *skill* bagaimana nak kawal kelas, murid terutama waktu petang. Di waktu petang muridnya dari segi fokus sudah hilang dan tak sama semasa waktu pagi. Oleh itu, dia memerlukan satu guru yang betul-betul ada tarikan yang kuat supaya murid boleh dengar ternganga mulut macam Y.B. Jabi bercakap maknanya ramai orang memberi fokus, itu adalah tarikan, kita panggil *talent*. Oleh sebab itu, tak semua guru-guru yang dilantik ini ada *talent* semula jadi, tak ada *talent* semula jadi. Oleh sebab itu, kita kena ada latihan. Antara pusat latihan yang kita hantar guru-guru ini adalah Universiti Malaysia Terengganu. Tahun lepas kita hantar dua sesi, satunya 300 – 300 tapi kita 3,000, jadi banyak program yang kita kena buat. Dan alhamdulillah, UMT menawarkan latihan percuma tapi tak cukup sebab latihan itu agak pendek, dua-tiga-empat hari. Sepatutnya nak jadi seorang guru ini tiga tahun dilatih dengan Pedagoginya, psikologinya, dan banyak lagi. Dan banyak kajian-kajian diberi, kerja lapangan, mikro teaching dan sebagainya maka tidak mampulah kita nak buat kepada Guru Kafa tersebut. Walau bagaimanapun, kita buat latihan secara latihan dalaman kepada guru-guru yang ada kebolehan. Jadi oleh kerana dia sebagai *temporary*, sementara, ada sesetengahnya apabila mendapat pekerjaan lain dia akan pergi meninggalkan kerjaya Guru Kafa dan kita ganti yang baru dan yang baru itu mungkin tidak sama dengan yang telah pergi. Tapi itulah kebolehan ada benda yang kita ada, yang mampu untuk kita laksana setakat ini. Dan saya rasakan usaha itu akan berterusan untuk kita menambahbaik prestasi Guru Kafa ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, ini bukan soalan tambahan, nak ulang balik hak tadi, ada sedikit lagi tak terjawab iaitu dari segi ada perbelanjaan pengurusan kepada pentadbiran?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, kita ada peruntukan perbelanjaan tambahan untuk pembelian kapur untuk papan hitam, *marker* untuk *white board* dan juga kertas. Tapi peruntukan kita sangat kecil, sangat sedikit dan saya akui kalau diagih-agihkan sampai 3,000 orang ni, saya rasa paling-paling tinggipun satu sekolah tu boleh dapat RM200 sahaja untuk beli, ia memang tidak cukup. Keperluan ni mungkin RM2,000 baru cukup tapi yang itu mungkin kita akan pertimbang tengok apakah bantuan peralatan, alat bantu yang boleh kita beri kepada Guru KAFA ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Ajil. Seterusnya, saya mempersilakan Kuala Besut untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan Yang Berhormat Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati serta hadirin-hadirat Dewan yang dimuliakan sekalian. Soalan saya soalan nombor satu -

*Selaras dengan Prinsip Ketiga TTB, Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera, apakah peranan Kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup dalam kalangan rakyat Negeri Terengganu?*

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, seterusnya hadirin-hadirat yang dimuliakan.

Soalan daripada Kuala Besut adalah berkait dengan Prinsip Ketiga TTB – Keluarga Bahagian Rakyat Sejahtera. Peranan Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup berkeluarga dalam kalangan rakyat Terengganu. Selain daripada program-program yang dibuat oleh pihak Jabatan Federal yang berada di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga telah merangka program

khas berkait dengan menjayakan Prinsip Ketiga TTB ini. Di mana ada empat teras yang dibuat melalui Yayasan Pembangunan Keluarga:-

- Program Teras 1** - Meningkatkan Kualiti Hidup Berkeluarga:-
  - Program Majlis Resepsi Walimah Perdana.
  - Program Cakna Keluarga Tunggal
  - Program Pasca Perkahwinan.
  - Program Cakna Keluarga Emas.
  - Program Taska PERMATA Keluarga.
  - Saguhati Anak Kelahiran Terengganu.
  
- Program Teras 2** - Mengurus Kemiskinan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Keluarga:-
  - Program Jaya Diri – adalah merupakan program yang mendapat sambutan yang hebat di seluruh Negeri Terengganu kerana ianya berbentuk untuk meningkatkan ekonomi keluarga yang kita utamakan kepada golongan miskin iaitu terdiri daripada wanita dan ibu tunggal.
  - Kelas Jahitan Komuniti.
  - Program Home Manager.
  
- Program Teras 3** - Meningkatkan Kesedaran Kesan Gejala Sosial Kepada Generasi Baru:-  
Program Saya Anak Terengganu, dan sebagainya.
  
- Program Teras 4** - Membangunkan Masyarakat Secara Menyeluruh:-  
Program Cakna Keluarga.  
Program Cakna Komuniti dan lain-lain.

Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih. Soalan tambahan pertama, silakan Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco di atas penerangan. Banyak program yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan cuma saya tertarik kepada Program Jaya Diri yang disebutkan oleh Yang Berhormat Exco tadi. Boleh tak Yang Berhormat Exco terangkan kepada kita, kepada Sidang Dewan yang mulia ini dengan lebih terperinci sikit tentang Program Jaya Diri tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Program Jaya Diri ini, pendekatan yang kita ambil dalam tiga bentuk iaitu yang pertamanya; memberi motivasi kepada peserta-peserta yang berminat. Yang keduanya, kita membuat program berbentuk latihan. Dan yang paling digemari ialah pinjaman, kita menyediakan pinjaman yang cukup besar kepada golongan kategori RM3,000 kebawah tapi kita beri keutamaan kepada golongan wanita dan ibu tunggal. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih. Soalan tambahan kedua sekiranya ada. Sila Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada masa kini yang kita penuh yakin dan percaya bahawa pihak Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sentiasa peka dan prihatin. Jadi ini pun selaras dengan Prinsip Ketiga TTB iaitu 'Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera'. Jadi boleh tak pihak Kerajaan menceritakan *detail* lagi ataupun terperinci lagi tentang Program Jaya Diri *satni* yang saya dengar tadi ada pinjaman kerana saya percaya bahawa masyarakat nak tahu secara *detail* lagi tentang Pinjaman Jaya Diri ini kerana dengan keadaan ekonomi yang mencabar pada masa kini. Boleh tak cerita secara *detail* lagi tentang jumlah had pinjaman dia, lepas tu jumlah pemohon yang telah memohon juga peserta-peserta yang telah berjaya, peserta-peserta yang telah mendapat manfaat dan berapa ramai. Dan kita juga nak mengetahui jugalah berapakah peruntukan yang telah digunakan untuk program yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Exco tadi? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Alhamdulillah, walaupun kita ada masalah berkait dengan sumber pendapatan negeri berkurang tetapi saya dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bahawa program ini masih lagi diteruskan melalui Yayasan Pembangunan Keluarga yang mana had pinjaman adalah maksimum RM20,000 ianya tertakluk kepada bentuk perniagaan, jumlah dipohon dan penilaian dibuat oleh jawatankuasa. Ianya menggunakan satu tabung yang mana tabung ini kita *rolling*, kita buat pusingan bergantung kepada jumlah pembayaran yang kita terimalah dari masa ke semasa. Setakat ini kita telah dapat memberi pinjaman bermula pada tahun 1999 kepada seramai 17,156 peminjam yang bernilai sebanyak RM56,000,069. Pada tahun lepas kita telah berjaya untuk memberi pinjaman kepada 631 orang. Okey, saya rasa dah terjawab soalan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya rasa panjang dah untuk ini, saya nak pergi kepada Soalan Lisan seterusnya. Terima kasih kepada Kuala Besut. Terima kasih kepada Jertih. Saya mempersilakan Bandar untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Soalan saya nombor dua -

*Bilakah perkhidmatan bas RAPID akan dijalankan di bandar-bandar Terengganu dan apakah masalah yang bakal dihadapi?*

YANG BERHORMAT IR.ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil media, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Jadi Wakil Bandar ada bertanyakan: Bilakah Perkhidmatan Bas RAPID akan dijalankan di bandar-bandar Terengganu dan apakah masalah yang bakal dihadapi?

Untuk maklumat dan jawapan kepada soalan itu tadi kita kena *clarify* sikit. Perkhidmatan Bas RAPID ini adalah di bawah pengurusan Prasarana Malaysia Berhad. Tetapi di Terengganu semasa Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan pelaksanaan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (SBST) iaitu Perkhidmatan MyBas yang diperkenalkan di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Antara masalah yang bakal dihadapi ialah dari segi kekangan kewangan di antara operator-operator bas tempatan yang sedia ada terutamanya dalam menyediakan bas yang baru mengikut standard yang telah ditetapkan oleh SPAD. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan pertama, Bandar silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya nak tahu sama ada Yang Berhormat Exco sedar atau tidak tentang Perkhidmatan Bas RAPID ini adalah hasil daripada penstrukturan semula subsidi minyak, petrol yang telah berjalan lebih daripada lima tahun. Bandar-bandar besar di dalam negara kita telah menerima perkhidmatan bas ini kerana bukan permintaan mereka tetapi kerana diberi atas sebab penstrukturan semula subsidi. Dia tarik subsidi daripada rakyat jadi dia beri perkhidmatan. Jadi RAPID ini adalah perkhidmatan secara percuma kepada orang ramai atas sebab kita tarik balik subsidi minyak itu. Jadi saya hairan kenapa Terengganu ini tak menerima perkara itu sedangkan saya rujuk kepada pihak RAPID, mereka telah berkali-kali menawarkan perkhidmatan sama juga statusnya di bandar kecil boleh dikatakan seperti di Kuantan dan juga di Melaka telah ada RAPID sejak dua tahun walaupun kebelakang sikit. Tapi di Terengganu sebab itulah soalan saya kata ni apakah masalah dia yang menjadikan RAPID ini tidak diterima di Terengganu? Kalau Yang Berhormat Exco kata dah ada cadangan lain dibuat di bawah SPAD iaitu Perkhidmatan Bas Henti-henti, tadi Yang Berhormat Exco kata tak cukup modal bermakna kita kena keluarkan modal. Jadi saya rasa kekeliruan ini Yang Berhormat terangkanlah sebab orang ramai pun mintak perkhidmatan bas di Terengganu, RAPID ke, apa ke, tak kiralah sebab kita menghadapi masalah besar pasal perkhidmatan pengangkutan awam Terengganu



boleh dikatakan lumpuh, Casligas hanya tinggal satu sahaja kan bas? Mintak penjelasan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR.ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR.ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi dari segi pelaksanaannya apa yang dijelaskan tadi adalah lebih kurang sama antara RAPID dan juga Mybas. Cuma sekarang ini pihak UPEN dan juga dengan SPAD telah beberapa pusingan mengadakan mesyuarat macam mana cara untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam khususnya di Kuala Terengganu dan di Negeri Terengganu secara keseluruhannya. Dalam perbincangan itu kita mengambil kira pandangan daripada pengusaha-pengusaha bas tempatan, kita juga ada buat kajian tentang laluan-laluan dan keperluan-keperluan yang perlu kita sediakan. Jadi masalah orang kata tarik subsidi rakyat dan juga kena serah balik kepada rakyat dan juga permintaan daripada Kerajaan Negeri supaya RAPID tak ada sebenarnya benda itu adalah lebih kurang sama. Itu yang saya difahamkan. Jadi isu menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam kepada rakyat Terengganu adalah menjadi satu agenda besar Kerajaan Negeri. Itu yang saya boleh jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan soalan tambahan, soalan ulangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan ulangan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Soalan ulang. Sebab begini, isu pokok dia, Terengganu tak ada perkhidmatan pengangkutan awam yang munasabahlah, kita ada Casligas sahaja, mungkin maksud Yang Berhormat Exco yang operator bas tu yang pergi ke luar bandar barangkali, perkhidmatan bas persendirian. Tak tahulah stesyennya di mana. Tapi yang saya maksudkan ialah perkhidmatan bas efisien seperti yang ada di bandar-bandar lain. Kita ni bandar

raya, Kuala Terengganu ni dah bandar raya, status kita. Jadi apabila perkhidmatan bas awam ini lumpuh, saya sebut tadi pasal Casligas ada satu atau dua sahaja. Saya cadangnya, soalan tambahan saya, saya nak tanya atau nak cadangkan supaya Casligas ini kita *reconcile* bersama dengan RAPID, kita boleh buat permintaan begitu dengan pihak RAPID supaya Casligas ini dimasukkan dalam operasi RAPID tetapi sama ada mengambil kira bentuk dia dikekalkan dan sebagainya itu cerita lain. Tapi sekarang ini Yang Berhormat Exco beritahu masalah kitanya ialah nak berunding dengan operator sedia ada di Negeri Terengganu untuk perkhidmatan bas awam. Saya rasa perkara ini tak wujud sebab bas awam pun tak ada.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, cukup dah Bandar, jelas dah, panjang dah tu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi soalan saya, kenapa Kerajaan Terengganu tak nak terima RAPID ni, dah bertahun-tahun dia *offer* kepada kita? Mesti ada sebab munasabah dia.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, cukup-cukup dah. Terima kasih. Sila Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR.ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Sekarang ini, untuk makluman Yang Berhormat Bandar, perbincangan tu berjalan, saya rasa kita telah orang kata dua-tiga kali berbincang, kita ada di sini lima operator yang terlibat dalam pengangkutan awam yang mana satunya Casligas Sendirian Berhad, itu daripada Kerajaan Negeri. Kita juga ada Himda Travel & Tours Sendirian Berhad. Kita ada Intan Unggul Sendirian Berhad. Kita ada Syarikat Pengangkutan Bumi Pantai Timur. Kita ada SPBT Travel & Tours Sendirian Berhad. Itu antara operator-operator yang sekarang ini sedang sama ada secara dari segi berbeza-beza saiz dia mengadakan perkhidmatan bas awam di Terengganu. Selain daripada itu juga, kita ada sejumlah operator bas henti-henti di Negeri Terengganu selain daripada apa yang saya sebut tadi, kita ada juga Syarikat Hamid & Yaacob Sendirian Berhad untuk Daerah Kemaman. Kita ada Syarikat Kenderaan Nor Dan Hisham Sendirian Berhad untuk Daerah Besut. Kita ada juga Syarikat Pelancongan Mini Enterprise. Antara apa yang telah diusahakan, kita telah kenal pasti cadangan laluan bas henti-henti di Daerah Kuala Terengganu ini. Contohnya, kita ada 8 laluan utama yang telah kita kenal pasti. Kita ada 6 laluan pengantara yang mana

jumlahnya semua sekali ialah 16 laluan. Kesemuanya ini adalah laluan antara bandar. Ada juga yang telah kita buat kajian makna kata di peringkat akhir dah ni saya difahamkan. 'Pengantara' maknanya, contohnya di antara Kuala Terengganu ke Marang dan Kuala Terengganu ke Setiu. Dan saya rasa skop kita bagi pengangkutan awam Terengganu ini, kita *try* dulu di kawasan Kuala Terengganu sehingga Marang dan juga sebahagian dari Setiu dan Hulu Terengganu.

Berkenaan dengan dari segi peruntukan, memanglah berbagai-bagai cara telah dibincang dan saya rasa besar kemungkinan kita akan pergi kepada secara *invitation* ataupun tender terhad untuk mengenal pasti operator-operator yang sanggup melaksanakan sistem pengangkutan awam di Kuala Terengganu. Jadi sekarang ini proses tu sudah dalam peringkat akhir, kita dah kenal pasti dan saya rasa insyaAllah, dalam suku keempat tahun ini perkara ini dapat kita laksanakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Saya bagi Bandar untuk soalan tambahan terakhir.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Perkara ini mustahak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila-sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Kita buat keputusan apa yang patut kita pilih, perkhidmatan bas kepada rakyat Terengganu secara percuma ataupun kita nak lagi tunggu untuk proses tender buat keputusan menawarkan kepada operator tapi kenakan tambang kepada rakyat Negeri Terengganu. Ini perkara mustahak yang patut kita fikirkan sekarang sebab RAPID ini sebenarnya dinikmati oleh bandar-bandar lain secara percuma sebab itu soalan pokok saya kata saya hairan kenapa di Terengganu kita berlengah dan seolah-olah kita menolak dan tak nak terima perkhidmatan percuma kepada rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT IR.ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Dia Dato' Yang Dipertua, apa yang kita tawarkan adalah dalam bentuk subsidi yang besar jadi *detail* tu saya tak boleh nak *reveal* sebab perkara itu dalam perbincangan. Jadi saya tak boleh mendahului apa yang belum diputuskan untuk memaklumkan

di dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya rasa perkara ini insyaAllah tidak akan membebankan rakyat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh satu soalan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya nak pergi kepada soalan lisan yang seterusnya. Y.B. Wakaf Mempelam, saya nak bagi soalan ini kepada pengemukkan soalan seterusnya. Soalan pasal RAPID dan cukup dah, tadi wakil dari Kerajaan pun saya bagi dua. Terima kasih Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ni berkait dengan bas ni mustahak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih banyak Wakaf Mempelam. Saya mempersilakan Bukit Payong untuk mengemukakan soalan. Sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan saya yang kedua -

*Adakah Kerajaan merancang untuk menggunakan rezab Kerajaan Negeri ataupun Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu terutamanya bagi membantu pelajar-pelajar yang gagal dihantar keluar negara bagi menyambung pelajaran mereka kerana masalah kewangan negeri sekarang?*

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Wakil Bukit Payong ingin tahu apakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk menggunakan rezab Kerajaan Negeri ataupun Tabung Amanah Warisan Negeri

terutamanya bagi membantu pelajar-pelajar yang gagal dihantar keluar negara bagi menyambung pelajaran mereka kerana masalah kewangan?

Buat masa ini Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menggunakan rezab Kerajaan Negeri ataupun daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri bagi membantu pelajar yang hari ini dikatakan gagal dihantar ke luar negara bagi menyambung pelajaran. Jadi buat masa ini belum ada lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih soalan tambahan pertama.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Adakah Kerajaan mengenal pasti jumlah pelajar-pelajar yang gagal dihantar ke luar negeri dalam lingkungan dua tahun bermula dari 2015 dan termasuk 2016?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Ajil.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Sehingga kini pelajar-pelajar yang dipilih melalui keputusan yang cemerlang daripada pelajar-pelajar Negeri Terengganu dan juga lulus dalam ujian IQ dan sebagainya yang telah dikenal pasti semuanya telah diberi tawaran untuk belajar ke luar negara. Cuma yang gagal tu bukan yang dipilih oleh Yayasan, mereka pergi melalui secara sendiri dan memohon bantuan atau biasiswa di luar jadual, yang ini ada dan kategorinya agak ramailah ianya meningkat dari setahun ke setahun. Tapi yang ini saya perlukan notislah untuk mendapat jumlah secara *detail*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan kedua dan yang terakhir untuk hari ini, Soalan Lisan. Silakan.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya. Jumlah kemungkinan dalam makluman Kerajaan tetapi apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan sebab melalui Tabung Amanah Warisan ini tidak disediakan tapi Kerajaan sedar, ada pelajar-pelajar tersebut. Jadi apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan mereka terus berjaya untuk melanjutkan pelajaran mereka?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Bukit Payong. Kita ada pelan yang kedua. Di dalam mesyuarat pada dua bulan yang lalu, kita telah memohon daripada setiap GLC-GLC Negeri, daripada SATU, TDM, EPIC dan sebagainya menaja dua atau tiga orang mengikut kemampuan mereka untuk pelajar-pelajar yang cemerlang ini untuk dihantar ke luar negara kerana kita juga sayang potensi mereka yang dapat sampai 10A+ kalau mereka ini tidak diberi peluang belajar terutamanya bagi *course-course* yang tidak ada di dalam negara adalah sesuatu yang malang. Dan insyaAllah, golongan pelajar yang cemerlang ini kita akan berusaha dengan apa cara pun untuk mereka mendapat pendidikan yang baik di luar negara melalui GLC-GLC yang akan menajanya nanti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua. Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi dua dah, cukup dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satu aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, *last one*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang sebab ada daripada kalangan ibu-bapa memaklumkan kepada saya yang pelajar yang sudah mendapat tajaan Yayasan sendiri khususnya di Rusia yang buat *Medic*. Sepatutnya masuk duit dah ni pada bulan satu tapi sampai sekarang tak masuk-masuk lagi. Apatah lagi dengan masalah krisis kejatuhan Ringgit Malaysia apa sebagainya. Jadi nampaknya ibu-bapa mereka ini resahlah. Jadi apakah tindakan yang dibuat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Y.B. Paka. Sila Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Paka. Saya pertamanya, memang akuilah dan ucap terima kasih kepada Wakil Paka kerana peka dengan situasi ini. Memanglah Paka runsing, saya lagi runsing .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Paka, bagus juga kalau bab-bab duit ni dia cakna sungguh.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak kacau sokmo Jabi mu. ....(Sambil gelak) ....

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Baik-baik, saya jawab. Saya ucap terima kasihlah kerana kepekaan kita semua kepada anak-anak kita. Dan saya juga telahpun memaklumkan masalah ini dalam Mesyuarat Exco Kerajaan kepada Yang Berhormat Dato' Kewangan tentang masalah pelajar kita yang berada di luar negara yang lambat menerima saraan, yurannya kita telah buat bayaran *direct* kepada universiti cuma saraan sahaja. Dan insyaAllah, saya rasa dalam minggu ini, insyaAllah semuanya akan dapat diselesaikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan, yang menjawab soalan dan juga yang terlibat dengan Soalan Lisan pada pagi yang mulia ini, yang molek ini.

Sekarang sudah hampir pukul 10.45 pagi. Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula insyaAllah pada pukul 11.10 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekarang saya ingin mempersilakan pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan. Oleh kerana semalam .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan tentang perjalanan Dewan pada hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya ingin memohon jasa baik Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kedudukan perjalanan Dewan pada hari ini di manakita terus sahaja kepada jawapan. Dan ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini masih tidak berpeluang untuk berucap. Dan ini saya rasa dengan izin, *so unprecedented* berlaku dalam keadaan di mana Dewan ini adalah satu Dewan yang mulia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Batu Burok. Terima kasih. Sila duduk Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... kepada Ahli-ahli Dewan memberikan ucapan mereka kerana ucapan ini adalah ucapan Titah Tuanku Al-Sultan kita yang perlu dibahas dan diperkatakan oleh Ahli-ahli Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Semalam saya mengambil kira bahawa ucapan oleh Wakil Rhu Rendang sebagai Presiden PAS telah merangkumi bagi saya. Itu dalam tafsiran saya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Speaker, kita Ahli-ahli Dewan mempunyai taraf yang sama. Kita ada hak masing-masing untuk berucap.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ini seolah-olah kita tidak menghargai Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Jadi semalam dah tamat awal, satu hal, hari ini pulak tak benar berucap, dua hal lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam saya kata tadilah, saya mengambil kira ucapan semalam, Ucapan Presiden Parti tu, maknanya sudah besarlah. Jadi saya rasa sudah membuat rumusan apa yang patut disampaikan oleh pihak Pembangkanglah bagi saya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, kita banyak persoalan yang perlu diperjelaskan di Dewan ini khususnya apa yang berlaku semalam yang perlu kepada penjelasan yang bukan hanya untuk Ahli-ahli Dewan Undangan tetapi juga untuk anggota-anggota Kerajaan dan juga .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Batu Burok, saya minta pihak Kerajaan buat penggulungan dan bolehlah membuat celahan. Saya akan bagi ruang untuk buat celahan. Mungkin masa lebih panjang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Celahan berlainan, berucap ni ada benda yang kita nak berucap. Jadi saya pun tak faham perjalanan Dewan ni, saya pun dah lama dan saya rasa pelik kali ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Betul tu Yang Berhormat Yang Dipertua, saya pun tak berucap lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab saya kata semalam, Presiden Parti dah tu, merangkumi semua, maknanya anak buah tu ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Takkan nak lari gitu jugak macam kelmarin.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): PJ Ketua Pembangkang.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Berilah dua orang lagi, dua orang *danglah*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita bawa daripada suara rakyat kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa dalam Dewan kita ini Dewan yang mulia. Keputusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua itu sebagai pengadil, jadi kalau kita *takmboh* dengar susahlah kita.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Main masalah pengadil ni tiup dok tentu kalau nilah .....(sambil gelak) .... Kita tengok gok bola, jangan buat lari tiang gol sudahlah ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya teruskan. InsyAllah, saya beri ruang pencelahan. Boleh baca peraturan kalau nak *detail*, pihak Pembangkang boleh mencelah, ya. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wabihi nastain. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, hadirin-hadirat yang dimuliakan.

Dalam penggulungan ini, saya mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan sempena Perasmian Sidang Dewan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat pada 7 Mac yang lalu.

Dan sesi Sidang Dewan pada kali ini tidak banyak Soalan Lisan yang sempat dijawab cuma melalui Titah Tuanku dan juga ada beberapa Soalan Lisan yang disebut berkaitan dengan masalah Denggi yang berlaku di Negeri Terengganu. Pada awal tahun ini, saya di dalam Dewan yang mulia ini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak sama ada jabatan ataupun kementerian daripada *Federal* seperti Jabatan Kesihatan mahupun jabatan-jabatan lain daripada Negeri seperti Majlis-Majlis Daerah, Majlis Bandaraya

dan semua sekalilah. Ini adalah kerana dititahkan oleh Tuanku jumlah pada bulan Januari iaitu sebanyak 662 kes tetapi sehingga Februari telah menurun kepada 438 kes iaitu penurunan sebanyak 33.83%. Yang mana buat masa ini saya dilaporkan iaitu ada 86 pesakit yang terlibat dengan Denggi berada di dalam hospital di seluruh Negeri Terengganu buat masa ini, ini laporan berakhir pada 7 Mac yang lalu. Dan penurunan ini ..... Okey, sila.

**YANG BERTITAH DATO' YANG DIPERTUA:** Sila Wakil Bukit Tunggal.

**YANG BERTITAH DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingin merakamkan dalam Titah Tuanku Sultan pada muka surat 15 ada disebutkan: "Bahawa Beta dan Sultanah amat sedih dan bersimpati dengan semua keluarga mangsa tersebut khususnya kepada keluarga yang kehilangan ahli keluarga mereka yang seramai enam orang yang meninggal kerana wabak Denggi." Ini menunjukkan bahawa wabak Denggi di Terengganu sangat serius baru-baru ini. Oleh itu, saya rasa mungkin pihak Exco juga boleh bersetuju dengan saya bahawa punca kejadian wabak ini yang begitu cepat merebak yang seolah-olahnya macam tidak terkawal sehingga boleh menyebabkan kematian ini ada dua sebablah: Yang pertama, kerana memang kawasan-kawasan yang terlibat itu kita dapati adalah kawasan-kawasan yang persekitarannya tidak bersih. Kalau saya sebutkan di kawasan Bukit Tunggalah, contohnya. Tempat-tempat yang dilaporkan sebagai 'Kawasan Hitam' adalah di Pulau Duyong, Bukit Kandis, Bukit Tumboh, Paya Lima Amas dan juga Batu 6. Jadi kalau kita perhatikan semua kawasan ini merupakan kawasan di pinggir bandar yang tidak ada kemudahan asas khususnya tidak ada sistem longkang dan perparitan yang nak katakan sempurna memang tidak ada pun, tidak ada longkang langsung kerana kawasan yang padat dengan penduduk dan rumah dan sebagainya. Dan perkara ini sudah saya suarakan sejak sekian lama dan memang antara sebabnya kita katakan sikap. Sikap itu memanglah suatu perkara tapi kalau kemudahan tidak ada, sikap macam mana molek sekalipun kita tidak boleh buat apa jugak. Kalau dah kawasan yang padat dan tidak ada longkang, air limbahan memang dia akan melimpah di mana-mana tempat tanah rendah. Bila musim hujan air kotor ini akan pergi dan dia akan bertakung air bersih sebab itulah nyamuk Aedes ini mudah membiak. Sebab tahun ini tidak ada banjir, air hujan banyak dia akan menutupi di kawasan-kawasan yang selama ini air kotor, nyamuk tidak boleh membiak jadi bila dah digenangi dengan air bersih jadi di situlah dua-tiga-empat haripun nyamuk

Aedes boleh membiak dengan banyak menyebabkan penyebarannya tidak terkawal. Itu satu perkara yang harus disedari.

Oleh itu, saya rasa Kerajaan Tempatan juga atau Kerajaan Negeri harus mengambil kira kampung-kampung tadi yang padat ini untuk disusun atur dengan lebih baik dan disediakan kemudahan-kemudahan asas. Kita kawasan Bandaraya, pinggir Bandaraya, dalam Bandaraya sebahagian besarnya. Ini semua yang saya sebut adalah dalam kawasan Bandaraya.

Yang keduanya, berkaitan dengan itu juga kita tengok tempat pembuangan sampah di kampung-kampung tradisi ini tidak ada tong-tong sampah. Jadi sekarang ini penggunaan alat-alat pakai buang, bukan pakai buang budak kecil ni. Bekas-bekas pakai buang seperti plastik, polistrin ni memang banyak dan dibuang memanglah kalau tidak ada tong sampah dia dibuang di merata-rata tempatlah. Nak dibakar pulak tidak dibenarkan pembakaran terbuka, *so*, dia akan tinggal berlonggok di .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, faham dah tu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Tak, ada satu lagi. Ini peluang saya sebab nak berucap tak nak bagi. Itu satu bendalah yang kena faham. Jadi ini kerjasama bukan setakat gotong-royong tapi untuk jangka panjangnya kena selesai dulu kemudahan, infra asas yang dikira yang patut diselesaikan untuk tempat-tempat yang disebutkan tadi dan juga di tempat-tempat yang lainlah.

Yang keduanya, saya tengok hospital kita jugak tidak dapat menampung begitu ramai kes-kes Denggi yang masuk hingga kalau kita masuk ke dalam wad semasa saya pergi melawat tu banyak dengan katil-katil tambahan dan sebagainya. Ini juga antara perkara yang saya sudah sebut lama dah kemudahan hospital kita yang tak cukup dan sebagainya tapi dia lulus, tapi di Dungun tak buat lagi, lulus di Kemaman tapi tak buat lagi, UniSZA tak buat lagi. Dah beberapa tahun rakyat Terengganu tunggu kemudahan kesihatan tapi tidak pernah *diupgrade*. Ini saya rasa harus diberi suatu penekanan sungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan kalau sekiranya nak melihat negeri kita ini cantik, bersih dan sejahtera. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Tunggal. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Kemudahan asas tersebut sedang dan akan dibuat dari masa ke semasa dan tidak semestinya .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat, jawapan tu lama dah kita dengar 'sedang' dan 'akan dibuat' tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dia berkait dengan Denggi ni kemudahan asasnya yang sama jugak yang ada pada tahun lepas dibandingkan dengan awal tahun 2016. Maknanya Denggi yang berlaku kepada rakyat Negeri Terengganu bukan semata-mata bergantung kepada kemudahan asas ianya banyak lagi bergantung kepada perkara-perkara lain.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Disebut sikap tu, satu tapi bila tiba musim hujan dan tak ada banjir ia satu masalah tapi bila banjir sampah-sampah segalanya dia bawa lari. Sekarang ni sampah-sampah tu tak dibawa lari sebab tidak ada banjir maka air tu akan bertakung. Itu kita kena faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Tak, itu saya kata kita bersetuju tadi cuma untuk kita nak melaksanakan semua kemudahan-kemudahan asas seluruh Negeri Terengganu dalam masa yang serentak, Kerajaan mana sekalipun tidak akan mampu. Dengan sebab itu .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya hairan Monsoon Cup boleh buat habis RM1 bilion, nak susun kampung orang Melayu, orang Islam tak boleh. Ini ke dia punya *priority*?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal tadi berkait dengan hospital tadi tidaklah boleh kita buat hari ini 'kun faya kun' jadi selalu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tapi lulus 10 tahun lepas dah Hospital Dungun tu, tak buat lagi?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Mussang sokmo!*

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Memang, ini nyawa, enam orang mati. Mu tahu dok?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukanlah kita di pihak Kerajaan ini tidak tahu berkenaan dengan hal ehwal, masalah rakyat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tahu tapi dok buat kerja bakpe?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Janganlah menunjukkan seolah-olah kita pihak Pembangkang ni.... Sebab pihak Pembangkang pun tahu bercakap aje. Apa yang dia buat di kawasan dia untuk nak membantu kepada kebersihan ni! Jangan pandai bercakap saja. Sampai tubik mata, *mussang ni*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, tu Exco mana pulak tu?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak, saya ni Timbalan kepada Exco Kesihatan, kena jawab. ...(Tepukan sokongan) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Y.B. Jabi. Ni Y.B. Jabi ialah Timbalan kepada Exco Kesihatan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baru sudah makan pagi, sabar, ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Sebagaimana Usul yang telah dibuat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak ingatkan Peraturan Dewan. Nak bercakap, bangun dan tengok saya dan minta untuk buat celahan dan bila mana Y.B. yang sedang berucap benarkan saya akan benarkanlah. Dia ada peraturan. Terima kasih. Sila Y.B.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri juga mengucapkan takziahlah kepada ahli keluarga yang meninggal disebabkan Denggi ini. Dan usaha sebenarnya tidak berhenti setakat ni, kita masih lagi sedang berusaha agar masalah ini dapat kita atasi dan usaha yang berterusan dilakukan di seluruh negerilah.

Okey, seterusnya, ada juga disebut berkait dengan hospital tadi tak apalah lambat-lambatpun akan jadi jugak. Jadi saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Federal kerana pada tahun ini kita dapat berita gembira iaitu satu lagi hospital baru diwujudkan di Kemaman dan tentu sekali ianya akan dapat memberi kemudahan. Saya rasa bukan sahaja kepada rakyat Kemaman tetapi untuk Terengganu keseluruhannya.

Seterusnya, kita juga berjaya mewujudkan Pusat Rehab satu lagi iaitu selain daripada Seberang Takir iaitu pada Disember yang lalu kita telah berjaya mewujudkan satu lagi Rehab 1Malaysia RTC di KETENGAH.

Dan untuk Pusat Haemodialysis yang terbaru di Batu Rakit, kita juga telah rancang dalam masa terdekat iaitu di Hulu Terengganu dan Marang. Ini bergantung kepada kekangan bajet yang adalah. Okey, saya ingat itu sahajalah berkait dengan portfolio saya.

Cuma saya ingin mengambil kesempatan juga kepada penggulungan pada hari ini yang mana kelmarin ada sedikit kekecohan kerana ada Usul Undi Tidak Percaya. Saya dan rakan-rakan Yang Berhormat ingin memberi pengakuan iaitu memberi sokongan penuh dan kepercayaan penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abd. Rahman sebagai Menteri Besar Negeri Terengganu ....(Tepukan sokongan) ....

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
.... Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Batu Burok, dah bagi salam dah. Terima kasih Y.B. Jertih. Seterusnya, wakil dari pihak Kerajaan. Sila.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya warga Dewan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, pertama-tamanya saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana hari ini perjalanan kita begitu baik dan lancar. Saya merujuk kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam Persidangan pada hari Isnin telah banyak memberi pujian kepada bidang pendidikan di mana telah berjaya melonjakkan Negeri Terengganu cemerlang dalam semua peringkat peperiksaan, daripada UPSR, PT3 sehinggalah STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia) yang telah menjadikan negeri kita negeri yangungguli dalam semua kategori.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Air Putih mengenai Sekolah Elit Premier di Mak Lagam khususnya dan juga Lembah Bidong yang mana suatu ketika sekolah ini saya akui memang sekolah yang agak terkenal yang menjadi rebutan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sini. Dan kecemerlangannya menyamai Sekolah-sekolah Berasrama Penuh. Tetapi di akhir-akhir ini kita lihat persepsi/tanggapan ibu bapa terhadap sekolah ini sebagai sekolah cemerlang semakin luntur disebabkan kemerosotan di dalam bidang mata pelajaran terutama di dalam peperiksaan awam. Di samping itu juga, kalau kita lihat secara relatif/perbandingan Sekolah Elit ini tidak banyak beza dengan Sekolah-sekolah Harian yang lain. Sebenarnya memang asal dia daripada Sekolah Harian cuma dinaiktaraf sebagai Sekolah Elit disebabkan beberapa faktor ketika itu kerana jumlah Guru Pakar yang ramai dan pelajar yang dimasukkan di situ adalah pelajar pilihan dengan jumlah guru yang berkualiti dan pimpinan yang baik telah melonjakkan Sekolah Lembah Bidong dan juga Sekolah Mak Lagam menjadi Sekolah Elit yang menjadi tumpuan ibu bapa untuk menghantar anaknya belajar di situ.

Menyedari hakikat ini dan untuk makluman Wakil Air Putih, kita telah mengambil langkah antaranya, melalui kerjasama Jabatan Pendidikan dengan sokongan beberapa agensi Kerajaan Negeri. Pertama, kita akan cuba meningkatkan kualiti



kepimpinan dan guru sebab saya nampak kekuatan sekolah berada kepada Pengetua Sekolah dan juga guru-guru yang berkualiti. Yang ini telahpun saya minta pihak Jabatan Pendidikan Negeri melalui Pengarahnya supaya melihat dengan teliti tentang permasalahan di Sekolah Elit. Kita juga akan menyediakan satu modul pembentukan sahsiah akhlak pelajar kerana pelajar perlu diberi semangat motivasi kembali supaya mereka menjadi orang yang bersemangat untuk meneruskan pelajaran dan pengajarannya tanpa melihat perbandingan dengan Sekolah Imtiaz kerana Wakil Air Putih ada menyebut yang hari ini sekolah ini menjadi sekolah transit sahaja dan apabila lepas sahaja PT3 mereka akan pergi ke Imtiaz. Kita memahami kerana hari ini Imtiaz telah menjadi satu jenama yang tersohor dengan produk yang dilahirkannya yang begitu cemerlang dari segi hafazan dan juga kecemerlangan akademik sehingga baru-baru ini pun sekolah yang terbaik muncul dalam peperiksaan SPM pun ialah Imtiaz, yang itu kita tak nafikan. Kerana apabila penjenamaan baru, semangat baru dan dengan keadaan fasiliti yang agak baik di Sekolah Imtiaz ini menjadikan ia lebih baik.

Justeru itu, kita akan cuba menaikkan beberapa taraf, misalnya bilik pembelajaran, makmal dan sebagainya, yang ini akan saya panjangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya melihat serius tentang apakah kemudahan asas atau fasiliti yang perlu diadakan, antaranya dewan dan saya faham sebab dewan belum ada lagi. Yang ini saya akan minta pihak Pengarah dan saya sendiri akan bawa dalam mesyuarat bersama dengan Menteri Pendidikan, insyaAllah.

Dan seterusnya, kita akan cuba memperkasakan dalam bidang lain iaitu Schoolwide Enrichment Model (SEM) di bawah T-Kontrak. Begitu juga kita akan memperkenalkan Kelas Bahasa Antarabangsa dan Bahasa Inggeris dan ini akan menjadi ia tambah menarik kepada pelajar dan ibu bapa untuk meneruskan persekolahan anak mereka di Mak Lagam dan juga Lembah Bidong.

Seterusnya, kita akan cuba juga memperkenalkan Program I-Class. InsyaAllah, kita akan masukkan dan menyegerakan satu I-Class di sini supaya pembelajaran dan pengajaran bertambah menarik. Itu akan kita laksanakan segera. InsyaAllahlah. Air Putih beri masa sedikit kepada JPNT untuk membuat penambahbaikan.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):** Minta laluan sikit Dato' Yang Dipertua. Bagaimana dengan cadangan PPD

untuk minta nilai tambah dari segi Hafazan walau mungkin tak satu Quran tapi mungkin 10 juzuk ke sebab saya rasa itu satu daya tarikan yang cukup baik untuk ibu bapa menghantar anak mereka pergi ke sana.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): InsyaAllah, saya secara peribadilah akan mengambil inisiatif ini untuk membentuk satu jawatankuasa bagi mengkaji keperluan penambahan kurikulum Pengajian Al-Quran dan mungkin kita lihat apakah keperluan yang berkaitan dengannya. InsyaAllah.

Seterusnya, untuk Wakil Kota Putera yang nampak begitu beremosilah apabila membicarakan tentang projek masjid-masjid, penambahbaikan masjid dan sebagainya. Saya pun rasa takut tengok.

Antaranya, beliau membangkitkan tentang banyak masjid di kawasan Kota Putera yang sepatutnya ditambahbaik dan ini memberikan impak yang penting kerana masjid ini Rumah Allah, kalau Rumah Allahpun *dokrok*, maka *dokroklah* Kota Putera. Oleh sebab itu, saya nak senaraikan di sini yang sebenarnya projek itu ada, berjalan tapi mungkin tak sampai/*rolling* ke Kota Putera lagi.

Saya baca di sini, untuk Daerah Besut kalau Kota Putera kata ada, khabor, ini di DUN Kota Putera. Kalau ikutnya di Daerah Besut ada lima semuanya daripada 2004 hingga 2015 lebih kurang 10 buah masjid. Jadi saya sebut di sini, di Daerah Besut, ada ke tidak tak tahulah daripada tahun 2007 - 2009 dulu saya sebut, ya. Masjid yang terlibat ialah Masjid Kampung Tok Dor Dalam, DUN mana? Jabi. Masjid Ar-Raudhah TUDM Kampung Beris, Pak Abu di Kuala Besut. Masjid Kampung Balik Bukit di Jertih. Oh, munasabah marah pun. Masjid Kampung Alur Selising, Jertih. Sayapun marah. Masjid Kampung Lampu. Aisy, Langgar guana lagu ni. Okey seterusnya, Masjid Kampung Gong Bayuh. Hah, ada dah tu. Masjid Kampung Lubuk Kawah, Hulu Besut. Masjid Ar-Rahman, Pulau Perhentian, Kuala Besut. Masjid Kampung Tasik Mengkuang, Jabi. Hor....Betul ser. Ser ler-ler, tahun berapa ser ler-ler tu? Tahun 2013. Maknanya dari 2013 ke 2016, dalam masa tiga tahun ni takdok sebutir habuk. Memang betul, wajar marahnya. Tapi tak apa, insyaAllah, boleh senaraikan tapi bukan semua boleh beri ni. Senaraikan untuk baik pulih dulu berapa butir, buat baru berapa butir, hantar dulu, boleh ke dok, dok tahu lagi. Hantar dulu, jadi kita akan cuba pertimbangkan di manakah yang patut diberi *priority*. Kalau kata masjid itu boleh diguna, cukup dengan jemaah yang ada

mungkin dibuat penambahan ruang dan sebagainya. Itu yang perlu kita buat. Dan saya rasa takdok apa dah nak bercakap ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Minta celah sikit Ajil.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil, nak bagi kepada siapa dua orang ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kaishlah kepada Y.B. Exco yang menjawab tentang masjid. Sebenarnya, saya melihat ni ada sebahagian masjid yang saya beritahu itu di Kota Putera, masjidnya ada dua buah masjid yang berusia lebih lama daripada usia Y.B. Kota Putera iaitu lebih daripada 50 tahun. Dan dua buah masjid tersebut yang memang waktu Jumaat terpaksa Sembahyang Jumaat di bawah maka pada saya benda tu perlu diambil tindakan segera terutama Masjid Kampung Keluang, tanahnya sudah sedia ada. Terima kasih, Y.B. Exco.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Kota Putera. Jadi kita minta Kota Putera cuba tengok dulu, nanti pihak Majlis Agama akan turun untuk tengok secara *detail* apakah sebenarnya keperluannya sama ada untuk dibuat baru atau tambah sahaja. Kalau ikutkan semua nak buat baru belaka, saya pun nak baru jugak, misalnya di Pekan Ajil masjidnya lebih tua daripada usia saya, saya ni tua daripada Kota Putera tapi masjid ni tua daripada saya lagi. Jadi semua sama-sama tak puas hati belaka. Tapi oleh kerana pitih tak cukup, wang tak cukup, kita bersabar kerana sabar itu sebahagian daripada iman. Oh ya, ada nak tanya lagi? Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya nak tanya berkait dengan Yayasan Terengganu. Pada tahun 2015 Kerajaan

menyalurkan RM79 juta kalau tak salah untuk pinjaman pembelajaran ni. Saya dimaklumkanlah, dapat makluman, oleh itu saya nak tahu betul ke tidak dan tahun ini mungkin RM40 juta sahaja, adakah benar apa yang dimaklumkan itu?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Untuk makluman Paka, tahun lepas kita belanja RM48 juta untuk pembelajaran luar negara dengan jumlah yang ada. Tahun ini kita kurangkan sikit jumlah pengambilan tapi jumlahnya naik ke RM52 juta. Kenapa jadi begitu? Kerana *current* kewangan semasa. Kita tak tambah tapi naik jugak pitih sebab pound hari ini RM6 kita bersamaan 1 Pound. Jadi walaupun tak tambah jadi naik jugak lebih kurang tiga point berapa juta lebihlah, saya tak berapa ingat *figure* tu maknanya tidak tambah yang RM76 juta itu ialah yang terdahulu. Jadi hak semasa saya khabor ialah hak yang tahun lepas dengan tahun ini, tahun lepas jumlah yang sama RM48.9 juta, tahun ini jadi meningkat RM52 juta lebih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Celah sikit. Sebab berdasarkan dengan soalan saya, Soalan Bertulis: Pelajar tajaan Yayasan Terengganu daripada saya tanya dari tahun 2010 hingga 2015. Jadi untuk tahun 2015, tajaan pelajar melibatkan 2,000 - RM79 juta di sini, macam mana sebut RM48 juta. Saya tidak kait dengan pengurusan atau apa cuma tajaan pelajar sahaja. Jadi berdasarkan ini mungkin sampai 40, jadi separuh.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Luar negara ke dalam negara tu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekalilah.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Luar dan dalam tu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Rasanya luar negara tu dok?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Luar negara RM67 juta, IPTS – RM6 juta, IPTA – RM4 juta. Jadi kalau kerat sampai 40 jadi separuh di mana pelajar kita nak sambung. Kata pelajar kita semakin cerdik dan semakin ramai ni macam mana?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Satu lagi kita ada biasiswa ataupun bantuan yang kita beri kepada kolej kemahiran. Antara kolej kemahiran yang kita taja ialah TATI, TESDEC, Perkayuan dan juga kolej-kolej swasta yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah kalau yang luar negara tu macam mana, RM67 juta?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bukan luar negara tapi keseluruhan penajaan. Nanti saya akan dapatkan perinciannya. Saya mohon notislah yang ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ini perincian yang telah diberi oleh pihak Kerajaan dah ni dengan saya ni.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yalah, itu yang tidak termasuk yang kemahiran kan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah maksudnya RM40 juta sahaja untuk tahun ini?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Kita *target* RM48 juta tetapi kalau ikut perkiraan kita mencecah hampir RM52 juta.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi RM48 juta itu melibatkan pelajar di luar negara sahaja ke macam mana?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Tak, tak, semua sekalilah. Dan yang banyak kesannya, luar negara sebab dia ada peningkatan .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pelajar luar negara *takdok* langsung tahun ni?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ada, kita akan hantar yang cemerlang, insyaAllah. Yang dapat *straight A* tu kita akan hantar dengan syarat *course* dia tu tidak ada di tempat kita tapi kalau ada di tempat kita, kita utamakan dalam negeri dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi keseluruhan RM48 juta sahaja, separuhlah.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Nanti dia ada perincian pelbagai perbelanjaan yang berkaitan dengan penajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Dipersilakan Wakil Kerajaan seterusnya.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat serta Sidang Dewan sekalian.

Terlebih dahulu di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan dan menyembahkan ucapan penghargaan dan menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan bertitah mengenai dasar-dasar Kerajaan sempena Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas. Dan juga melafazkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan diharapkan Negeri Terengganu bertambah baik, stabil dan dapat melaksanakan dasar-dasar Kerajaan untuk kepentingan Negeri Terengganu dan juga rakyat keseluruhannya.

Dan juga di sini, di kesempatan dalam penggulungan Sidang Dewan pada pagi ini, pertamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu di bawah Program Transformasi Terengganu Baharu di bawah Gagasan TTB yang menekankan kepada tiga bidang utama. Yang pertama, Program Transformasi Ekonomi. Kedua, Program Transformasi Kerajaan dan yang ketiga, Transformasi Politik. Dan ianya adalah merupakan Pentadbiran Kesenambungan daripada legasi kepimpinan terdahulu. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif selalu menyatakan dalam perjumpaan sebelum ini serta majlis-majlis sebelum ini pun bahawa secara jujur dan ikhlas pentadbiran beliau pada hari ini adalah sebagai penerusan kepada legasi kepimpinan Menteri-Menteri Besar yang terdahulu. Dan alhamdulillah, di bawah TTB (Transformasi Terengganu Baharu) ini, penambahbaikan dan juga penambah dari segi nilai-nilai yang telah dibuat terserlah. Banyak *success stories* dengan

izin, cerita-cerita yang baik, kejayaan-kejayaan baik telah digarabkan, telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri dalam Ucap Negeri 2016 baru-baru ini. Dan pada hari ini kita tengok, di bawah TTB ini juga menuntut perubahan sikap dan juga transformasi rakyat. Ini menekankan kepada betapa perlunya nilai-nilai integriti yang tinggi bukan sahaja dari segi kepimpinan juga memerlukan integriti sokongan kesetiaan daripada semua pihak termasuk daripada pegawai-pegawai kerajaan, termasuk jugak rakyat jelata. Jadi di sini saya mengambil kesempatan dalam penyuburan nilai-nilai integriti ini. Kita hendaklah memberi kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya kepada Kerajaan hari ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri tidak kira sama ada daripada pihak Kerajaan ataupun daripada pihak Pembangkang.

Dan alhamdulillah, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini di atas beberapa pandangan dan juga sokongan yang dinyatakan oleh pihak Pembangkang kepada Kerajaan. Contohnya, semalam atau kelmarin kita lihat Presiden atau Wakil Rhu Rendang secara terbuka memberi saranan dan juga pandangan serta nasihat kepada Kerajaan Negeri dari segi pembangunan secara lestari, pembangunan Negeri Terengganu. Contohnya, memperkatakan tentang kepentingan pelabuhan. Perlunya pelabuhan di Terengganu di Zon Timur, di Pantai Timur ini diadakan ataupun dilaksanakan.

Ahli-ahli sidang serta hadirin-hadirat sekalian, juga di sini saya dalam masa yang singkat ini ingin mengambil kesempatan juga di mana saya amat yakin dan percaya Gagasan serta Transformasi Terengganu Baharu yang dibawa oleh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri mencetuskan fenomena baharu di dalam hala cara pentabdiran Kerajaan Negeri Terengganu. Transformasi Kerajaan berlaku khasnya dalam dan membudayakan hidup masyarakat Terengganu secara amnya. Oleh yang demikian, saya berharap apa yang digarabkan, apa yang nak dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ini diharap tidak ada halangan, tidak ada mana-mana pihak yang cuba untuk memperkotak-katikkan. Sebab hari ini jelas rakyat Terengganu kita lihat pada hari ini nampaknya perlu bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri kita lihat Terengganu hari ini agak tenang, agak lebih baik daripada sebelum ini, rakyat suka tengok. Orang-orang muda hari ini kita tengok begitu bagus sekali sambutan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan juga dengan sokongan dan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada pihak penyokong Kerajaan. Dan kita harap di

bawah Transformasi Terengganu Baharu juga merupakan Transformasi Kerajaan kita harap perkara ini dapat diteruskan dan ia akan memberi manfaat yang baik kepada rakyat Negeri Terengganu. Dan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri khususnya kita sama-sama doakan semoga dapat teruskan dengan penuh semangat, kuat semangat untuk mentadbir urus negeri ini. InsyaAllah, kami barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional yang ada di sini, saya yakin dan dengan penuh keyakinan akan berdiri teguh di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri serta saya juga menyeru kepada pihak sebelah sanalah, Pembangkang akan turut sama menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu demi rakyat Terengganu untuk masa depan dan juga untuk memperkembangkan syiar Islam di Negeri Terengganu kita ini.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Pengkalan Berangan membuat rumusan/penggulungan bagi pihak Kerajaan. Sila Y.B. Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Saya juga ingin mengambil peluang dengan secara ringkas untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih khasnya di atas kesediaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan Titah Ucapan. Di antaranya menyebut berkait dengan portfolio saya iaitu Projek Melon Manis Terengganu di muka surat 15. Jadi di sini saya ingin mengambil peluang untuk memberitahu kepada Sidang Dewan dan Pemerhati sekalian, Melon Manis Terengganu ini merupakan buah melon yang paling sedap dan manis. Kita akan keluarkan melon ini pada 20 Mac ini lebih kurang 100 metrik tan, 100 tan, lebih kurang 100,000 kilo.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Hak mana se ni?



YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Melon Manis Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, tak, 1,000 kilo ke macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): 100,000 kilo, angka yang banyak. Dan Melon Manis Terengganu ini kita berharap akan menjadi buah utama Negeri Terengganu. Ini selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat akan jadikan tahun 2017 ini Tahun Melawat Terengganu. Jadi kita harap bila orang datang ke Terengganu akan menambah koleksi 'Beli Barang Terengganu'. Kalau sebelum ni orang mari melawat Terengganu, mereka akan beli batik, keropok lekor, tembaga dan kalau boleh tambah lagi satu beli Melon Manis Terengganu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Melon ni negeri lain tadok ke?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Takdok, Melon Manis Terengganu ni di Terengganu sahaja. Ini kerana kita membuat perancangan yang .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Hak dia orang tak manis ke guana yang tanam kat lain tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kat lain dia kurang manis, Terengganu manis ....(sambil tersenyum) .... Pasal kita membuat perancangan yang lengkap di mana kita sedang membina pengeluar benih kita sendiri. Di Rhu Tapai kita ada 24 peserta yang sedang kita latih untuk mengeluarkan benih buah-buahan untuk negara kita. Melon Manis Terengganu ini dikeluarkan oleh anak-anak kita. 24 graduan kita latih untuk mereka mengeluarkan benih ini di Rhu Tapai.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dengan izin. Pasaran dia setakat ni macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Nanti saya nak cerita, nanti saya bagi tahu pasal pasaran. Kita melatih bakal pengeluar benih ni di Rhu Tapai dengan kerjasama syarikat *anchor company* iaitu Syarikat GWG. Dan terbukti di Terengganu ini amat sesuai apabila kita buat tanaman percubaan jagung untuk ternakan sesuai dengan tanah beris kita yang luas ini, insyaAllah boleh menggantikan tanaman tembakau di Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kena mintak laluan. Bagi Y.B.?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni mari projek jagung pulak. Dulu Projek Jagung hak buat di Hulu Terengganu gagal, lepas tu buat/tanam rumput untuk makanan gajah. *Ni dah nak gi tang ke jagung pulak ke guana?*

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dia lebih baik kita cuba daripada kita berpeluk tubuh. Hah, itu konsep Kerajaan. Gagal sekali cuba lagi. Gagal sekali cuba lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni masalah kos Yang Berhormat, duit rakyat yang kita belanja kalau duit kita tak ada masalah kalau 15 – 16 kali kita gagal pun tak apa. Kita beramanah bukan sahaja dengan rakyat tetapi di depan Allah Ta'ala, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Ya, betul. Tapi kita cuba juga untuk kepentingan rakyat dan kalau berjaya rakyat keseluruhan yang mendapat faedah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya mencadangkan supaya kita tanam terus rumput gajah tu dah kalau dia menguntungkan. Kita melahirkan benih-benih gajah pulak, kita bahagi.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tak, rumput gajah pun kita tanam jugak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak tu pun kita tak bayar, berhutang lagi RM5 juta ....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Ni Melon ...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): RM5 juta lagi kita tak bayar kes rumput gajah ni.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Melon ni untuk manusia. Rumput gajah kita tanam untuk gajah boleh jugak. Insyallah. Dan satu lagi di bawah portfolio saya juga saya cuba memperkenalkan Madu Ole-Ole Terengganu. Jadi untuk 2017 ini, selepas dia beli Melon Manis Terengganu, dia juga kita minta beli juga Madu Terengganu dan Madu Terengganu ini sangat istimewa dan kita guna kempen 'Minumlah Madu Terengganu Anda Jadi Sihat Seperti Remaja'.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Madu Tualang ke madu apa ni, ke Kelulut?

YANG BERHORMAT HAJI HAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Madu Terengganu ni banyak, kita tumpu ke Madu Kelulut.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Oh, bukan bermadu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Madu semua ada, Madu Tualang kita ada, madu ternak pun ada dan Madu Kelulut yang terbaik. Dan ini insyaAllah, tahun ini Menteri .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Mintak laluan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, memang nampak macam .... bukan macamlah memang nampak Kerajaan membela petani-petani. Sebelum ni projek-projek pertanian sangat banyaklah, kalau sebelum ni kata nak buat balik produk Terengganu, sekarang Melon Manis

pulak, lepas tu satni pulak Madu Ole-Ole Terengganu. Sebelum ni janji dengan kita pakat nak beri sebotol seorang dan sampai ke hari ini tak beri-beri ...(sambil gelak). Tak tahulah janji tinggal janji, itu dengan Wakil Rakyat kalau dengan rakyat, wallahu wa'alamlah. Itu satu cerita.

Baik, saya walaupun dah tak cakap pasal padi oleh kerana dia suatu perkara yang melibatkan *Security Food*, dengan izin. Jadi mengikut laporan-laporan, nak tunggupun takut *dang* dia 'wassalamu'alaikum' *kekgi* tak boleh nak cakap terus. Jadi berkenaan dengan di antara perkara-perkara yang saya dapat daripada kawan-kawan kepada saya ialah isu berkenaan dengan Bernas yang membuat potongan padi rosak atau potongan kekurangan nilai padi yang terlalu tinggi yang mengikut maklumat yang saya dapat sepatutnya Bernas tidak boleh memotong potongan padi tersebut lebih daripada 17%. Tetapi dengan resit-resit yang dibekalkan kepada saya ia menunjukkan meningkat kepada 23% yang paling rendah dan sehingga 24% dan ada kata ada yang lebih tinggi cuma kita tengah kumpul resit-resit yang telah dikeluarkan oleh Bernas. Ini menunjukkan bahawa seolah-olah Kerajaan atau pihak Bernas cuba ataupun tidak mengambil begitu berat kepada pihak petani dengan *charge* yang dikenakan, hukuman yang dikenakan ini ialah dikatakan kerana padi lambat diketam yang menyebabkan kualiti padi itu rendah. Tapi masalahnya mesin-mesin tuai itu adalah yang datang daripada Bernas. Bernas yang lambat pergi, petani yang kena hukum, ini masalahnya. Dan begitu juga tunggakan-tunggakan subsidi yang pada tahun lepas lagi masih belum dibayar oleh pihak Bernas ataupun pihak yang bertanggungjawab kepada petani-petani ini. Jadi inilah di antara benda-benda yang mungkin pihak Kerajaan, pihak Exco yang terlibat perlu mengambil peranan yang baik supaya perkara-perkara yang begini tidak berulang. Dulu pun saya dah bawa berkenaan dengan Subsidi Padi yang tidak diberi, yang tidak dibayar tapi ianya berulang lagi. Tak cakap nak tegur benda tu-ler begini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Sila Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Manir kerana memberi perhatian kepada penanam-penanam padi. Kalau betul Bernas masih tidak membayar subsidi, insyaAllahlah, saya tengok lepas ni. Sebenarnya, Kerajaan mengambil berat kepada penanam-penanam padi ni. Misalnya, menetapkan belian padi kepada RM120, itu antaranyalah.

Jadi saya sambung balik, semula yang tadi .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Boleh mohon penjelasan sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pertamanya, nak ucap tahniahlah kepada Y.B. Hulu Besut dapat orang baru. Saya dengar tentang madu ni lah, promosi dalam Dewan ni acap kali dah, ini mungkin barangkali yang ketiga atau keempat saya ingat, dulu ada bawa botol madu tu. Cuma saya nak tanyalah berapa jumlah penghasilan Madu Kelulut, berapa ribu liter setahun dan ke manakah ianya dieksport buat setakat ni? Ke cuma nak promosi saja, benda takdok. Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Jumlah tu saya tak boleh bagi tahu lagi tapi secara kasar jawabnya permintaan Madu Kelulut ni memang tinggi. Dan hari ini pun saya mintak nak bekal kepada setiap Y.B. ni tapi dia cakap tak boleh bagi lagi baru masuk tahun. InsyaAllahlah, Dewan akan kita bekalkan satu botol seorang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dah nampak macam tak cukup kalau macam tu, nak bagi ke kita hak 32 orang ni pun tak cukup macam mana nak jual ke orang pulak?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Permintaan tinggi sebab itu kita nak suruh tanam ni. Permintaan dia memang tinggi dan kementerian sendiripun insyaAllah akan buat Larian Kelulut seluruh negara. Betul. ...(sambil tergelak) .... Kementerian Pertanian akan buat Larian Kelulut di seluruh negara bagi kempen .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua laluan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Padan dah, cukuplah sekali.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Main nak suka ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir, Manir, tidak dibenarkan celahan Manir. Sekali aje.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sekali aje, tak boleh dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekali jer.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Biar Ladang pulak celah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Hulu Besut, nak bagi ke siapa ni Y.B. Hulu Besut?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Ladanglah pulak.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Takmboh beri ke kita, tengoklah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Beri ke Ladang, Kelulutlah bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ladang, bukan Kelulut ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir, Alur Limbat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Ni nak tanya tentang Rosselle sikit. ...(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kelulut dok habis lagi ...(sambil gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kelulut tu sebab produk takdok. Rosselle ni banyak katanya tapi dihantar ke mana sekarang ni, bagaimana dengan industri Rosselle yang pernah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku di TTI dulu. Nak tanya macam mana nasib industri Rosselle di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Ladang. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Ladang kerana mengambil berat tentang pertanian di Terengganu khasnya Rosselle. Sebenarnya Rosselle ni kita masih meneruskan program tanaman Rosselle, cuma program tanaman Rosselle ini kita hadkan ataupun kita kuotakan supaya tidak melebihi permintaan. Kita meletakkan petani-petani kita supaya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak tanyanya tentang prestasi dia, macam mana atau berapakah pendapatan daripada Rosselle untuk keluarga yang menanam tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Jadi kita semacam buat kuotalah untuk tanaman Rosselle ni, kita tak terbuka. Misalnya, kalau di Hulu Terengganu kita ada beberapa penanam yang kita tetapkan lebih kurang ....., saya pun lupa keluasannya, misalnya 50 ekar sahaja kita buat setahun supaya industri Rosselle ni berterusan di Terengganu dan semakin hari semakin berkembang. Bukan kita kata tak mengambil perhatian kepada Rosselle ni, kita beri perhatian tapi insyaAllah, bila kita sentiasa ada Rosselle di Terengganu, insyaAllah, permintaan akan bertambah dari setahun ke setahun. Misalnya, tahun lepas kita belanja hampir RM200,000 untuk Rosselle bermakna kita beri perhatian kepada Roselle. Tahun lepas sahaja kita bagi untuk Roselle ini RM204,000 Kerajaan Negeri belanja untuk Roselle.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Berhasrat untuk tanya pendapatan kepada penanam tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dan pendapatan kepada petani ni insyaAllah, saya duk kira di Hulu Terengganu tu yang kita pergi ke Pasir Nering, kita ada penanam Rosselle di situ. Di situ kalau mereka ada satu hektar keluaran dalam masa tiga bulan mereka boleh mengeluarkan

paling kurang lima metrik tan. Kalau mereka mengeluarkan lima metrik tan, mereka berpendapatan sebulan hampir RM2,000, RM7,000 lebih dalam masa tiga bulan, bagi tiga mereka dapat RM2,000.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya tak berapa nak percaya sikit ni.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kalau tak percaya pergi tanya penanam itu sendiri di Pasir Nering.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaflah. Dulu kata tanam kelapa sawit boleh sekian-sekian banyak tapi tak jadi jugak. Ingat tak masa jawab tanam kelapa sawit tepi rumah tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Hah, ini Roselle, pergi tanya di Pasir Nering, lepas ni boleh saya bawa pergi ke sana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebab saya berpengalaman dengan Roselle ni, saya telah bawa Roselle ni sampai ke Chicago, ke luar negara. Sebab saya ada pengalaman tentang Roselle ini sebab itu saya tanya betul atau tidak pendapatan sampai RM2,000 tu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Lepas ni kita boleh pergi ke Pasir Nering.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya mintak dijawab dalam sidang .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tanya kepada penanam itu sendiri berapa pendapatannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, saya mintak Exco tanya dan jawab di sidang yang akan datang.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dah saya jawab dah kan. ...(Sambil gelak) ... Betul dah, saya dah jawab tu.



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak mintak penjelasan, berapa sebulan dia (petani) boleh?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): *Kalu* hasil dia baik, pendapatannya di antara 5 hingga 10 .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *Doksoh kalu...kalulah*, yang dapat dah berapa?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Hak dapat dah, kalu satu hektar .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *Doksoh kalu...kalulah*, maknanya yang dia dapat dah berapa *mo'oh*? Yang pernah keluarga itu dapat dari jual Roselle ini berapa?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Lebih kurang RM2,000 kalu dia boleh keluar lima .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Kalu pah ke cerah, kalu sokmo.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *Kalu-kalu sokmo* ni macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dia, ada yang boleh keluar 5, 10.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, soalan mudah aje. Berapa pendapatan seorang petani bila dia tanam sekarang ini, yang telah berlaku, dia tanam dan dia dapat berapa *mo'oh* sebulan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sekarang ini? *Kalu* berapa hektar dia tanam?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak tahu, mana kita tahu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dia ikut hektar ...(sambil gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jadi berapa yang dia tanam?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tak, kalau saya nak jawab, kalau Wakil Ladang kata saya ada tiga hektar, berapa pendapatan tiga hektar itu. Eh, saya ada 20 ekar, jadi berapa pendapatan 20 ekar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf, *balloh* sikit ni. Gurau sikit.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya jawab ni. Kalau mengikut satu hektar, satu hektar ini dua ekar lebih, 2.4 ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dia tanam berapa hektar?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kalau dia tanam 2.4 ekar (1 hektar). Kalau dia boleh mengeluarkan 5 tan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Kalu-kalu ni* maknanya tak berlaku lagi.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Hulu Besut, Y.B. Ladang, cukuplah, kot.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Cukuplah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Hulu Besut, sila teruskan. Y.B. Ladang terima kasih, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Okey, saya teruskan. Terima kasih Ladang. Saya nak bagitahu hak Kelulut, nak sambung hak Kelulut tadi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak tanya sikit, minta laluan sekali. Nak tanya Kelapa Mantaq ni *guana* cerita?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Lepas ni lah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN MOHAMAD (Wakil Manir): Lepas ni kan takdok dah. Sikit aje nak tanya, apakah perkembangan sebenarnya sebab kalau kita tengok kelapa di Terengganu ni memang kurang, kita ambil daripada Indonesia, tak cukup-cukup, *guana* ni? Kalau nak kira Roselle dengan kelapa, lebih baik kelapa.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Okey, saya jawablah pasal dia jaga pertanian ni. Terima kasih Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nanti dulu Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya pun nak suka jugak ni. 2.5 ekar boleh keluar 5 tan? Ni kelapa sawit ke, Roselle, Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Roselle.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): 5 tan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Hor, 5 tan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Untuk tanah tanam Roselle. Roselle ni bunga Yang Berhormat bukannya kelapa sawit.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dia kira berat, tak kiralah bunga ke, kelapa sawit ke.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Laa ila ha ilallah. Roselle berat ke Yang Berhormat? ....(Sambil gelak) .... Kekgi kita buat

Undi Tidak Percaya pulak kan. Tak munasabah Yang Berhormat Yang Dipertua, 2.4 ekar dapat 5 tan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dia kira berat, tak kiralah dia kelapa sawit ke, dia tu bunga ke.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masalahnya Roselle ni bunga Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Roselle ni *ringan lelung*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Laa ila ha ilallah, hairan sungguh ada Exco begini.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tanya apanya, memang macam tu, dia kira berat. Bunga ke, kelapa sawit ke, apa pun, dia kira tan beratnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hulu Besut, teruskan dengan agenda lain.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Jadi saya sambung hak Kelulut tadi. Saya nak ambil peluang dalam Dewan ini semua, kita nak jadikan Kelulut ini sebagai salah satu tanaman untuk petani-petani atau pengusaha-pengusaha pasal dia ada unsur 3T untuk tambah pendapatan. Unsur 3T ni mudah saja. Pergi tinggal sarang, cukup bulan pergi sedut dan jual, mudah saja dan pendapatannya tinggi. Jadi ini selaras dengan Larian Kelulut yang akan dibuat oleh Kementerian Pertanian Malaysia untuk jadikan madu sebagai salah satu keluaran untuk negara kita.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak ni pun dikira tan jugak ke Yang Berhormat? .....(Sambil gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kira tan. Jangan gelak. Dah nak kira macam mana, cuba beritahu Wakil Paka?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kekgi pakai lori tangkilah, ke macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Semenjak nikah dua ni kira tan sahaja Yang Berhormat. ...(Dewan gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): ...(Gelak).... Betul tu. Jadi saya kira itu saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Nanti, nanti dulu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak mintak penjelasan sikit, boleh Hulu Besut?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Allahuakhbar!

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): ..... Saya mengambil peluang di sini, sempena Tahun Melawat Terengganu kepada Y.B.-Y.B. terutama Y.B.-Y.B. di sebelah sana turutlah kempen untuk bantu rakyat Terengganu supaya datang ke Terengganu dan belilah batik, belilah keropok lekor, belilah barangan tembaga, belilah Melon Manis Terengganu dan janganlah lupa bawalah balik Madu Ole-Ole Terengganu. Sekian, wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tambah, tambah, dan belilah Roselle.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Hulu Besut, panjang lebar. Sila, Kemasik meneruskan penggulungan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato'

Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil media dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya merakamkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana saya berpeluang dengan secara ringkasnya untuk membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Kali Ketiga Belas.

Di kesempatan ini, saya merakamkan sembah dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku sempena Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri kita. Dan saya secara ringkasnya *just* nak sentuh di mana Tuanku ada menyentuh di dalam Titah Ucapan Tuanku di muka surat 11 berkenaan dengan pembangunan yang menggunakan peruntukan Persekutuan iaitu Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu – Sungai Kemaman, Projek Rancangan Tebatan Banjir, Kemasik. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Besut yang mana menelan belanja sebanyak RM375 juta. Kerajaan Negeri juga begitu prihatin dalam membangunkan sektor-sektor lain, di antaranya; Sektor Ekopelancongan yang mana telah dikenal pasti salah satunya iaitu Setiu Wetlands. Juga dalam Titah Ucapan Tuanku berkenaan dengan keunikan ekosistem yang melibatkan tiga kawasan iaitu di Setiu, Kampung Mangkuk, Kampung Pengkalan Gelap dan juga Kampung Gong Batu di Setiu.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa dalam keadaan Kerajaan Negeri kita yang sedang mengalami kekangan bajet, usaha untuk terus membangunkan negeri kita, meningkatkan kesejahteraan masyarakat, penduduk negeri kita tidak diketepikan. Malah dipertingkatkan dengan usaha-usaha yang bersepadu dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi alhamdulillah, projek-projek ini insyaAllah, akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan saya rasa sebahagian besarnya akan terlaksana pada tahun ini.

Saya juga dengan secara ringkasnya ingin mengambil untuk menyentuh di dalam sesi soalan yang tidak berkesempatan untuk diberi jawapan tadi. Satunya, daripada Batu Rakit berkenaan dengan masalah hakisan pantai akibat fenomena ombak besar dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Jadi suka saya maklumkan bahawa dalam usaha kita untuk mengatasi masalah hakisan pantai secara orang kata yang bersepadu, yang

komprehensif dengan peruntukan sekali lagi daripada Kerajaan Persekutuan. Banyak projek telah diluluskan seperti; Pemuliharaan Muara Sungai Paka, Pemuliharaan Muara Sungai Setiu, Menaiktaraf Pantai Lagun Setiu, Muara Sungai Mercang, Pelancongan Pesisir Pantai Teluk Lipat, Pemuliharaan Muara Sungai Besut dan juga masalah hakisan Pantai Tok Jembal. Jadi saya nak maklumkan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan satu peruntukan kecemasan sebanyak RM1 juta untuk mengatasi masalah hakisan teruk di Tanjung Gelam di Mengabang Telipot.

Saya rasa itu saja ucapan ringkas dari saya dan saya mengambil kesempatan di sini untuk sekali lagi .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Mencelah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya menarik perhatian berhubung dengan hakisan pantai yang disebut tadi daripada projek Persekutuan. Apa yang disebut tadi hakisan pantai di Tok Jembal. Berapa sebenarnya jumlah peruntukan untuk hakisan Pantai Tok Jembal yang katanya baru diluluskan untuk mengawal hakisan ini? Kita nak dengar jumlah itulah.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang saya sebut tadi 'Hakisan Pantai Kampung Tanjung Gelam Di Mengabang Telipot' iaitu dengan belanja RM1 juta.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ya, ya, hak itu kita dah tahu, hak tu kemudian. Yang sebelum daripada itu, yang sekali dengan Muara Sungai Paka. Beberapa item tu, yang di bawah sekali.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi yang itu 'Mencegah Hakisan Pantai Tok Jembal' menelan belanja lebih kurang RM90 juta. Jadi saya .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak sambung daripada soalan tersebut. Saya difahamkan hakisan Pantai Tok Jembal ini sebenarnya telah dibaik pulih dan telahpun selesai termasuk dengan UMT RM90 juta. Jadi sekarang ni datang peruntukan baru untuk Tok Jembal pulak dengan RM90 juta, itu kita nak tahulah kenapa Tanjung Gelam jadi RM1 juta dan Tok Jembal boleh RM90 juta. Adakah *effect* kepada Tok Jembal itu terlalu berat sehingga Pantai Mengabang Telipot ini *takdok* kesan apa-apa sehingga diperuntukkan RM1 juta sahaja?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tepoh, jadi sebenarnya yang peruntukan tambahan RM1 juta itu sebab nak *cover* yang sebahagian hakisan yang berlaku di luar daripada kawasan yang dikenal pasti untuk masuk dalam bawah Projek Tok Jembal. Jadi yang RM1 juta ini bukan nak kata hakisan di Tanjung Gelam ini tidak besar, bukan. Cuma skop kerja itu tidak merangkumi keseluruhannya. Pasal itulah Kerajaan mengambil keputusan untuk *extendkan* lagi, untuk tambahkan sedikit lagi peruntukan. Jadi saya rasa .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Nak mintak penjelasan sikit lagi. Maknanya RM90 ni untuk Tok Jembal terus sampai ke Pantai Mengabang Telipot, pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ya.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi saya sekali lagi mengambil kesempatan ingin melafazkan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan juga saya merakamkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas perkenan Tuanku mencemar duli menyampaikan Titah Ucapan Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kali Ketiga Belas. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Kemasik. Sebelum saya meneruskan meminta pihak Kerajaan meneruskan penggulungan, saya mengalu-alukan kedatangan dua



orang Senator hadir bersama-sama dengan kita iaitu Y.B. Senator Haji Abdul Rahman bin Mat Yassin dan Y.B. Senator Hajah Engku Naimah binti Engku Taib. ....(Tepukan sokongan) .... Sila Y.B. Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan para hadirin yang saya hormati sekalian. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merafakkan sembah serta menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari Perasmian Majlis Pembukaan Dewan baru-baru ini.

Melalui Portfolio Belia Dan Sukan akan menyahut seruan serta Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu akan mengadakan program-program sukan di Terengganu yang berkait rapat untuk menarik lebih ramai orang-orang daripada luar untuk masuk ke Terengganu melalui program-program sukan yang dengan izin Dato' Yang Dipertua, Sport Tourism seperti Sukan Berbasikal, Sukan Berkuda dan Sukan Memanah. Ini juga telah kita atur program-program untuk membawa masuk daripada luar untuk mereka mengadakan akademi-akademi dan latihan-latihan sukan di Negeri Terengganu ini yang sesuai dengan kita dalam usaha untuk mengerakkan ekonomi kita dalam keadaan yang sebagaimana semua sedia maklum.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang berkait dengan saya, ada dua persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Putera semalam iaitu berkaitan dengan bantuan kepada NGO Kebudayaan. Sebagaimana yang telah sedia maklum bahawa bantuan kepada NGO Kebudayaan dan sebagainya ini ianya terletak di bawah portfolio yang berkaitan bukan saja di bawah Belia Dan Sukan. Apa-apa portfolio di bawah Belia Dan Sukan kita telah menyediakan peruntukan yang secukupnya iaitu Bantuan Pentadbiran. Dalam keadaan ekonomi yang berada pada hari ini, saya ingin tegaskan dan maklum kepada semua persatuan bahawa kita telah dipersetujui dan akan memberi Bantuan Pentadbiran kepada mereka sebanyak separuh dahulu buat permulaan ini. InsyaAllah, jika keadaan ekonomi pulih kita akan memberi sepenuhnya sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar iaitu pada tahun ini kita akan memberi sebanyak RM5,000 bagi setiap persatuan yang aktif di Negeri Terengganu ini. Pada tahun lepas, 100% telah kita beri dan dalam keadaan ekonomi sebagaimana

sekarang ini, saya telah maklum bahawa kita akan menyediakan peruntukan itu hanya separuh dahulu. Dan insyaAllah, kita akan teruskan sekiranya ekonomi kita baik dalam pertengahan tahun akan datang.

Berkaitan dengan Program TOM iaitu program orang-orang muda dan belia-belia Negeri Terengganu. Melalui program ini juga kita telah merancang dan telah menyediakan satu modul khusus untuk orang-orang muda di Negeri Terengganu yang khususnya kepada penerima Bantuan Dana Remaja Negeri Terengganu. Melalui program ini, kita mensasarkan bahawa tahun ini hampir 10,000 orang sahaja yang akan kita laksanakan. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, program ini juga mungkin sedikit sebanyak akan berpandu kepada peruntukan yang akan kita terima dalam keadaan sekarang ini. Dan insyaAllah, Yang Berhormat Kota Putera, kita akan laksanakan dan kita akan buat yang terbaik untuk golongan anak-anak muda di Negeri Terengganu.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan bahawa sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu untuk meneruskan dan juga mempertahankan kesinambungan kepimpinan beliau yang mana kita yakin dan percaya bahawa dengan perubahan-perubahan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat insyaAllah, akan memberi dan memantapkan lagi Negeri Terengganu. InsyaAllah Yang Amat Berhormat,

Patah saya bertongkat paruh,  
Patah siku bertongkat dagu,  
Patah dagu bertongkat kuku.

InsyaAllah, kita akan tetap berada di belakang Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Wallahuwa'alam. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Wakil Telemong. Seterusnya, sila Wakil Kuala Berang.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbia iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pertama-tamanya, saya juga ingin mengambil kesempatan pada pagi ini mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih di atas penyertaan bahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas Usul Kerajaan yang saya bawa berkait Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Pembukaan Dewan pada 7 haribulan yang lalu.

Dato' Yang Dipertua, menggulung ataupun ucap terima kasih kepada pertamanya, ADUN Rhu Rendang yang sebenarnya saya berada di Dewan ini sudah lama dan sama dengan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang. Dan ucapan pada kali ini sangat bererti dan saya merasakan kita sebagai Ahli Dewan semuanya memang sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat di mana Yang Berhormat memulakan dengan nasihat untuk mengingatkan kita sempena dengan ayat Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri yang melakukannya." Ini meletakkan kita dan dipanjangkan tafsiran oleh Yang Berhormat kepada transformasi yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada ketika ini di bawah prinsip ataupun kaedah TTB (Transformasi Terengganu Baharu) yang tidak lain tidak bukan saya nampak untuk membawa dan untuk meletakkan negeri dan rakyat Terengganu ke arah, ke hadapan yang lebih maju. Jadi Yang Berhormat Rhu Rendang memanjangkan lagi supaya transformasi itu jangan ke arah negatif, kemudian Yang Berhormat menyatakan dan kita sendiri mengesahkan bahawa dari segi geografi Negeri Terengganu yang mempunyai pantai, laut yang panjang tentu sekali hasil yang banyak, lokasi yang strategik yang terdampar di pantai kita ini yang paling dekat dengan negara-negara maju di sebelah timur seperti Jepun, Korea dan China yang mesti kita ambil peluang untuk kita majukan negeri kita ini yang kita tahu ketinggalan atas geografi itu juga negeri kita tertinggal pada masa yang lalu.

Dato' Yang Dipertua, maka beliau juga menyebut bahawa perlunya ada sebuah pelabuhan kita perjuangkan dan kita letakkan asas-asas yang ada ini supaya ia menjadi manfaat kepada rakyat dan negeri. Dato' Yang Dipertua, saya bersama

dengan nasihat ini, dan saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sekalipun dan insyaAllah kita akan cuba sedaya upaya untuk memastikan segala manfaat ini atas kebolehan dan kemampuan kita, kita laksanakan dengan sokongan semua pihak. Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa soal pelabuhan di sebelah utara .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bandar, sekejap Bandar, saya nak selesaikan yang Rhu Rendang ini dahulu. Sekejap lagi.

Selain itu, kita dah ada pelabuhan di selatan, Pelabuhan Teluk Kalong di Kemaman bersama-sama dengan pelabuhan perdagangan dan juga pelabuhan khas gas dan petroleum yang sebenarnya memang dah sangat penuh dan mendapat sambutan yang luar biasa. Kita sangat-sangat perlu pelabuhan kedua di sebelah utara. Inilah yang sedang dibuat kajian bersungguh-sungguh dan juga perlaksanaannya dan kita telah menerima banyak sokongan daripada pelabur untuk memulakan pembinaan pelabuhan ini dan insyaAllah ia akan menjadi kenyataan selepas beberapa perkara teknikal dan kelulusan yang akan kita laksanakan.

Yang keduanya, Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Kargo Hab di Lapangan Terbang Antarabangsa kita di Kuala Terengganu dan juga Hab MRO untuk pesawat-pesawat yang berdaya saing, pesawat-pesawat besar untuk menjadikan Kuala Terengganu sekali lagi sebagai pusat ataupun sebagai *centre*, dengan izin, kepada urus niaga peringkat antarabangsa. Kemudian, insyaAllah, bertepatanlah dengan apa yang disebut oleh Rhu Rendang dan perkara ini termasuk dalam proses yang dikatakan TTB sebentar tadi. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencelah di peringkat awal ucapan penggulungan Yang Berhormat Exco tadi. Saya nak bertanya pandangan kerana Yang Berhormat adalah Exco Kanan dalam Dewan ini. Sesi kali ini adalah sesi perbahasan Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu. Selalunya secara *convention*, seluruh Ahli Dewan diberi peluang untuk menyatakan Ucapan Menjunjung Kasih terhadap Titah tersebut. Tapi pada kali ini saya tengok hanya beberapa orang sahaja yang berpeluang untuk berucap

dan hari ini terus kita mengakhiri dengan Sesi Penggulangan yang agak cepatlah. Saya rasa ini tidak *convention*, amalan di Dewan-Dewan Undangan Negeri di negeri-negeri lain untuk sesi Titah Ucapan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh saya tahu, *point of order* mana Y.B. rujuk?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini *convention*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya lah, Kita mesti mengikut Peraturan Dewan. Jadi saya tak nampak di mana dan dalam klausa mana dalam buku merah ni?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak bangkit tentang Peraturan Mesyuarat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempalam): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Wakaf Mempalam tak apa, saya tak minta untuk bangun lagi Wakaf Mempalam. Teruskan Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, saya tidak memetik Peraturan Mesyuarat. Saya kata sebagai *convention*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, teruskan. Dalam undian boleh undi untuk sokong nanti, insyaAllah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dalam undian nanti boleh mengundi. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato', dah selesai?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Belum.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, ini ruang saya. Kalau dah selesai celahan tu .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Belum lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, celahan tu panjang sangat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mencelah tapi Dato' Speaker mencelah saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya berhak untuk mencelah pada bila-bila masa. Teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Masalahnya ialah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya faham .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita tidak memberi ruang yang sepatutnya kepada semua Ahli Dewan untuk menyatakan, menjunjung kasih dalam ucapan menggulung Titah Ucapan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya faham sebab itu saya kata tadi pada awalnya kita telah mendapat semalam Usul Menjunjung Kasih daripada Presiden, yang paling besar ni. Jadi saya rasa sudah mencukupilah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya kata amalan secara *convention* kita benar kepada semua Ahli Dewan, kita ada 32 .....

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat Bandar ni dia kelirulah antara peraturan dengan kebiasaan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Memang, peraturan lain, *convention* lain.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi kebiasaannya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar tak apa, teruskan kepada .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya sebut secara *convention* bukan peraturan. Sebab itu saya kata amalan *convention* .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya ingat dah selesai masa yang saya beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak tahu kenapa Yang Dipertua buat keputusan hari ini tidak membenarkan Ahli Dewan untuk berucap?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan mana yang membolehkan Bandar bertanya keputusan yang dibuat oleh saya sebagai Speaker?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak dengar ada *ruling*, tiba-tiba saja kata tidak ada perbincangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. masuk lewat tadi, orang lain dah masuk semua tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat okeylah Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. masuk lewat tadi. Sila, sila, saya tak benar dah. Bandar sila duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kenapa? Alasan kenapa tak bagi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lain kali masuk awal sikit Y.B. Bandar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya itu bukan ruang saya untuk menentukan *ruling*. Dalam Dewan ini Speakerlah yang menentukan apa yang saya sebut tadi Usul Kerajaan itu yang dibawa oleh saya bukan Peraturan Dewan ini ditentukan oleh saya, Yang Berhormat Bandar.

Dato' Yang Dipertua, saya teruskan penggulungan ini dengan sekali lagi kita nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar yang menyebut dalam perbahasan hari kelmarin dan juga apa yang disebut juga dalam Titah Tuanku Sultan, cadangan kawasan Kuala Terengganu Special Economic Zone (KTSEZ) dengan izin, yang meliputi kawasan seluas 729,000 hektar yang pada radiusnya 75 kilometer radius ke utara, selatan dan timur. Pada dasarnya, kalau ke utara sampai ke Penarik, Setiu. Ke baratnya sampai ke Bukit Besi dan ke selatannya sampai ke Rantau Abang lebih kuranglah radiusnya.

Jadi apa yang disebut oleh Bandar supaya perlu adanya satu Risked Investment Analysis kepada pembangunan di sini. Saya akui sebenarnya Dato' Yang Dipertua, untuk pemahaman dan juga untuk makluman anggota Dewan dan juga para Pemerhati, Special Economic Zone ini kita pohon khusus daripada Kerajaan Pusat untuk menjadikan sebagaimana Titah Tuanku keseimbangan ekonomi kepada negeri kita yang memanjang. Negeri kita ini istimewa daripada Besut sampai ke Kemaman dan kalau kita tengok di sebelah selatan pembangunan kita telah tepu seperti di Kertih, di Teluk Kalong dan di Cukai sendiri pun kemudian sampai ke Paka di mana kita lihat lebih 50% penduduk di Negeri Terengganu berada di lembangan tengah Terengganu. Kalau kita tengok di Daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Hulu Terengganu dan Setiu yang rata-ratanya kita sebut pasal pendapatan ekonomi, sebut pasal peluang pekerjaan dan sebagainya. Maka di bawah TTB ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menubuhkan Majlis Ekonomi Negeri sepertimana Economic Council di peringkat Federal. Kemudian, dari segi pelaksanaannya ditugaskan kepada Unit Perancang Ekonomi dan juga tambahan satu Unit Tindakan Ekonomi Negeri (U-TEN) yang akan melaksanakan secara tersusun kepada pembangunan ini. Kita harap sempadan yang saya sebut tadi 729,000 hektar



persegi yang kita sebut daripada Bandar Kuala Terengganu yang sekitarnya tadi akan dipacu, akan disusun segala pembangunannya berlandaskan kepentingan untuk menaikkan sumber pendapatan isi rumah, KDNK Negeri dan juga pertumbuhan ekonomi dan insyaAllah sebagaimana kata Bandar tadi, insyaAllah melalui kawasan ini juga kita akan letakkan insentif-insentif yang istimewa, yang tambahan kepada insentif yang sedia ada supaya menjadi daya tarikan yang kuat kepada pelabur-pelabur untuk mari melabur di kawasan tengah ini. Dengan insentif sedia ada daripada ECER, MIDA juga agensi-agensi lain dan juga Kerajaan Negeri, insyaAllah insentif tenaga buruh, insentif-insentif infrastruktur dan sebagainya akan kita bina dan tentu sekali Risked Investment Analysis yang dibangkitkan itu akan dibuat atas setiap kes pelaburan yang akan masuk ke kawasan ini. InsyaAllah Dato' Yang Dipertua dan .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh mencelah sikit. Nak mintak pencerahan aje.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tentang Special Economic Zone ini, boleh tak untuk peringkat awal ini Yang Berhormat Exco namakan beberapa projek yang telah dikenal pasti di luar kawasan Daerah Kuala Terengganu yang telah dikenal pasti yang diletakkan di bawah atau di dalam kawasan Special Economic Zone ini?

Dan saya juga ingin bertanya tentang kawasan yang pernah digazet dulu di kawasan Pulau Kerengga untuk Projek Oil Refinery di Pulau Kerengga. Apakah nasibnya atau adakah kawasan itu masih digazet untuk tujuan itu ataupun bagaimana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Ladang. Rancangan ini yang saya sebut tadi kalau nak huraikan panjang di mana kesungguhan TTB Kerajaan Negeri kita telah memulakan dengan lab kursus selama 6 minggu dan sekarang ini masih berjalan. Dan dalam lab ini kita kumpulkan pemain-pemain industri, pakar-pakar dan semua

yang terlibat di bidang masing-masing dan setelah kita kaji akhirnya setakat ini Yang Berhormat telah terhasil lebih daripada 50 iaitu 72 EPP (*Entry Point Project*) yang kita panggil yang kita tumpukan di kawasan-kawasan ini. InsyaAllah, daripada projek ini ada di antaranya ..... Nanti dulu saya habiskan, Bandar sekejap. Saya selesaikan yang ini dulu. Termasuk sebab saya tak sebut tadi kerana tak nak mendahului keputusan Kerajaan tetapi saya sebut ni dah masuk lab dan kita dah masak semasak-masaknya dan akan dibentangkan dalam Town Hall dan sebagainya. Cuma disebut tadi Pulau Kerengga, disebut tadi di luar Kuala Terengganu sebenarnya itulah di antara 71 dan 72 EPP itu. Termasuk juga pelabuhan, saya dah sebut tadi Hab Kargo, saya dah sebut tadi MRO dan saya akan sebut jugak sebenarnya kita akan memanfaatkan sepenuhnya lebuhraya yang menghubungkan Pantai Timur ke Pantai Barat, LPT1 & 2 termasuk LPT3 yang diperjuangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Dan insyaAllah, inilah tarikan sebenarnya kepada pelabur kerana selama ini orang tak mari ke Terengganu kerana orang kata Terengganu ini yang ke nombor tiga, nombor empat yang dia orang fikir untuk mari sebab dia kata kita jauh, tak ada pelabuhan, tak ada lapangan terbang, tak ada perkhidmatan kargo dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Err....sikit tentang pelabuhan tu, kalau boleh beritahu Dewan di mana agaknya pelabuhan itu akan dibina?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Saya tak boleh nak khaborlah di mana lagi sebab keputusannya belum ada lagi Yang Bertormat. Kalau keputusan dah ada, maksud keputusan itu Kerajaan perlu menetapkan di mana yang sesuai, kajian itu telah dibuat sekarang ini di mana dalamnya, di mana itunya dan sebagainya dan diletakkan di mana. Tapi dalamnya tadi kita punya SEZ itu, insyaAllah sampailah masanya itu Yang Bertormat. Tidak di Ladanglah. Ya, Bandar.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Penjelasan. Tadi ada penerangan berkenaan dengan radius kawasan tersebut. Semalam saya ada bangkitkan isu selain daripada RIA itu, saya bangkitkan berkenaan dengan nilai pelaburan kasar dia, GDV (*Gross Development Value*) yang biasanya kita boleh

kiralah kalau kita buat *marking* untuk kawasan pembangunan ekonomi eksklusif baru. Tapi saya ada satu kemusykilan lain di mana kawasan yang ditanda sebagai kawasan baru ini juga sebenarnya termasuk dalam perancangan ataupun pemetaan ECER (*East Coast Economic Region*) yang telah berjalan lebih pada 6 tahun. Jadi *redundant* kedua-dua ini dengan izin, adakah ia mengambil kira nilai yang sama ataupun sekadar *expanding* daripada ECER saja? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Bandar. Setelah kita *marking*, kelulusan SEZ dapat diberi kita harap dengan segera oleh Town Council dan Kerajaan Pusat, sebenarnya kawasan ini akan menjadi kawasan di mana kita akan dedahkan promosinya sebagai kawasan istimewa. Jadi dari segi nilai GDV itu tidak boleh dikira lagi sebab kita terbuka kepada pelabur yang akan datang dan sebagainya. Tetapi setakat ini yang saya sebut tadi sebanyak 71 projek daripada 18 EPP yang saya sebut tadi setakat ini kita jangka melebihi RM41 bilion pelaburan yang dikenal pasti. Kemudian dalam jangka masa 5 tahun tetapi dalam bentuk GDP (Gross Domestic Product) yang akan datang. Tetapi perkara ini Yang Berhormat Bandar, Dato' Yang Dipertua, kita tidak boleh pastikan sekarang kerana ini adalah langkah penyusunan kita untuk menjadikan kawasan ini istimewa. Termasuk Yang Berhormat kata tadi ECER memang daripada Tumpat sampai ke Mersing. Kemudian dalam Pelan ECER itu sendiri, Kuala Terengganu adalah pintu masuk pelancongan ke Pantai Timur, ke negara kita dan tentu sekali berada dalam SEZ ini. Jadi kita tambah, kita *compliment* kepada ECER, kepada MIDA, kepada segala insentif yang ada termasuk juga harta yang termahal di negeri kita ialah sumber manusia iaitu nilai orang Terengganu, orang Terengganu ini baik, orang Terengganu ni peramah, suka orang Terengganu ni rajin bekerja. Ini dia nilai-nilai yang kita letak di sini supaya ia menjadi tarikan kepada pelabur seperti yang disebut oleh Rhu Rendang, kita berada dekat dengan Korea, kita berada dekat dengan Jepun, China dan sebagainya. Tapi jika kita tidak ada nilai, kita tak buat sesuatu maka tidak guna kawasan kita ini.

Dato' Yang Dipertua, insyaAllah, perkara yang lebih penting dalam keadaan kekangan ekonomi Kerajaan pada ketika ini Dato' Yang Dipertua, kita pentingkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bersama-sama dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kita pentingkan dua perkara iaitu dengan izin, *private driven* pelabur-pelabur yang kita bawa. Kemudian, kita utamakan juga kepada rakyat supaya mereka dengan izin, boleh *generate income* di kawasan ini

sendiri dengan *whatever value for money, whatever* apa yang Kerajaan bina ini supaya boleh mendatangkan pendapatan kepada keluarga mereka dan kawasan mereka sendiri. Kita sasarkan 85% daripada 71 projek yang kita kenal pasti itu adalah daripada pengusaha swasta ataupun *private* yang saya katakan tadi. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato'. Dato' Yang Dipertua, saya hanya sekadar nak mendapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Exco, pelaburan yang disebut tadi bernilai RM41 bilion untuk 71 projek .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): GDP.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): .... daripada 18 EPP .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): GDP. Saya minta maaf, bukan daripada nilai keseluruhan. Nilainya tak boleh dikira lagi sebab projek tak mari lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sebab saya dapatkan pengesahan ini kerana laporan yang dibuat pelaburan bernilai RM15.1 bilion untuk 18 EPP seperti yang telah dicatatkan dalam berita yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Pohon pengesahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itu betul, itu nilai yang GDP tadi. Minta maaf, GDP tadi adalah lebih RM41 bilion.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): GDP ke, GDV? Yang mana satu ni, *Gross Development Product* atau .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Product*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan *value*?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Belum lagi *value*. *Value* kita belum .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pengiraan *Gross Development Value* maksudnya secara kasar sahaja, itu dipanggil *gross*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itu yang disebut oleh Tepoh tadi. RM15 bilion tadi.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, seterusnya, saya tak nak panjang lagi dah Yang Berhormat, saya ingin bagi pihak semua Ahli Dewan, saya nak menyatakan di Dewan ini bahawa kita tidak melakukan kesalahan apabila Wakil Kijal membangkitkan kita telah meluluskan Laporan PERMINT (SEDC) Tahun 2013 pada dua sidang yang lalu yang mana ada legasi-legasi yang tertinggal .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): ...[Bangun]....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Duduk, duduk, saya tak nak beri, benar, dah selesai, saya nak pergi ke lain dah ni. Terima kasih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab apa yang saya nak tanya ni ada kaitan dengan insentif yang disebutkan tadi yang berkaitan dengan jaminan pekerja tempatan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yalah, saya kesian dengan Rantau Abang ni. Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey, terima kasih Yang Dipertua. Terima kasih Y.B. Exco. Projek yang nak dilaksanakan ini sebanyak 71 projek, ianya agak besar cuma saya nak dapatkan kepastian takut kita terlalu mengharapakan projek tapi tenaga kerja pemuda-pemuda kita, tenaga-tenaga kerja tempatan takut-takut kita terabai. Saya minta pencerahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, saya faham. Terima kasih. Insyallah, projek tak berjalan lagi sebagaimana saya katakan tadi insyaAllah, kita ambil kira semualah. Kalau boleh saya kata macam Yang Berhormat Telemong cakap tadi 100% biar semua orang kita yang bekerja. Saya faham Yang Berhormat, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Kalau 100% saya rasa tak munasabah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, maksud saya kita ambil kira. Tak usah bahaslah yang ini, kita ambil masa orang lain.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tak jawapan ini jawapan dalam Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Takkan semua 100%. Mesti kurang daripada itu jadi jawapan tu biar realistik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat. Cikgu duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya faham .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar kata saya dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ya, betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Faham, duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tak faham tu yang saya tak duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sila duduk. Sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Itu arahan, kena Speaker arah. Nak jadi Speaker semula dah Yang Berhormat ke guana? Hak tu serah ke Speakerlah hak duduk, duduk tu bukannya kerja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, ni ruang saya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kelmarin kata nak suruh ikut peraturan. Hak suruh arah duduk ni, Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yalah, saya faham. Saya nak jawab ke dia sebab itu saya suruh duduk. Peraturan kata, bila seorang bercakap seorang lagi kena duduk. Dia bercakap saya duduk.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Betul dah, Yang Dipertua ada, ke nak rampas jadi Yang Dipertua pulak?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah hak kebenaran beri bangun pun Speaker jugak. Yang Berhormat bangun takdok kebenaran Speaker jugak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hor, sibuk sokmo Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak, Paka kata ke orang suruh duduk kena kebenaran Speaker tapi dia bangun tak mintak kebenaran Speaker. Ni macam mana? Hala ke orang salah belaka .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Takdok masalah apa pun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B.-Y.B. duduk, sabar. Saya faham dah, tengah hari ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kuala Berang sambung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya kata tadi, ini perancangan yang disusun oleh Kerajaan, kita nak menikah anak pun kita susun kad mana yang paling comel sekali, kita mampu kita buat kenduri dan sebagainya. Begitu jugak kita nak bangunkan negeri apa yang disusun tadi dan kita ambil kira sebagaimana Yang Berhormat Rantau Abang kata tadi pekerja, kita ambil kira. Kalau boleh, saya kata. Hasrat kita kalau boleh biarlah orang kita semua bekerja sebab dasar kita, dasar TTB adalah nak memberi pendapatan pada isi rumah. Pertumbuhan ekonomi kepada negeri. Jadi kita ambil sama-sama nanti, kita kerja sebagai satu pasukan, Rantau Abang kata: "Mu jangan malas kerja, gi kerja nun." Jadi kita sama-sama dalam soal ni, bukan soal nak bahas. Makan masa orang lain, makan masa panjang 3 hari 3 malam tak habis. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bukan saya nak bahas tapi saya nak peringatkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab anak muda kita sekarang ini tak ada kerja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Inilah yang kita nak wujudkan pekerjaan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ya, betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya faham. Saya peringatkan dalam perancangan yang akan datang ini .....



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ingatan diterima. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): .....benda-benda ni biar kita rancang dengan baik .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Payah nak cakap ni. Dato' Yang Dipertua, kalau saya kata saya faham, suruh duduk kan, kata nak jadi Speaker pulak.

Okey, Dato' Yang Dipertua, saya nak habiskan, saya tak nak beri lagi laluan Dato' Yang Dipertua, saya ingat lepas ni penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Laporan PERMINT yang saya kata tadi kita luluskan, kita bertanggungjawab semua sekali 31 ahli, waktu itu saya tak tahu kehadiran Kijal tetapi Kijal sebut kemudian setelah kita lulus waktu pagi. Saya teliti balik dan disebut oleh Kijal semalam supaya kita tarik balik laporan yang telah kita luluskan. Saya sebenarnya pada sebelah petang dalam penggulungan bagi pihak Kerajaan, saya sebut kita mohon maaf di atas kekhilafan legasi sebab laporan ini tidak termasuk dalam laporan tahunan, tetapi yang depan-depan tu, gambar-gambar tu Pengerusi Tahun 2013 tidak dimasukkan tetapi ada di dalam tu, saya pun bawa di sini, dia tidak memerlukan, maksud saya tidak memerlukan untuk kita tarik balik. Saya tak nak kelirukan Dewan sebab disebut kelmarin, bila diminta kita tak tarik balik seolah-olah kita semua buat kesilapan. Jadi saya ingin beritahu sekali lagi bahawa laporan ini betul dan kekhilafan ataupun kekurangan itu tidaklah menyebabkan kesilapan ataupun kesalahan kepada laporan ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Isu ralat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, ralat sahaja. Ini jugalah dijadikan isu yang menyebabkan 14(6) kelmarin dikeluarkan. Saya rasa ini Dato' Yang Dipertua, saya nak kait kepada .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat tidak boleh mengelirukan di sini sebenarnya ralat tu kita kena cetak dan tampal pada buku itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak ada ralat. Tidak ada kesalahan. Saya dah sebut dah dalam Dewan, tidak ada kesalahan, ralat pun saya rasa .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak bermaksud nak bertegang atau apa-apa, cuma amalan biasa kalau kertas *statute* kerana dokumen itu adalah kertas *statute* yang kita tanda Terengganu berapa-berapa .... itu merupakan kertas *statute*. Kertas *statute* kalau ada kesilapan, kita kena *issue*, kita kena buat pengisytiharanlah ralat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itu yang saya terangkan di sini, tandatangan Pengerusi ialah Yang Berhormat Kijal yang tandatangan cumanya yang tidak adalah gambar sahaja kerana gambar tu adalah Pengerusi semasa, Director semasa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi saya nak khabornya Yang Berhormat juga, saya pun juga termasuk Dewan keseluruhan ni, kita luluskan ni tanpa kesilapan, tanpa ralat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya cadang dokumen yang telah diedar ke library atau ke mana-mana tu kita *issue* balik ralat kerana ada .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Takdok ralat. Takdoklah Yang Berhormat nak kena betulkan nombor silap, ke apa yang silap, takdok. Takdok ralat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang masalahnya apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak nak panjang-panjangkanlah Yang Berhormat, saya tak nak kelirukan Dewan ini sebab takdok masalah apa-apa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak ada salah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Cuma gambarnya sahaja, gambar tu bukan termasuk dalam laporan. Pendahuluan tu gambar-gambarnya tak ada, legasi tak ada.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau tak silap saya tahun lepas yang dibisingkan itu sebab tandatangan kepada laporan kewangan tu dia kata orang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ada, yang itu ada.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul ke yang itu? Laporan Kewangan itu yang ditandatangani Pengerusi itu oleh orang lain bukan soal gambar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak nak panjangkanlah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya juga bangkitkan perkara itu atas kertas *statute*. Gambar ni saya tak minat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti saya baca balik dalam muka surat 66, Penyata Para Pengarah: "Kami Dato' Seri Haji Ahmad bin Said dan Dato' Haji Mazlan bin Ngah yang merupakan dua orang Lembaga Pengarah Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, dengan ini ...." Lepas tu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, Pengerusi yang tandatangan. Inilah sebagai bukti. Cuma dari segi gambar sahaja yang dibuat yang tidak menjejaskan apa-apa berkait dengan laporan tahunan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi saya nak selesaikan apa yang disebut oleh Baginda Tuanku dalam muka surat 17, yang menasihat kepada kita agar kita sentiasa patuh kepada Peraturan Tetap Dewan Negeri semasa bersidang supaya Persidangan Dewan dapat berjalan dengan teratur dan sempurna. Pada tafsiran saya, tidak lain dan tidak bukan yang mengendalikan sidang kita ini ialah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua maka Dato' Yang Dipertua mempunyai kuasa di bawah peraturan-peraturan yang diberi untuk melancarkan, menyempurnakan mesyuarat kita ini. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya nak ucapkan tahniah kepada Dato' Yang Dipertua, kerana apa yang dibawa oleh Wakil Kijal semalam, peruntukan 33, 33(6) dan (11), kemudian dikaitkan dengan Undang-Undang Tubuh Negeri atau Perlembagaan Negeri, hak ni lah yang jadi kita *serung* belaka ni. Saya termasuk semua orang seolah-olah kita telah melanggar Undang-Undang Tubuh Negeri, perkaranya, 14(6). Jadi saya tak nak memanjangkannya di sini tetapi .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak panjang lagi ke, kita kelmarin kalau jadi nak beri ke .. Menteri Besar. Dah dia gi sokong jugak, tak jadi Menteri Besarlah. Jadi-jadilah hak kelmarin tu, ke nak buat pulak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, kita kena matang dalam soal ini, kita tak nak keliru, kalau kita keliru, saya bercakap dengan Batu Burok tadi, kalau kita keliru, belakang nun, atas nun akan lebih keliru dan di luar sana akan lebih keliru.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap tahniah dan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang 14(6) yang disebut semalam sebenarnya sepatut di sebut di sini, selesai peraturan dulu baru pergi ke sini. Sebab 14(6) itu telah berlaku perkara dalam Dewan baru pergi kepada

Undang-Undang Tubuh, tak kena mengena yang kata kita langgar Undang-Undang Tubuh.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Betul ke gitu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bacalah, pergi dapatkan ini lepas tu baca.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sekarang ni .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Undang-Undang Tubuh tu adalah undang-undang tertinggi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak mahu beri ruang lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Undang-Undang Tubuh tu adalah kuasa tertinggi Yang Berhormat, jangan buat silap.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jangan buat silap pulak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Undang-Undang Tubuh adalah kuasa tertinggi yang mengatasi Peraturan Tetap kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Memang! Saya pun baca banyak kali dah. Yang Berhormat tak baca saya tak tahu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi kalau dibawa berkenaan Undang-Undang Tubuh, kita selesai Undang-Undang Tubuh tapi kenapa kata kena selesaikan mengikut Peraturan Mesyuarat kita. Dia tidak .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar, dengar saya kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar! Alur Limbat! Paka! Sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak usah timbullah isu ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap-sekejap Kuala Berang. Saya minta Bandar, Paka duduk, Alur Limbat duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak mahu duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya, saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong duduk dulu. Saya tak benar dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak benar dah dicelah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak akan duduk selagi dikatakan Undang-Undang Tubuh itu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu. Biar Kuala Berang bagi penerangan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak bersetuju kalau dikatakan buku peraturan ini *supersede* Undang-Undang Tubuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak, saya tak kata begitu Yang Berhormat! Duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar! Yang Berhormat Bandar! Salah tu fahaman, bukan *supersede* tak ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Guana* yang payah faham sangat Yang Berhormat Bandar ni, payah sungguh, kita faham.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau faham duduk, tak payah tanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah Yang Berhormat tak faham.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang berdiri ni bagi orang yang tak faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Itu yang jadi keliru tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak tanya ni, Speaker siap di sini ni?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Cukuplah Speaker bab ni, dahlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak duduk. Kalau dua-dua bercakap. Speaker pun tak nak dengar .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dengar Speaker bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ada undang-undang yang boleh saya gunakan, saya tak pernah menggunakan lagi untuk menggantung apa sebagainya. Saya minta supaya duduk, dengar pembentangan, nak celah, minta celah. Bila pencelahan .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya cadang buat macam kelmarinlah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti, kejap-kejap Manir. Manir kejap!!!

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dengar Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dengar! Jangan cabar saya. Saya boleh berlembut, adinunasihah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diam dulu. Paka diam. Assobirin minnas, saya sabar.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Berlembut dah ni. Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Allah yang menjadi saksi segala-galanya. Paka duduk. Kita letak Allah di depan, jangan kita letak perkara-perkara lain. Minta maaf, ada undang-undang, guna. Titah Tuanku pun baca, perundangan mana kita nak guna, sabar dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap, Paka duduk. Saya mahu menyelesaikan Bandar dan Kuala Berang. Peraturan Dewan mana pun, bila seorang berucap .....

Saya kata dah tadi bila mintak celah, undang-undang untuk mencelah bilamana dibenarkan celah, saya panggil nama, bolehlah mencelah. Bukan duduk berbincang, bertegang leher dan sebagainya. Kalau usul semalam tidak berpuas hati boleh buat rayuan dan sebagainya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ia tiada kena mengena dengan usul semalam. Ia berkenaan dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dan juga Peraturan Tetap Mesyuarat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila, Kuala Berang. Saya mintak Kuala Berang terus ke isu lain, tak payah panjang-panjang dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, Yang Berhormat, saya tak nak keliru. Saya tak sebut sama sekali .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kohor keliru rasanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kohor keliru masalahnya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat!



YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah kata tadi, kita nak buang buku merah ni ke apa? Kalau nak tukar buku merah, ini keputusan yang perlu dibuat oleh Dewan. Ini yang dibina oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lama dah. Kalau pakat bangun tak ikut peraturan, kita tak berjalan, sampai bila nak habis. Ikut satu persatu Peraturan Dewan, nak celah kena mintak baik-baik, kita ada adab. Nabi Muhammad telah mendidik kita untuk menjaga adab, akhlak yang baik. Saya tak pernah tinggikan suara bilamana saya bercakap sebelum ini. Duduk dulu Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak mintak penjelasan Yang Dipertua, tambah sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Paka. Terima kasih. Paka duduk dulu. Saya nak mintak Kuala Berang teruskan. Dengar, nak mintak penjelasan, nak mintak celah, mintak dengan Kuala Berang, ikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak pernah menyebut Dato' Yang Dipertua yang Peraturan Tetap Dewan *mensupersede* ataupun membatalkan Perlembagaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya menyebut apa yang disebut dalam perkara 14(6) dalam Perlembagaan Negeri, 14(6) itu menyebut sekiranya perkara itu berlaku dalam peraturan 33 ni sudah berlaku maka 14(6) itu tertaklukkan sama ada Menteri Besar nak mengadap Tuanku ataupun sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau Dato' Yang Dipertua izinkan semalam sebagaimana desakan kawan-kawan kita setiap hari usul sebegini rupa akan berlaku. Apa akan jadi kepada Dewan kita ini, setiap hari boleh bawa usul yang tidak tepat begitu. Jadi maksud saya .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Baru pertama kali, baru.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Alur Limbat, buat dengan cara yang betul kalau nak bercakap, ikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab itu saya kata Ahli-ahli Yang Berhormat, kita kena baca peraturan yang kita nak bawa, Yang Berhormat saya nak tegaskan di sini apa jugak peraturan yang kita nak bawa .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Penjelasan macam mana? Saya tak bagi ruang.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab ni *precedent case* ada dah tahun 1961, saya minta Yang Berhormat cuba terang macam mana perjalanan itu berlaku?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): 1961.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tahun 1961 saya masa itu kecil lagi tetapi saya baca. Pada ketika itu .....

Yang Berhormat kejap. Sabar Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya takdok lagi masa tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sabar Yang Berhormat ....(sorakan).....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, saya tak tanya pun Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Pada masa itu kita takdok di Dewan ini tetapi kita baca sebab itu kita tak nak buat kesilapan hari ini sebab besok orang akan baca hak kita. Jadi pada tahun 1961, Speaker membenarkan perkara itu dengan permohonan kepada Speaker. Mohon kepada Speaker. Apabila Speaker benar berlaku undian, undian itu berlaku berpihak .....

Dengarlah ini dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua boleh keluar *dok hansard* pada tahun 1961?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Pergi bacalah dalam *library* ada Yang Berhormat. Saya nak selesai ini sebab itu berlaku 14(6) dirujuk kepada Perlembagaan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sepatut kelmarin Speaker setujulah, kelmarin sama gok dengan hak dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau berlaku kelmarin dia akan berlaku bila-bila, tiap-tiap hari akan berlaku perkara begitu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 14(6) tu ada dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bacalah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya mintak izin Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta izin dengan Kuala Berang.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Minta izin sekali. Saya rasa tak payah buat *rulinglah* .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, saya .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dah cukup, berhentilah. Beri ke orang lain pulaklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, betul. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Payong cuma saya nak minta daripada Yang Dipertua, kita semua Ahli Yang Berhormat baca sebelum kita bercakap, sebelum kita faham. Baca buku .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Mana tahu kita tak baca?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya rasa Kuala Berang, janganlah memperlekehkan orang lain, kata orang lain dok baca.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau baca *bakpe jadi gini*, dok tahu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Bakpe dok* tahunya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dok tahulah *nok celah dok kena*.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya rasa cukuplah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya mintak Kuala Berang tarik balik sebab kita baca.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): *Dokleh kata ke orang dok baca*.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Minta Kuala Berang tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, semua duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab itu saya baca, saya buat penerangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini *floor* Kuala Berang.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Buat orang macam dok baca.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Memang dok baca.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kita baca, mintak tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Baca guananya tak faham, tarik balik apa.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kefahaman yang berbeza, cukuplah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jangan rasa Kuala Berang saja yang faham, kita tak faham.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Amboi, dia seorang aje yang pandai, orang lain tak pandai.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Pukul 1.15 dah. Cukuplah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Peristiwa tahun 1961 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dengar sini Yang Berhormat-Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan oleh Kuala Berang bahawa inilah undang-undang tertinggi ..... Kuala Berang....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Mu dok baca.*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Bakpe dok baca.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): 14(6) kata apa?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau dah baca baguslah, duduklah dulu. Dengarlah orang pulak dah hak kita baca dah. Bereslah tu.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang Dipertua, panjang sangat dah ni saya rasa.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Betul tu Dato' Yang Dipertua, hor... duduk dulu. Sabar, sabar. Beri peluang kepada Kerajaan pulak.

...[ Y.B. Dato' Yang Dipertua mengawal mikrofon semua Ahli Dewan untuk seketika ] ....

*Guana* tutup hok kita ni, bukalah..... (Sambil gelak) ....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tarik balik!

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya ingat Kuala Berang, dia dah keluar tajuk, Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kuala Berang tarik balik.

....[ Y.B. Dato' Yang Dipertua mengawal mikrofon semua Ahli Dewan untuk seketika ] ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Beginilah Dato' Yang Dipertua .....

....[ Y.B. Dato' Yang Dipertua mengawal mikrofon semua Ahli Dewan untuk seketika ] ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk, duduk kejam.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Takmbah duduk.*

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Mintak tarik balik sebab kita baca.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limabt): Kita baca. Mana boleh kata kita tak baca. Kuala Berang baca tak faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya tak nak melalutlah. Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana pengalaman saya dalam sidang yang lepas, dalam penggal yang kedua belas, saya duduk di kerusi yang sama malah saya rasa jubah yang sama saya pakai dengan Dato' Yang Dipertua, saya mempertahankan Dewan ini mengikut peraturan yang ada walaupun pada ketika itu perasaan saya dan suasana yang Ahli-ahli Yang Berhormat tak rasa sangat-sangat kritikal pada suatu-suatu ketika. Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan syabas kerana akibat daripada kita tidak memahami peraturan dan sebagainya tetapi saya pernah saya katakan pada Dato' Yang Dipertua kepada Dewan yang mulia ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Err... Yang Dipertua, boleh saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak nak bagi dah. Saya nak cerita pengalaman saya ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kan kita baik dua orang kan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Ladang ....(Sambil gelak)..... Saya nak habis dah ni. Luar *kekgi* kita makan nasi, saya belanja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Takdok dah* tengah hari.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, dalam penggal yang kedua belas, pernah ada ugutan bunuh, ada macam-macam anggapan, persepsi dan sebagainya. Malah saya duduk di kerusi Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sedar ketika itu, saya dapati lada hitam merata-rata di seluruh Dewan di tempat saya, sehinggakan saya .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat jangan *ranya* lada hitam apa dan sebagainya hak kes ugut bunuh ni ada kes dah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengarlah ni .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masuk mahkamah dah, masuk penjara dah. Saudara boleh sebut siapa dia hak tukang ugut-ugut bunuh tu, bukan orang PAS ke apa, main masuk lada hitam ke, apa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka!

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Berat, berat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rasa hak pengalaman Kuala Berang tu kita pun ada dalam Dewan tu, cukuplah *dok*, berhentilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nantilah, saya nak cerita perhabis.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak payah ceritahlah kita tahu dah rasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tu hak saya nak bercakap.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya tumpang sedihlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B.-Y.B., bagi ruang kepada Y.B. Kuala Berang nak *landing*. Kita pakat baca balik buku tu .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kita baca belaka dah, baca dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti sekejap, nanti sekejap. Sabar.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Gantilah hak lada hitam dia tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Buang masa aje, Dato' Yang Dipertua, sudah-sudahlah. Kita buka dia pecah balik. Stop.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Petang *kakranglah* pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Alur Limbat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak khabornya bahawa tindakan Dato' Yang Dipertua itu walaupun pahit, kita menegakkan peraturan dan kebenaran.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak Perak usung Speaker tu guana? Kerajaan Barisan Nasional di Perak buat lari Speaker, boleh tak kita pakai dalam Dewan ni?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Apa benda pulak campur tangan hak di Perak ni? Bincang hak Terengganu sudahlah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bila hak Barisan Nasional buat betul selalu. Peraturan benda, ada dua set undang-undang ke?



YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah *gi* tanding Peraklah, kalau dah *nelang*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tidak boleh merujuk kepada pihak lain .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kalau tidak kita *adjust* buat lari Speaker ni.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, saya rasa cukuplah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Cukup-cukuplah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kita serah kepada Yang Amat Berhormat pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Y.B. Kuala Berang, *landing* apa dan sebagainya yang patut. Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya rasa kelakar melihat orang yang .....

Saya tak tahulah, saya harap Pemerhati, ketua-ketua jabatan dapat menilai apa yang berlaku. Saya ingat perbandingan Allahyarham, ingatan Allahyarham bonda saya .....

Ini ruang saya.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jadilah, jadilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kepada saya dia kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita hormatlah sikit. Kita dengarlah sekejap, ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tukang Baiki Kereta tak boleh nak sama dengan Tukang Baiki Jam. Itulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, orang baiki jam ini kena berhalus, kena sabar, barangkali itulah hikmat kita di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya juga mohon menyokong sepenuhnya Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Razif Abd. Rahman dan kita pastikan Agenda Transformasi untuk Terengganu dapat kita

teruskan dengan jaya demi rakyat dan negeri tercinta ini. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Kuala Berang. Sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk membuat penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertama sekali saya nak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan walaupun ada kadang-kadang panas tapi itu biasalah dan lumrah Dewan kita. Ada yang minta penjelasan dan ada yang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Saya nak ucap terima kasih terutamanya kepada Yang Berhormat Rhu Rendang yang banyak memberi kritikan membina dan di masa yang sama cadangan balas untuk memajukan negeri dan juga rakyat Terengganu.

Seterusnya, saya nak sentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Tentang perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Air Putih berkait dengan isu Bauksit, apa statusnya terkini? Jadi Kerajaan Negeri belum membuat apa-apa keputusan sehingga kita mendapat laporan kerana sekarang ini masih lagi di bawah Moratorium yang telah ditentukan oleh Kementerian.

Berkait dengan isu Kota Putera, berkait dengan Perumahan yang juga ditimbulkan oleh Wakil Kijal. Jadi yang sebenarnya sepertimana ucapan dalam Bajet untuk tahun ini sebenarnya kita memang, Kerajaan Negeri telah mempunyai cadangan untuk membina 10,000 unit Rumah Mampu Milik lagi yang akan dimajukan oleh PERMINT. Dan sebenarnya memang banyak cadangan tapak yang bersesuaian dan juga proses-proses telah diambil tetapi memandangkan dari segi keadaan

kewangan sekarang, maka kita mengambil keputusan untuk melihat dan juga mendapatkan bagaimana cara-cara untuk kita nak menyediakan peruntukan dan buat masa sekarang ini adalah 16 cadangan tapak telah diberi kepada pihak Kerajaan untuk menilai dan untuk memastikan perkara ini akan dapat kita laksanakan termasuk juga tapak di Kota Putera dan juga tapak di Seri Bandi, Kemaman. Dan nanti apabila kita sudah mendapat bagaimana kaedah untuk menyediakan peruntukan ini maka tidak ada masalah. InsyaAllah, projek-projek ini akan kita jalankan.

Berkait dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bandar berkaitan dengan pelaksanaan Perumahan PR1MA di Terengganu. Kerajaan Negeri Terengganu kita mensasarkan untuk di bawah PR1MA ini sebanyak 5,000 unit dan buat masa sekarang ini PR1MA sedang berunding dengan beberapa pemaju tetapi kerana PR1MA tidak membenarkan Kerajaan Negeri untuk menghebahkan kerana ada Akta PR1MA tidak boleh menghebahkan dari segi perundingan dan juga ada beberapa perkara atau syarikat-syarikat yang akan dicadangkan. Tapi untuk makluman kepada semua bahawa setakat ini sebanyak 2,557 unit Rumah PR1MA telah dipersetujui dibina di beberapa lokasi di Negeri Terengganu. Cuma pentadbiran Negeri sedang meneliti permohonan Perbadanan PR1MA Berhad kerana ada beberapa pengecualian atau syarat-syarat yang dipohon yang sedang diteliti oleh pihak pentadbiran Kerajaan dan sekiranya perkara ini selesai, insyaAllah, 2,557 unit Rumah PR1MA ini akan dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Berkait dengan soalan daripada Wakaf Mempelam, Wakaf Mempelam ada bertanya tentang Bandar Baru Bukit Besar, apakah status terkini? Menurut daripada Unit Perancang Ekonomi, dua agensi Kerajaan Persekutuan telah memulakan pembinaan bangunan di Bandar Baru Bukit Besar iaitu Pejabat Kimia dan juga Pejabat Audit. Status terkini bagi dua projek fizikal ini, Pejabat Kimia 18%, Pejabat Audit 16%. Dan dari sudut pembinaan jalan raya pula, masih dalam proses dan telah dipersetujui oleh Kerajaan Pusat untuk kita membina, dengan izin, Bypass Bukit Besar, Bypass Kuala Terengganu dan sekarang ini dalam proses pengambilan tanah (belum selesai). Dan isu yang ditimbulkan katanya bahawa ada cadangan dulu yang nak mengambil daripada Pulau Pasir untuk kita nak menimbun tanah di Bukit Besar tapi memang cadangan itu telah dibatalkan kerana melibatkan kos yang sangat tinggi apabila dari segi penyediaan paip-paip untuk

bawa tanah itu ke Bukit Besar akan menelan belanja yang sangat tinggi maka projek itu telah dibatalkan.

Berkait dengan Perjanjian ataupun Royalti Air antara TNB dengan Kerajaan Negeri. Sebenarnya Kerajaan Negeri, kita ada tiga perjanjian yang telah ditandatangani terdahulu iaitu di antara 1987 hingga 1997 di mana Royalti Air yang perlu dibayar oleh TNB adalah sebanyak RM2 juta dan Fi Takungan Air adalah sebanyak RM918,250. Dan antara 1997 hingga 2007 adalah sebanyak RM4 juta dengan Fi Takungan Air sebanyak RM1,836,500 dan 2007 hingga 2017 sebanyak RM8 juta dengan Fi Takungan Air RM3,673,000. Hasil Cukai Tanah yang dipungut adalah sebanyak RM1,397,000 setahun dan perjanjian ini akan tamat pada 23 Ogos 2017. Dan apabila tamat nanti, Kerajaan akan berbincang dengan TNB berkaitan perjanjian seterusnya dan perkara yang dibincangkan ialah kadar baru. Jadi nanti kadar baru Royalti Air dan Fi Takungan Air akan kita bincangkan balik tentang berkaitan dengan perkara itu.

Kemudian berkaitan dengan gempa bumi. Gempa bumi ni jangan bimbanglah Yang Berhormat Wakaf Mempelam sebab saya rasa gempa bumi ini tak besar. Gempa bumi di kawasan Kenyir ni sebenarnya sudah tiga kali berlaku. Sebelum ni pernah berlaku pada tahun 1980 dengan kadar 4.6 pada skala richter dan pada 2010 ialah 2.6 skala richter dan 2016 baru-baru ini ialah 2.7 skala richter. Mengikut laporan daripada TNB, tidak ada apa-apa yang terjejas termasuk empangan dan operasi berjalan seperti biasa. Walau bagaimanapun, Jabatan Meteorologi Malaysia Cawangan Terengganu sedang memantau perkembangan kerana dikatakan ada dua kemungkinan sama ada yang pertama, adakah sama kejadian seperti 35 tahun yang lepas ataupun proses pelepasan gas tektonik dari garis sasaran ataupun garisan gempa bumi. Jadi ini adalah kemungkinan yang telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri oleh pihak yang berkaitan.

Seterusnya, Wakil Wakaf Mempelam bertanya adakah kawasan DUN akan bertambah atau tidak dalam pilihan raya akan datang? Setakat ni belum ada, Yang Berhormat.

Berkait dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Wakil Kijal. Ada beberapa perkara yang telah ditimbulkan. Pertamanya, adalah berkaitan dengan maklumat pembinaan LPT. LPT 2 untuk makluman semua, sekarang ini pada dasarnya Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk memulangkan balik sebanyak

RM1.85 bilion tetapi ada beberapa kaedah yang sedang dibincang. Dan kita setakat ini sudah beberapa kali berunding, berbincang dengan Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah UKAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta (JTAS) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Jadi ini adalah beberapa mesyuarat yang telah kita bincang dan pada dasarnya Jawatankuasa ini telah bersetuju cuma kaedah-kaedah yang sedang diperhalusi dan sekarang ini kita memang mendesak pihak Kementerian Kewangan supaya dapat menjelaskan sebahagian dulu daripada RM1.85 ini bagi membantu Kerajaan dengan permasalahan krisis ekonomi yang berlaku sekarang jadi sedikit sebanyak akan dapat membantu Kerajaan Negeri untuk kita melaksanakan projek-projek yang telah kita cadangkan dalam Bajet pada tahun ini.

Seterusnya, berkait dengan Chicken Cottage .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Yang Amat Berhormat, boleh saya celah sikit, nak celah sikit ajelah, boleh dok?

Lanjutan daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kijal, ada satu lagi yang mungkin Dewan nak tahu tentang harga rumah yang dibina di Ladang dekat masjid. Dikatakan pada mulanya dia berjanji berapa? RM98,000? RM80,000? Kemudian naik sampai ke RM245,000. Mungkin nak sedikit penjelasan daripada Yang Amat Berhormat.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Ladang. Kerana kita sekarang ini apabila kita dah mula mengurangkan lagi harga Rumah Mampu Milik ini dan sudah menjadi RM68,000. Dan kemudian dengan apa-apa isu yang kita hadapi sekarang dan lebih-lebih lagi kos pembinaan rumah di kawasan Ladang itu memang tinggi, lebih-lebih lagi dengan harga tanah dan sebagainya. Maka untuk memastikan kita dapat membina lagi rumah-rumah yang seterusnya maka kerana itulah kita membuat keputusan bahawa rumah yang tersebut itu untuk kita jual mengikut harga *market* tapi harga *marketnya* masih lagi dalam bidang dan kemampuan pembeli-pembeli. Dalam masa yang sama kalau ada keperluan-keperluan untuk kita membantu rakyat-rakyat kita tak ada masalah kerana kita ada beberapa sekim yang boleh kita bantu, yang ini perlu dibuat permohonan secara individu .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan sikit.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti sekejap, ya. Dan yang kedua, kita juga melihat hari ini kepayahan untuk orang-orang yang tidak ada kemampuan ini kerana apabila mereka menduduki rumah yang memerlukan bayaran perkhidmatan dan sebagainya, kadang-kadang di luar kemampuan mereka. Jadi kerana itulah maka Kerajaan sekarang ini sedang menimbang untuk mengenalpasti beberapa tempat yang lain yang boleh kita beri mereka duduk dengan lebih selesa bukan lagi rumah yang berbentuk macam apartment. Kerana kita rasa rumah yang berbentuk apartment ini boleh kita beri kepada orang-orang yang tertentu yang boleh dan mempunyai kemampuan untuk bayar *maintenance* setiap bulan. Jadi kita bimbang nanti kerana banyak sekarang ini yang berlaku di Bandar Kuala Terengganu akhirnya lif rosak tidak boleh nak baiki dan akhirnya *vandalisme* dan sebagainya. Jadi kerana itulah maka kita merasakan bahawa di kawasan bandar ini kita perlu memberikan perhatian tentang perkara ini supaya tidak timbul masalah di kemudian hari. Dan di samping itu sekarang ini kalau kita nak jual rumah ini duit yang kita dapat itu kita akan bina rumah yang sesuai untuk mereka ini termasuk juga rumah yang *landed*, dengan izinlah, rumah yang tak payah mereka kena naik lif dan sebagainya. Jadi sementara ini, kalau di atas keperluan di kawasan Kuala Terengganu, di kawasan Ladang, Tanjung, kita telah beri kebenaran kepada mereka untuk menyewa sementara dengan kadar yang rendah iaitu di Hiliran, di Rumah PPR Hiliran. Di situ kita tempatkan mereka sementara kita nak bina rumah-rumah ini dahulu. Jadi kerana itulah keperluan Kerajaan sekarang ini ialah kita jual dulu rumah-rumah ini dan bila kita dapat duit ini, ini yang akan kita bina baru rumah-rumah yang lebih selesa kepada mereka dan boleh kita bantu mereka bukan hanya mereka boleh duduk di situ tetapi mereka boleh memperolehi ataupun membina dari segi ekonomi mereka kerana inilah antara adalah tugas Kerajaan. Tapi kalau kita letakkan mereka di rumah yang berbentuk apartment semacam itu mungkin dalam setahun-dua boleh lagi tetapi beberapa tahun di masa-masa akan datang, bila ada keperluan untuk membaiki, keperluan untuk maintenance, jadi ini akan menjadi satu bebanan kepada mereka. Jadi kerana itulah kita merasakan bahawa elok benar kita cari tempat-tempat di pinggir-pinggir bandar ini yang tidak berjauhan daripada tempat kerja mereka ataupun kita boleh buat selalu *downstream* dengan izin, aktiviti kepada mereka yang boleh menambah pendapatan kepada mereka. Ini sebenarnya antara perancangan Kerajaan yang kita nak laksanakan kepada

mereka. Jangan bimbang Yang Berhormat Ladang. InsyaAllah, kita nak pastikan mereka hari ini bila mereka duduk, mereka tidak akan menerima masalah atau bebanan di kemudian hari. Saya rasa menjawab dah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan, nak mintak penjelasan sahaja bukan masalah sangatpun tapi saya fikir rumah yang dibina itu pada asalnya adalah dalam bentuk untuk mereka yang mampu miliklah maknanya, 800 kaki persegi begitu.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, tak ada masalah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi bila kita letakkan harga yang lebih tinggi kepada rumah yang sedemikian mungkin *takdok* pembeli. Jadi saya nak tanya sekarang ini setakat mana dah penjualan rumah di situ, berapa orang dah beli? Sebab memang rumah tu bukan tujuan untuk harga itu.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, untuk pengetahuan Yang Berhormat Ladang, jumlah keseluruhan rumah ada 407, jumlah tawaran yang telah dikeluarkan 639 dah sekarang. Jadi yang telah dibayar deposit sebanyak 72, yang telah lulus pinjaman 23 dan yang telah selesai 4. Dan baki 335, kita tunggu kerana biasanya mereka ini menghadapi masalah dari segi mendapatkan pinjaman. Jadi ertinya Kerajaan tidak akan mengeluarkan pinjaman, pinjaman mereka kena dapatkan sendiri dan bila kita dapat duit ini, duit ini secara *cash* kita akan dapat dan duit ini kita akan gunakan untuk kita nak membina rumah-rumah baru kepada golongan-golongan yang tersebut dengan keadaan rumah yang tidak tinggi, tidak menggunakan lif dan ada kawasan untuk memberikan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi atau menambahkan pendapatan mereka. Inilah yang kita nak buat sebab kita tidak mahu nanti apabila timbul masalah kelak mereka duduk di rumah itu dan apabila sampai suatu masa mereka dah tak mampu, mereka terpaksa jual rumah tersebut. Jadi ini adalah di antara perkara yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Dan seterusnya, saya nak masukkan sikit .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Nak tanya sikit saja Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya ingat saya nak teruskanlah sebab masa dah .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Untuk rakyat ni, kita tak makan tak apa. LPT, LPT....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah, ini isu Ladang ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh duduk, Tepoh tidak dibenarkan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak mintak izin daripada Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya rasa saya nak teruskanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat tidak benarkan. Sila duduk Tepoh. Terima kasih Tepoh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak sentuh, nak ceritakan sikit tentang Chicken Cottage. Jadi Chicken Cottage ini sebenarnya dalam pengubahsuaian ataupun dalam pembinaan outlet kita yang di Kuala Terengganu ini yang sebenarnya Chicken Cottage di Terengganu ini adalah yang pertama yang kita jadikan sebagai *World Global Flagship*, yang menjadi pusat rujukan dan latihan. Bagi *style* yang sama, kalau KFC buat lebih kurang RM2.5 juta dan kita adalah RM2.731 juta, kita lebih sikit kerana kita menambah *equipment* yang lebih berbanding dengan yang dibuat oleh KFC. Bagi outlet biasa yang bukan dijadikan sebagai *World Global Flagship*, adalah sebanyak RM1.2 juta hingga RM1.5 juta bergantung kepada *currency/rate* daripada USD. Nilai Chicken Cottage yang disebut oleh Wakil Kijal iaitu sebanyak 40 juta pound sterling adalah dibuat oleh D'lloyd yang dilantik oleh Dato' Syahim yang memegang 30% saham Chicken Cottage dan tidak disokong oleh *proper* dokumentasi dan bersandarkan



nilai, dengan izin, *future value* ataupun nilai yang akan datang sekiranya beroperasi seperti yang dirancang sepertimana McDonald dan juga KFC. Andaiannya juga berasas kepada jenama-jenama *fast food* yang lain seperti McDonald dan yang lain-lain yang mempunyai *market capitalization* yang lebih besar. *Market share* juga disandarkan sebagaimana jenama-jenama lain yang telah sedia ada di dalam pasaran dunia. Jadi sebenarnya kalau kita nilai, nilai aset Chicken Cottage ini, kalau kita nak tengok *exact figure* dia adalah dalam lebih kurang 1.3 pound sterling juta yang kita nilai pada Disember 2015. Dan kalau betul pihak Datuk Syahim boleh nilai 40 juta pound sterling, Kerajaan Negeri tidak ada masalah untuk menjual *share* Kerajaan Negeri ini kepada Datuk Syahim atau mana-mana sahaja pihak yang bersetuju untuk membelinya dan dengan tidak secara langsung kita akan dapat keuntungan yang berlipat kali ganda yang membolehkan kita untuk menyelesaikan isu membuat perumahan dan sebagainya yang menjadi keperluan asas kepada rakyat Negeri Terengganu.

Jadi selain daripada itu, saya nak mintak izinlah dengan apa yang berlaku semalam. Saya tak tahulah setiap kali pemimpin kita mengadakan majlis kahwin anak selepas itu berlakulah krisis, saya ingat sebelum-sebelum ini begitu. Begitu juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mantan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mantan Menteri Besar Terengganu dulu dan saya baru sahaja selesai majlis perkahwinan anak perempuan saya. Jadi saya tak tahulah, adakah ini menjadi suatu *trend* baru kepada negara kita? Dan kerana itu saya juga nak nasihatlah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, bila nak kahwinkan anak tu kena tengok *timinglah*, kena tengok masa yang sesuaiilah supaya tidak berlakulah sepertimana yang berlaku sekarang.

Dan pada kesempatan ini, saya nak ambil peluang selalu untuk menjemput kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan hadirin sekalian, ketua-ketua jabatan yang berada di luar dan di dalam untuk datang ke Majlis Kenduri Kesyukuran yang saya buat untuk anak perempuan saya dan menantu kedua saya ini pada 19 haribulan ini, hari Sabtu di Dataran Permata, Kampung Baru di sebelah Pejabat Pusat Khidmat DUN Seberang Takir daripada pukul 11.00 pagi sampai 5.00 petang. Marilah beramai-ramai, mungkin kalau mari beramai-ramai takut jenggi tu boleh habis dah lepas pada tu dan mungkin lepas tu *takdok* dah, jadi selamatlah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang nak kahwinkan anak selepas pada ini.

Jadi izinkanlah saya nak mengambil kesempatan ini untuk nak menjelaskanlah beberapa perkara. Semenjak dari awal saya mengambil alih tugas sebagai Menteri Besar, ada dua perkara yang saya tegaskan berulang kali. Pertama, saya tegaskan bahawa saya dan rakan-rakan barisan Exco akan teruskan semua kerja-kerja baik yang telah dibuat oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh dan Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Said. Ketiga-tiga mantan Menteri Besar ini adalah ikon kepada saya. Mereka bertiga telah berkhidmat selama 34 tahun untuk Negeri Terengganu. Tan Sri Haji Wan Mokhtar sahaja 25 tahun. Dato' Seri Haji Idris Jusoh – 4 tahun dan Dato' Seri Ahmad Said – 5 tahun. Malah saya sendiri telah raikan mereka dalam satu majlis semata-mata bertujuan memperingati dan menunjukkan rasa hormat saya terhadap jasa dan sumbangan mereka tapi malangnya Kijal tidak hadir.

Saya mahu semua rakyat tahu bahawa saya menyambung kerja-kerja baik dan asas yang telah mereka letakkan untuk pembangunan Negeri Terengganu, siapalah saya berbanding mereka ini. Saya hanya sebagai bekas Cikgu Sekolah. Saya mengharapkan ketiga-tiga mantan Menteri Besar ini dapat sama-sama bantu saya dan Kerajaan dalam memajukan Negeri Terengganu. Jika kebaikan dibalas dengan kejahatan itu adalah dendam. Sebab itu saya rasa sangat pelik apabila dikatakan bahawa saya ada konspirasi untuk menafikan sumbangan Kijal sewaktu beliau menjadi Menteri Besar. Ini sangat tidak benar. Sekiranya ada sebarang kebaikan sepanjang yang saya sebut sepanjang saya menjadi Menteri Besar ianya kebaikan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk rakyat. LPT2 misalnya siap zaman saya menjadi Menteri Besar tetapi kerja-kerja awal dibuat semasa zaman Tan Sri Haji Wan Mokhtar lagi. Begitu juga stadium, ITC Kemaman, IMTIAZ dan berbagai projek yang sebelum ini terbengkalai atau dibiarkan lesu, saya sambung dan selesaikan. Alhamdulillah, sudah beberapa projek saya dapat selesaikan bersama-sama dengan barisan Exco dan juga barisan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Saya tidak nafikan sumbangan sesiapa, malah saya selesaikan apa yang tidak selesai dan tambah nilai apa yang belum selesai. Kerajaan Barisan Nasional yang laksanakan semua ini untuk rakyat.

Kedua, saya juga berulang kali sebut bahawa kita harus sentiasa memandang ke hadapan, dengan izin, *move forward*. Kita jangan lupa apabila kita tinggalkan sesuatu jawatan, kita mungkin tinggalkan bukan sahaja legasi baik tetapi mungkin ada legasi yang tidak baik. Orang yang mengambil alih jawatan dari kita sebaik-baiknya teruskanlah perjuangan dengan memandang ke hadapan dan janganlah

diungkit sebarang kelemahan yang lalu. Inilah pendirian saya dan inilah juga pendirian yang dibuat oleh Tan Sri Haji Wan Mokhtar dahulu dan Dato' Seri Idris setelah mengambil alih jawatan Menteri Besar daripada Pembangkang, yang sudah itu sudahlah.

Dato' Seri Idris juga tidak kunci pagar Wisma Darul Iman malah beliau beri masa seminggu untuk semua yang berkenaan keluar secara baik selepas itu beliau terus maju ke hadapan. Malah Dato' Seri Idris juga jiwanya besar apabila beliau bersedia hadir untuk berserah tugas kepada Menteri Besar yang baharu. Beliau juga hadir secara konsisten dalam Dewan Undangan Negeri dan mengikuti perjalanan Dewan dengan tertib. Meneruskan kerja-kerja baik yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu dan sentiasa memandang ke hadapan adalah dua perkara yang seringkali saya tegaskan sewaktu saya mula mengambil alih tugas sebagai Menteri Besar Terengganu yang baharu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya nak menarik perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebagai umat Islam kita dipandu oleh Rukun Iman. Salah satu daripada Rukun Iman ialah percaya kepada Qada' dan Qadar, ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala. Ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala buat masa ini ialah Allah Subhanahu Wata'ala telah menetapkan bahawa yang menjadi Menteri Besar Terengganu ialah saya dan bukannya orang lain. Buat masa ini *'I'm incharge'*, dengan izin, di masa lain belum tentu. Mungkin selepas Pilihan Raya Ke-14 orang lain dari kalangan Yang Berhormat Barisan Nasional yang menjadi Menteri Besar. Harap-harap bukan dari Pakalah tapi kalau Allah Subhanahu Wata'ala dah tentukan Paka atau Batu Burok jadi Menteri Besar Terengganu selepas saya, kita sebagai umat Islam wajib terima ketentuan Qada' dan Qadar Allah Subhanahu Wata'ala. Lepas tu kita berlawan pulaklah dalam PRU Ke-15 nanti.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Allah yang tentukan siapa yang menjadi Menteri Besar, siapa yang jadi Kerajaan, siapa yang jatuh dan siapa yang diangkat. Inilah yang dihadapi dan diterima oleh Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Wan Mokhtar apabila kalah dalam tahun 1999 dan beliau tetap redha dan sabar. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: "Katakanlah Ya Allah, pemilik kekuasaan kerajaan alam semesta, Engkau memberi kekuasaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, Engkau mengambil semula kekuasaan itu dari sesiapa sahaja yang Engkau mahu, Engkau berkuasa memuliakan dan menghina sesiapa

yang Engkau mahu, di tanganMu Ya Allah segala kebaikan dan kekayaan.” (Surah Ali-Imraan, ayat 26). Kalaulah kita berpendirian begini, hati kita akan sentiasa tenang, tenteram kerana kita tahu Allah Subhanahu Wata’ala yang akan menentukan segala-galanya. Apatah lagi Negeri Terengganu ini adalah Negeri Darul Iman kalau tidak tindakan kita nanti dilihat seolah-olah seperti kanak-kanak yang sentiasa nakkan perhatian atau seperti orang yang tidak cukup kasih sayang. Hari ini kita di atas, orang lain menyokong kita. Esok bila orang lain pula di atas, kita sokonglah mereka pula. Saya teringat kata-kata yang diucap sendiri oleh Wakil Kijal sebelum ini: “Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai”. Kita orang politik jangan berkecil hati, jangan makan hati, jangan rasa hati dan kita mesti berhati-hati.

Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya akui saya hanyalah seorang Cikgu dan Cikgu ini sifatnya sentiasa akur dan menerima, jarang sekali membantah, diseru dan dipanggil kita datang, disuruh pergi kita pulang. Cikgu sentiasa mahu berbaik-baik, tak suka bergaduh atau bermusuh dengan sesiapa. Kalau ditekan sekalipun, dihantar ke mana-mana sekalipun akan tetap laksanakan tugas walaupun di dalam hati tak siapa yang tahu, semua dibuat demi kebaikan anak murid. Tetapi sesiapa sekali pun dia seorang Cikgu ataupun bukan sekiranya asyik diasak dan maruahnya dihina, dia akan melawan dan saya akan lawan, saya akan melawan dengan berusaha supaya kita dapat cipta lebih banyak cerita kejayaan, saya akan lawan dengan berusaha untuk membawa lebih banyak kebaikan kepada rakyat, saya akan lawan dengan berusaha keras supaya Negeri Terengganu dihormati oleh kawan dan juga lawan. Saya akan lawan dengan berusaha supaya kita dapat hapuskan sebarang bentuk rasuah dan juga penyelewengan dan saya tidak akan berhenti melawan sehingga Allah Subhanahu Wata’ala tentukan yang hayati saya untuk melawan sudah tamat. Pada ketika itu kalau saya mati sekalipun saya mati melawan. Justeru, saya akan terus memandangi dan maju ke hadapan. Kepada sekian rakyat, yakinlah dan percayalah bahawasanya saya dan rakan-rakan dalam Kerajaan akan tetap memberikan yang terbaik untuk rakyat Terengganu. Itu janji saya.

Saya juga nak ucap terima kasih atas sokongan semua lapisan rakyat yang telah memberikan kata-kata semangat yang telah menaikkan *banner* serta berhimpun di Seri Iman sebagai tanda sokongan. Saya berjanji saya tidak akan hampakan harapan rakyat, amanah dan tanggungjawab yang dipikul akan saya pegang erat, biar remuk di genggaman asalkan tak reput menyembah bumi. Kepada mereka

yang ingin menjatuhkan saya, dengar baik-baik pesan saya. Saya tidak takut dan saya tidak akan tunduk. Biar berdepan cabaran menggunung, biar tiba tentangan hebat, saya tidak akan menyerah kalah. Biar mati berkalang tanah, biar ada yang berpaling tadah, saya tidak akan sekali-kali mengalah kerana di antara perancangan anda dengan perancangan Allah, perancangan Allah itu adalah sebaik-baik perancangan dan bagi saya kepada Allah jua saya berserah.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. ...(Tepukan gemuruh) .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Penggulungan dari pihak Kerajaan telah selesai dan saya sekarang ingin membuka kepada undian –

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

## **TANGGUHAN**

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menangguhkan Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat sekalian selama tiga hari kita bersidang.

Marilah kita semua melakukan rakabah. Marilah kita semua muhasabah diri kita. Marilah kita semua lakukan respektif sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: "Wahai orang-orang beriman bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memperhatikan apa yang ia telah sediakan dari amal-amalnya untuk hari esok yakni hari Kiamat." Tiada insan yang tidak buat silap, saya mohon maaf sekiranya saya ada buat silap dalam percaturan di Dewan ini. Jadi marilah kita semua mengamalkan taubat sebelum ajal menerkam sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur ayat 31 yang bermaksud: "Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman supaya kamu berjaya." Marilah kita semua membuat perhitungan tentang ahsanul amalan kita selama ini sebagaimana pesan Sayyidina Umar Radiallahu Anha: "Buatlah perhitungan diri anda sendiri sebelum anda dihitung. Timbanglah amal diri anda sendiri sebelum amal anda ditimbang. Dan marilah kita terus memberikan peringatan dan nasihat 'addinunasihah' seperti Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: "Dan tetap tekunlah engkau memberikan peringatan demi peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman."

Sekarang, saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

Dewan ditangguhkan. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.55 PETANG.

**KEDUDUKAN PELAJAR TAJAAN YAYASAN TERENGGANU  
MULAI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

BIL.	PUSAT PENGA- JIAN	TAHUN 2010		TAHUN 2011		TAHUN 2012		TAHUN 2013		TAHUN 2014		TAHUN 2015	
		PEL	JUMLAH	PEL	JUMLAH	PEL	JUMLAH	PEL	JUMLAH	PEL	JUMLAH	PEL	JUMLAH
1.	IPTA	1656	9,651,150.00	1879	10,645,900.00	1662	11,032,300.00	1322	7,400,050.00	1568	7,153,900.00	832	4,927,400.00
2.	IPTS	323	2,914,620.00	273	2,631,120.00	241	2,535,400.00	205	1,571,764.00	771	17,430,275.00	670	6,780,290.00
3.	LUAR NEGARA	505	23,194,279.00	577	28,500,748.00	620	38,354,984.00	713	31,651,632.00	645	41,172,389.21	623	67,937,926.70
	JUMLAH	2484	35,760,049.00	2729	41,777,768.00	2523	51,922,684.00	2240	40,623,446.00	2984	65,756,564.21	2125	79,645,616.70



**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.2**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG**

**WAKIL RHU RENDANG**

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah peruntukan pinjaman yang diberikan oleh Yayasan Terengganu kepada pendidikan pengajian Islam dan pendidikan sains di peringkat pengajian tinggi di dalam dan luar Negara dari 2010-2016 mengikut pecahan:

- a) kursus
- b) pusat pengajian
- c) negara

d) jumlah pelajar yang terlibat

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.3**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI**

**WAKIL BATU BUROK**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada aktiviti bolasepak di bawah Persatuan Bolasepak Negeri Terengganu (PBSNT) dan juga

T-Team untuk musim 2016 dan apakah bentuk insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada para pemain dan jurulatih bagi menaikkan lagi taraf permainan pasukan negeri.

JAWAPAN : Peruntukan tahunan yang diperuntukkan kepada Terengganu dan juga T-Team adalah sebanyak RM3 juta setahun setiap satu pasukan. (Surat Akuan Penajaan). Manakala bentuk insentif mengikut keadaan semasa sama ada bentuk wang ringgit dan sebagainya.

**SOALAN 2** : Nyatakan jumlah kawasan konsensi balak yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2015 dan senaraikan syarikat-syarikat yang telah diberikan konsensi tersebut.

**JAWAPAN** : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**SOALAN 3** : Berapakah jumlah pinjaman dan biasiswa yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu bagi menampung anak-anak Terengganu melanjutkan pelajaran ke IPT luar Negara dan senaraikan negara-negara yang terbabit mengikut pecahan kursus yang diambil.

**JAWAPAN** :

BIL	NEGARA	KURSUS	2014		2015	
			BIL. PELAJAR	RM	BIL. PELAJAR	RM
1.	INDONESIA	PERUBATAN	4	248,000.00	29	1,798,000.00
2.	JORDAN	PERUBATAN	9	773,595.00	3	257,985.00
		PERGIGIAN	6	454,980.00	1	75,830.00
		PENGAJIAN ISLAM	10	160,000.00	9	144,000.00

3.	MOROCCO	PENGAJIAN ISLAM	1	10,000.00	-	-
4.	A. SYARIKAT	SAINS	1	148,316.66	-	-
5.	UNITED KINGDOM	PERUBATAN	2	305,718.00	1	198,699.10
		PERGIGIAN	-	-	1	206,595.00
		KEJURUTERAAN	4	659,031.24	2	334,143.50
		SAINS	6	1,162,132.30	-	-
		EKONOMI & PENTADBIRAN	3	494,176.00	5	734,242.00
		PROGRAM BERKEMBAR	5	2,213,842.00	-	-
		LAIN-LAIN	1	145,080.00	1	170,555.00
6.	JERMAN	KEJURUTERAAN	5	437,500.00	4	350,000.00
7.	AUSTRALIA	LAIN-LAIN	1	133,345.20	-	-
	<b>JUMLAH</b>		<b>58</b>	<b>7,345,716.40</b>	<b>56</b>	<b>4,270,049.60</b>

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.4**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT**

**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

SOALAN 1 : Sila nyatakan jenis dan jumlah hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat hingga Disember 2015 untuk :-

- a) Bekalan Air Bersih
- b) Perumahan Awam
- c) Perindustrian
- d) Perparitan dan Ladang Hutan

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan sejauhmanakah usaha Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf Institut Al-Quran Terengganu (IQ) di Padang Midin menjadi sebuah Kolej Universiti hingga kini dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menjayakan perancangan tersebut.

JAWAPAN : Usaha Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf IQ telah berjaya diperolehi pada 23hb Disember 2015 apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memberi kelulusan perakuan pendaftaran kepada Kolej Al-Quran Terengganu sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Swasta bertaraf Kolej yang membolehkan program pengajian peringkat diploma dilaksanakan.

Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menjayakan pelaksanaan tersebut adalah seperti berikut :-

1. Membuat unjuran bilangan program pengajian yang akan ditawarkan.
2. Membuat unjuran bilangan pelajar dan bilangan pensyarah.
3. Menambahbaik prasarana di Kampus IQ Padang Midin

untuk memenuhi keperluan semasa dan akan datang.

4. Melantik pensyarah dan pegawai serta kakitangan sokongan.
5. Menjalin kerjasama akademik dengan universiti tempatan (UNISZA dan UiTM) dan universiti luar negara (Univ Islam Madinah, Arab Saudi dan Univ Al-Imam Muhammad Ibn Saud, Riyadh, Arab Saudi).
6. Menyediakan pelan perancangan strategik dan pelan pembangunan fizikal.
7. Merangka keperluan kewangan dan menyediakan bajet.
8. Menyedia dan melaksana Pelan Pemasaran.
9. Menyediakan Sistem Maklumat Berkomputer.
10. Menyediakan kursus dan latihan kepada kakitangan.

SOALAN 3 : Sila nyatakan berapakah jumlah elaun yang dibayarkan kepada semua Penyelaras & Pegawai Pembangunan (Pegawai Khas) di DUN-DUN yang tidak diwakili oleh pihak Kerajaan di negeri ini.



JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan berapakah jumlah bayaran royalti setiap tahun yang dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana menggunakan air sungai untuk menjana tenaga letrik di Empangan Kenyir.

JAWAPAN : Jumlah bayaran royalti setahun yang dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana menggunakan air sungai untuk menjana tenaga letrik di Empangan Kenyir adalah sebanyak RM11,673,000.00 setahun.



**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.5**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**

**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

SOALAN 1 : Sila nyatakan status terkini Projek Taman Solar di kawasan Perindustrian Sungai Bari, Setiu dari aspek:

- a. Kos keseluruhan projek.
- b. Jumlah tenaga letrik yang dihasilkan.
- c. Jumlah kilang yang menggunakan sumber tenaga tersebut.

JAWAPAN : a. Kos keseluruhan projek ialah RM40 juta  
b. Jumlah tenaga elektrik yang dihasilkan ialah 7,000 MWh

(Disember 2014 – November 2015)

c. Jumlah kilang yang menggunakan sumber tenaga tersebut:-

- Jumlah tenaga tersebut mampu menampung anggaran kasar penggunaan bagi 100 buah kilang atau 800 isi rumah.

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

## **BILANGAN 5.1.6**

### **SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. AZAN BIN ISMAIL**

**WAKIL BANDAR**

SOALAN 1 : Nyatakan status projek pembangunan semula Pasar Payang dan persekitarannya serta apakah masalah yang dihadapi serta cadangan menyelesaikan.

JAWAPAN : Status terkini pembangunan semula Kompleks Pasar Payang adalah dalam peringkat akhir penyediaan dokumen tender oleh pihak konsultan yang dipantau pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bagi tujuan kelulusan untuk proses perolehan di Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Kos projek ini sepertimana persetujuan semasa Makmal pengurusan Nilai adalah RM76.3 juta. Ianya dijangka bermula pada April 2016 dan dijadualkan siap pada penghujung tahun 2018 ( 3 tahun).

#### **MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN :**

<b>BIL</b>	<b>MASALAH</b>	<b>CADANGAN PENYELESAIAN</b>
------------	----------------	----------------------------------

1.	<p>Penempatan “Pindahan Sementara” para peniaga asal di Pasar Kedai Payang 1 ke Pasar Kedai Payang 2 dikhuatiri mengundang pelbagai rasa ketidakpuashatian segelintir dikalangan mereka.</p>	<p>- Public Engagement telah diadakan bersama para peniaga serta Ahli Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Terengganu.</p>
----	--	--

2.	<p>Tempoh pelaksanaan pembinaan oleh Kontraktor Lantikan agak terhad memandangkan sekarang telah memasuki bulan Mac 2016.</p> <p>- Dibimbangi projek tidak dapat disiapkan pada tahun semasa.</p>	<p>- Cadangan kaedah pembinaan secara Fast-track oleh pihak konsultan dijangka dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat (8 bulan).</p>
3.	<p>Pertambahan permohonan lot-lot ruang niaga.</p>	<p>- “ Lock in” jumlah ruang niaga sedia ada tanpa tambahan baru.</p>

**JENIS BILIK DI PASAR PAYANG (YANG SEDIA ADA)**

BIL.	JENIS BILIK	JUMLAH SEDIA ADA	JUMLAH DISEDIAKAN
1.	Bilik Emas	8	8
2.	Bilik Emas	12	12
3.	Bilik Runcit	38	38
4.	Bilik Runcit	17	17
5.	Bilik Pakaian	149	150
6.	Bilik Pakaian	65	70
7.	Bilik Toto/ Alatan Dapur/ Souvenir	34	34
8.	Bilik Toto/ Alatan Dapur/ Souvenir	11	11
9.	Food Court	35	36

10.	Bilik Pemborong	13	13
11.	Bilik PBM	24	24
12.	Bilik Sejuk	2	2
13.	Food Avenue	-	16

1.	Petak Kekal	139	104
2.	Petak Kecil	44	-
3.	Petak Sementara	200	130
4.	Lot Beras	9	-
1.	Pasar Basah (Ikan, Daging & Ayam)	70	36
	<b>JUMLAH BILIK</b>	<b>408</b>	<b>431</b>
	<b>JUMLAH PETAK</b>	<b>392</b>	<b>234</b>



**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.7**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH**

**WAKIL BUKIT PAYONG**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pusat penyembelihan di negeri Terengganu yang berdaftar, memperolehi sijil halal. Nyatakan lokasi-lokasinya.

JAWAPAN : Mengikut rekod Jabatan Veterinar Negeri Terengganu, terdapat 61 buah Pusat Penyembelihan di seluruh

negeri Terengganu (6 adalah Pusat Penyembelihan Jabatan Veterinar). Daripada jumlah tersebut, hanya terdapat dua (2) buah Pusat Penyembelihan sahaja yang mempunyai sijil Halal. Lokasi Pusat Penyembelihan adalah sebagaimana berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PUSAT</b>	<b>ALAMAT</b>
1.	PELAM JAYA ENTERPRISE	Lot No.1147 Taman Katong, Kubang Bunjuk Serada, Kuala Terengganu
2.	TD Poultry Sdn.Bhd	Kawasan Perindustrian Chendering, 210800 Kuala Terengganu

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Veterinar dan memohon supaya Jabatan tersebut dapat mengambil usaha serta memberi bimbingan kepada semua Pusat Penyembelihan di bawah seliaannya untuk memohon sijil Halal.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah keseluruhan pelajar-pelajar anak Terengganu yang masih menuntut di luar Negara, mendapat pinjaman Yayasan Terengganu mengikut Negara dan tahun.

**JAWAPAN** : Jumlah keseluruhan pelajar-pelajar anak Terengganu yang masih menuntut di Luar Negara mendapat pinjaman Yayasan Terengganu mengikut negara dan tahun adalah sebagaimana lampiran:

PUSAT PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR						
	THN 1	THN 2	THN 3	THN 4	THN 5	THN 6	JUMLAH
JORDAN	9	25	25	45	2	-	106
MOROCCO	-	1	1	-	-	-	2
MESIR	-	-	2	16	17	88	123
MESIR-MALAYSIA	-	-	-	-	-	30	30
INDONESIA	29	4	-	-	11	1	45
RUSIA	-	-	44	47	69	56	216
UK (Skim Pelajar Cemerlang)	-	8	6	14	4	-	32
UK (Pinjaman)	8	8	1	1	-	-	18
AMERIKAT SYARIKAT	-	1	2	-	-	-	3
AMERIKAT SYARIKAT (Pinjaman)	-	-	-	1	-	-	1
JEPUN	-	-	-	-	1	-	1
AUSTRALIA (Pinjaman)	-	1	-	2	-	-	3
GERMAN	4	5	-	-	-	-	9
PROGRAM TWINNING	-	5	-	1	-	-	6
<b>JUMLAH BESAR</b>							<b>595</b>

SOALAN 3 : Adakah kerajaan negeri bercadang mengenakan syarat-syarat khusus seperti peratusan maksima pekerja rakyat asing yang dibenarkan bekerja dalam sektor-sektor tertentu, bagi menjamin anak tempatan tidak terpinggir?

JAWAPAN : Bagi menjamin kepentingan anak tempatan, Kerajaan Negeri telah mengenakan kuota syarat pengambilan pekerja rakyat Negeri Terengganu sebanyak 70%.

SOALAN 4 : Adakah amphicoach (bas amfibia) telahpun beroperasi? Dimanakah lokasi operasinya, sejak bila dan apakah sambutan bagi perkhidmatan ini?

JAWAPAN : Kenderaan Amphicoach (Bas Amfibia) masih belum beroperasi dan masih berada di Malta untuk proses pengujian serta pentauliahan.

SOALAN 5 : Bilakah jangkaan siapnya keseluruhan projek pembesaran jalan pesisir pantai yang menghubungkan Kuala Terengganu dan Kemaman, terutamanya di kawasan Pasir Putih, Merchang ke Bandar Marang? Berapakah keseluruhan pampasan yang telah dan akan dibayar bagi setiap kawasan yang terlibat.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR**

**WAKIL LADANG**

SOALAN 1 : Sila nyatakan projek-projek pembangunan yang menggunakan Peruntukan Kerajaan Negeri dan Peruntukan Kerajaan Pusat yang dilaksanakan melalui tender terbuka, tender terpilih dan runding terus (tanpa tender) pada tahun 2013, 2014 dan 2015.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan

dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 :

**Bangunan Paya Bunga Square ternyata tidak dapat menarik pengunjung. Peniaga-peniaga merungut dan ada yang telah berhenti berniaga. Mengapa situasi begini berlaku dan apakah strategi untuk mengatasinya.**

JAWAPAN :

PB Square kurang menarik perhatian pengunjung kerana tiada 'anchor tenant' yang beroperasi di situ. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh PMINT bagi memasukkan 'anchor tenant' namun gagal mencapai persetujuan. Walaubagaimanapun masalah ini dijangka selesai setelah UTC beroperasi pada Mei 2016.

Antara strategi yang akan diambil oleh PMINT dan Perbadanan Pengurusan Kompleks untuk mempergiatkan usaha promosi dan iklan bagi menarik kedatangan pengunjung ke PB Square adalah seperti berikut :-

- i. Mempergiatkan aktiviti promosi dan penganjuran event di PB Square.
- ii. Memasang papan tanda (signage) pada setiap bangunan yang berada  
di dalam jajaran Medan PMINT (PMINT SQUARE)

melibatkan bangunan PB Square, PB Plaza dan PB Sentral.

iii. PMINT akan mempertingkatkan medium saluran promosi yang terdapat di PB Square seperti menyediakan screen LED dan memaksimumkan ruang iklan yang terdapat pada bangunan PB Square. Skrin tersebut akan memaparkan semua aktiviti promosi daripada semua penyewa PB Square.

iv. Dijangkakan dengan pengoperasian UTC pada bulan Mei 2016,

PB Square termasuk PB Plaza akan mula beroperasi dan akan menjadi 'crowd puller' yang dapat menarik kedatangan pengunjung yang lebih ramai sekaligus dapat meningkatkan pendapatan perniagaan penyewa di kedua-dua kompleks.

v. Setelah mengambil kira rungutan penyewa berkenaan kurang pengunjung dan pendapatan perniagaan yang rendah, PMINT telah memberi insentif berbentuk diskaun kadar sewa sepanjang tahun 2015. Sebanyak 50% diskaun kadar sewa telah

diberikan pada enam bulan sewaan pertama iaitu pada bulan Januari hingga Jun 2015 dan 25% pada sewaan bulan Julai hingga September 2015 serta 75% untuk sewaan bulan Oktober hingga Disember 2015.

vi. Malahan PMINT sekali lagi mengambil kira masalah pengoperasian perniagaan yang bakal berlaku



sepanjang pelaksanaan projek UTC dengan memberi pengecualian sewa (100%) bermula pada 1 Februari hingga 17 April 2016.

SOALAN 3 : Kerajaan negeri telah menubuhkan beberapa institusi seperti :

- i) TSIS (Terengganu Strategic Integrity Study)
- ii) IDAMAN (Institut Darul Iman)
- iii) PUTRA (Pusat Transformasi Rakyat)

Sila nyatakan untuk ketiga-tiga institusi ini :

- i) Fungsi dan halatuju.
- ii) Berapakah peruntukan yang di sediakan pada tahun 2015 dan 2016.
- iii) Berapa ramaikah kakitangan yang dilantik.
- iv) Siapa ketua (Pengurus/CEO).

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.



**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.9**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN**

**WAKIL ALUR LIMBAT**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pelajar yang dihantar oleh kerajaan negeri melalui Yayasan Terengganu keluar Negara pada tahun 2014 dan 2015? Berapakah kos yang ditanggung oleh pihak yayasan? Berapakah peruntukan kerajaan negeri pada tahun 2016 untuk menaja pelajar kita keluar negara?

JAWAPAN : Jumlah pelajar yang dihantar oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu ke Luar Negara pada tahun 2014 dan 2015 ialah :

<b>TAHUN</b>	<b>BIL PELAJAR</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
2014	58 orang	7,183,876.80
2015	57 orang	8,442,978.50

Pada tahun 2016 hanya pelajar yang sedang membuat persediaan A Level di bawah penajaan Yayasan Terengganu sahaja akan diberi peruntukan seperti berikut :-

<b>PROGRAM</b>	<b>BIL. PELAJAR</b>	<b>RM</b>
Perubatan	16	3,285,544.00
Skim Pelajar Cemerlang	3	676,600.89
Program Berkembar	13	1,705,116.66
Kejuruteraan Jerman	3	188,925.00

**SOALAN 2** : Berapakah jumlah projek kerajaan negeri "Projek Kampung Tanpa Wayar" yang akan dibina? Berapakah jumlah yang telah aktif / beroperasi di seluruh Negeri Terengganu? Apakah masalah-masalah yang timbul akibat ketidakjayaan projek tersebut?

**JAWAPAN** : Sehingga kini Kerajaan Negeri tidak pernah melaksanakan

“Projek Kampung Tanpa Wayar”. Ia merupakan projek Kerajaan Persekutuan di bawah pemantauan dan seliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.10**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT**

## **WAKIL CUKAI**

SOALAN 1 : Berapakah pendapatan Majlis Perbandaran Kemaman dari pelbagai sumber pada tahun 2015?

JAWAPAN : Pendapatan Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dari pelbagai sumber pada tahun 2015 adalah sebagaimana berikut :-

Jumlah hasil cukai	-	RM50,762,521.37
Jumlah hasil bukan cukai	-	RM10,742,914.68
Jumlah terimaan bukan hasil	-	RM2,634,632.87
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>-</b>	<b>RM64,140,068.92</b>

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.11**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM**

**WAKIL TELUK PASU**

SOALAN 1 : Berapakah kos pembinaan dewan sivik, Kampung Buluh Gading yang terletak dalam kawasan Teluk Pasu. Apakah kerajaan bercadang untuk membaikpulkannya kembali bagi manfaat dan kegunaan masyarakat



setempat.

JAWAPAN : Kos pembinaan Dewan Sivik, Kampung Buluh Gading ialah sebanyak RM400,000.00.

Pihak kerajaan akan mempertimbangkan untuk menyelenggara dan baik pulih dewan tersebut sekiranya keadaan kewangan negeri sudah stabil.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah dan usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk jangka masa pendek dan panjang bagi membantu para usahawan khususnya dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ekoran daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang ini.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 3 : Apakah perancangan terkini kerajaan dalam pembangunan semula bangunan Pasar Kedai Payang dan apakah statusnya sekarang.

JAWAPAN : Cadangan projek pembangunan semula Kompleks Pasar Kedai Payang ini adalah meliputi skop-skop kerja sebagaimana yang terkandung dalam Skop Projek Muktamad selepas Makmal Pengurusan Nilai iaitu :

- i. Membina Pasar Kedai Payang 2
- ii. Meroboh dan membina baru Pasar Kedai Payang 1
- iii. 1 set escalator di Pasar Kedai Payang 1
- iv. Meroboh dan membina baru kemudahan surau
- v. Menyediakan tempat letak kereta
- vi. Kerja-kerja mekanikal dan elektrik
- vii. Skybridge- antara Pasar Kedai Payang 1 dan Bazar Warisan
- viii. 1 unit Menara Jam
- ix. Kerja-kerja landskap
- x. Kerja-kerja luar yang berkaitan
- xi. Built-in dan loose Furniture

Status terkini pembangunan semula Kompleks Pasar Payang adalah dalam peringkat akhir penyediaan dokumen tender oleh pihak konsultan yang dipantau pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bagi tujuan kelulusan untuk proses perolehan di Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Kos projek ini sepertimana persetujuan semasa Makmal Pengurusan Nilai adalah RM 76.3 Juta. Ianya dijangka bermula pada April 2016 dan dijadualkan siap pada penghujung tahun 2018 (3 tahun)

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.12**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM**

**WAKIL TEPOH**

SOALAN 1 : Pohon senaraikan berapakah jumlah kos perbelanjaan kunjungan YAB Menteri Besar dan rombongan ke Timur Tengah (Jordan dan Mesir) tempohari dan siapakah anggota EXCO Kerajaan negeri yang terlibat sama?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 2 : Apakah telah terdapat mana-mana syarikat GLC Kerajaan Negeri Terengganu yang telah mengeluarkan Skim Pemberhentian Kerja Secara Sukarela (VSS) sepanjang 2015.

JAWAPAN : Tidak ada syarikat GLC Kerajaan Negeri Terengganu yang mengeluarkan Skim Pemberhentian Kerja Secara Sukarela (VSS) sepanjang 2015.

SOALAN 3 : Dalam situasi kegawatan ekonomi pada kali ini, apakah bentuk potongan perbelanjaan pengurusan yang telah dirangka oleh pihak kerajaan berdasarkan Bajet 2016?

JAWAPAN : Ubahsuai Bajet 2016 bagi perbelanjaan mengurus Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu melibatkan pengurangan sebanyak 22.22% (RM100 juta). Kawalan perbelanjaan berhemah dan berjimat-cermat dilaksanakan iaitu:

- i. Mematuhi Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2016 – Perbelanjaan Berhemah Bagi Mengawal Perbelanjaan Awam Dalam Bajet Negeri Terengganu Tahun 2016.
- ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan arahan Penjimatan Penggunaan Utiliti (Elektrik/Air/Telefon) kepada semua Ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu pada 3 Februari 2016.
- iii. Mengeluarkan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil 1 Tahun 2016 – Pengemaskinian Semula Kadar Harga Makanan untuk Jamuan-Jamuan yang dianjurkan oleh sesebuah jabatan/agensi kerajaan negeri pada 1

Februari 2016.

SOALAN 4 : Apakah projek Pusat Bebas Cukai, di Pulau Bayas, Kenyir akan diteruskan? Berapakah anggaran tambahan kos yang akan digunakan bagi tahun 2016? Adakah seperti yang dianggarkan dalam Bajet 2016 atau sebaliknya?

JAWAPAN : Ya. Projek Pusat Bebas Cukai di Pulau Bayas akan diteruskan dengan peruntukan yang telah diluluskan sebagaimana Bajet 2016.

SOALAN 5 : Bagaimanakah kedudukan paras kemiskinan rakyat Terengganu terkini di peringkat nasional?

JAWAPAN : Berdasarkan Sistem eKasih, Statistik Kemiskinan Peserta eKasih pada 18 Februari 2016, Negeri Terengganu mencatatkan 32 keluarga yang berstatus Miskin Tegar, 10,421 Miskin dan 40,651 Terkeluar. Selain aktiviti Pemutihan yang dijalankan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu, faktor pengemaskinian nilai dan maklumat bantuan oleh Agensi Pemberi Bantuan turut memberi impak kepada prestasi kemiskinan peserta eKasih.

NEGERI	MISKIN TEGAR	RANK	MISKIN	RANK	MUDAH MISKIN	RANK	TERKELUAR	RANK	JUMLAH
SABAH	30,289	1	20,538	3	2,293	4	18,266	7	71,386
SARAWAK	29,627	2	35,213	1	8,319	1	21,646	5	79,640
KELANTAN	13,247	3	36,428	1	8,319	1	21,646	5	79,640
KEDAH	2,965	4	6,665	6	3,759	3	14,099	11	27,488
SELANGOR	2,805	5	7,431	5	274	5	21,775	4	32,285
PULAU PINANG	1,074	6	4,605	8	0		19,942	6	25,621
PAHANG	1,067	7	3,579	10	13	8	15,621	9	20,280
PERAK	967	8	5,724	7	0		35,134	3	41,825
WP KUALA LUMPUR	663	9	1,704	13	10	9	13,091	13	15,468
JOHOR	503	10	4,439	9	0		16,204	8	21,146
NEGERI SEMBILAN	281	11	3,141	12	42	7	14,501	10	17,965
WP LABUAN	236	12	561	15	0		2,924	15	3,721
PERLIA	214	13	3,328	11	0		9,268	14	12,810
TERENGGANU	32	14	10,421	4	46	6	40,651	1	51,150
WP PUTRAJAYA	1	15	4	16	0		238	16	243
MELAKA	0	16	1,621	14	0		14,080	12	15,701
<b>JUMLAH</b>	<b>83,973</b>		<b>145,424</b>		<b>21,609</b>		<b>295,464</b>		<b>546,470</b>

Nota:

Data sehingga 17 Februari 2016

Berdasarkan Maklumat Peserta e-Kasih

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 8 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.13.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK**

**WAKIL SURA**

SOALAN 1 : Apakah status terkini projek tanaman herba di Pasir Raja dan Durian Mentangau serta berapakah peluang pekerjaan yang dapat disediakan?

JAWAPAN : **1) Tanaman Herba dan Bioteknologi Pasir Raja**



## **Skop Projek**

Kawasan seluas 406 hektar di Pasir Raja, daerah Dungun, Terengganu telah dikenalpasti bagi pembangunan Taman Herba dan Bioteknologi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Ianya akan dibangunkan di dalam dua fasa iaitu Fasa 1 seluas 50 ha dan Fasa 2 bagi baki kawasan seluas 356 ha. Syarikat induk, Bioalpha Holding Bhd. telah dilantik pada 7 April 2014 bagi menjalankan operasi secara komersial dan bakal membuka 162 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan menjelang 2020 dalam bidang professional, teknikal, penyelia dan pekerja ladang.

## **Skop Terkini**

### **i) Kawasan Penanaman**

Setakat 31 Disember 2015, syarikat induk telah membuka kawasan seluas 63 ekar yang merangkumi kawasan nurseri serta kawasan penanaman terbuka dan secara kaedah "wild crafting".

### **ii) Pelaburan**

Syarikat induk juga telah melabur sejumlah RM2.35 juta pada tahun 2015 dan akan

ditingkatkan ke RM3 juta menjelang penghujung suku pertama 2016.

**iii) Peluang Pekerjaan**

Sehingga kini, seramai 21 orang penduduk tempatan telah diambil bekerja secara tetap di kawasan ladang dan nursery.

**iv) Bidang Keusahawanan**

Seramai 15 usahawan akan dilantik sebagai pengusaha kontrak bagi Fasa 2 yang akan bermula pada suku ke 2 tahun ini.

SOALAN 2 : Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menyediakan tempat perniagaan bagi peniaga-peniaga bumiputera di Bandar Dungun.

JAWAPAN : Majlis Perbandaran Dungun telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi cadangan projek-projek pembangunan di dalam kawasan majlis Perbandaran Dungun di bawah Blok VOT P. 32 2016 sebagaimana berikut:

**a) Projek perdagangan dan perindustrian di dalam kawasan Majlis Perbandaran Dungun**

Di bawah cadangan projek ini, Majlis Perbandaran Dungun telah mencadangkan Cadangan Pembangunan Semula Gerai Perpindahan Sementara Tapak ABI dan Tapak Pasar Minggu Di Jalan Merbok yang mengandungi elemen-elemen pembangunan seperti berikut:-

- i) Bangunan Rumah Kedai:-  
3 Unit 3 Tingkat
  
- ii) Tapak Pasar Tani dan Pasar Malam
  - Anggaran 100 lot Petak Niaga

**b) Kompleks Perkedaiian Paka**

Cadangan projek ini telah dicadangkan di bawah RMK 11 (Second Rolling Plan) – Komponen projek mengandungi elemen-elemen berikut:-

- i) Perkedaiian 8 unti 2 tingkat – (20' x 60')

ii) Tempat Letak Kereta

- Rangkaian Jalan

**c) Pasar Borong Bersepadu Bandar Dungun**

Cadangan projek ini telah dicadangkan di bawah RMK 11 (Second Rolling Plan), penyediaan sebuah kompleks Pasar Borong yang terancang dan serba lengkap di atas sebahagian tapak IKS Batu 7 seluas 2 hektar.

SOALAN 3 : Apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi kesesakan jalan raya di Bandar Kuala Terengganu terutama di musim perayaan dan cuti umum.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Berapakah bilangan pelajar anak Negeri Terengganu yang menuntut di IPTA dan IPTS di dalam dan luar negeri.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri

Terengganu.

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7, 9 DAN 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.14**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI HILMI BIN HARUN**

**WAKIL MANIR**

SOALAN 1 : Adakah nama-nama golongan OKU telah dimasukkan secara terus ke dalam Sistem e-Kasih oleh pihak kerajaan?

JAWAPAN : Sistem e-Kasih merupakan Pangkalan Data bagi pemohon yang telah diluluskan menjadi peserta e-Kasih. Saringan awal dilaksanakan oleh Pejabat Daerah manakala tindakan Bancian dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu.

**Hanya peserta (KIR dan AIR) yang berada dalam golongan OKU yang telah memohon dan layak dimasukkan ke dalam Sistem e-Kasih.** Ini kerana tidak semua golongan OKU berada di dalam keluarga

miskin dan memerlukan bantuan. Tindakan ini bagi mengelakkan lambakan data di dalam Sistem e-Kasih yang akan memberi kesan negatif kepada capaian sistem.

Walau bagaimanapun bagi golongan OKU yang mendapat bantuan daripada agensi pemberi bantuan seperti JKM, semua maklumat tersebut telah disimpan di agensi yang berkaitan.

SOALAN 2 : Adakah kerajaan bercadang, membuka pusat bantuan pemulihan pendengaran untuk mereka yang mempunyai masalah tersebut?

JAWAPAN : Pada masa ini, kerajaan masih belum bercadang untuk membuka pusat bantuan pemulihan pendengaran untuk mereka yang mempunyai masalah tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**PADA 7 HINGGA 9 MAC 2016**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BILANGAN 5.1.15.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN**

**WAKIL RANTAU ABANG**

SOALAN 1 : Sejauh manakah Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah sistem pengurusan perparitan di kawasan perumahan untuk dialirkan ke longkang besar yang sedia ada.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan status terkini jumlah perumahan mampu milik yang telah siap dibina oleh kerajaan tetapi masih belum selesai diagih kepada pemohon mengikut daerah dan apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN : Sehingga 18 Februari 2016, jumlah perumahan mampu milik yang telah siap di bina oleh kerajaan adalah sebanyak 21 projek melibatkan 5811 unit. 98% nama pemohon telah selesai dimuktamadkan dan dalam tindakan pihak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk proses tawaran, penerimaan bayaran deposit dan penyerahan kunci rumah mampu milik. Manakala baki 2% nama dijangkakan selesai dimuktamadkan dalam masa terdekat. Berikut adalah pecahan projek perumahan mampu milik mengikut

daerah:

Bil	Daerah	Nama Projek	Jumlah Unit
1	Kuala Terengganu	RPMM cerung Binjai	120
2		RMM Batu Hampar	437
3		RPMM Pulau Duyong	176
4	Kemaman	RMM GongCengal	466
5		RMM Perasing Jaya	485
6	Dungun	RMM Batu 7	500
7		RMM Paya Beril	290
8		RMM Bukit Tebuk	100
9		RMM Paya lawas	243
10	Besut	RPMM Mengabang Besar	144
11		RMM Gong Tengah	411
12		RMM Padang Luas	252
13		RMM Gong Nering	71
14		RPMM Tok Saboh	72



15	Hulu Terengganu	RMM Sungai Bejar	114
16		RMM Batu 22	291
17		RMM Pekan Ajil	195
18	Marang	RMM Buki Gasing	291
19	Setiu	RMM Sungai Tong	133
20	Kuala Nerus	RPMM Kg. Batin	720
21		RMM Banggol Tuan Muda	300
		Jumlah	5811

**SOALAN 3** : Sila nyatakan status terkini penyelenggaraan jalan di Kampung Rajawali Pulau Serai Dungun dan berapakah kosnya.

**JAWAPAN** : Jalan di Kampung Rajawali, Pulau Serai, Dungun telah diselenggarakan secara rutin oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) seperti mencuci longkang, memotong rumput dan menampal 'pothole' yang dijalankan oleh konsesi yang telah dilantik.

Manakala Majlis Perbandaran Dungun juga telah menyelenggara jalan dan jambatan di Jalan Sungai Rajawali pada tahun 2015 dengan kos sebanyak RM141,400.00 dan membina dan menyiapkan Jalan Kampung Rajawali, Pulau Serai, Dungun pada tahun 2014

dengan kos sebanyak RM331,677.50.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah kekosongan jawatan terkini yang telah diisi oleh kerajaan dalam sektor kerajaan dan anak syarikat.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.